

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat
dan Wakaf Di Malaysia Fasa 4
(Zon 3)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

30 April 2020

[ISBN 978-969-0601-15-1]

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat
dan Wakaf Di Malaysia Fasa 4

(Zon 3)

ISI KANDUNGAN

		Muka surat
	SENARAI JADUAL	vi
	SENARAI RAJAH	viii
	SENARAI RINGKASAN	ix
	RINGKASAN EKSEKUTIF	xiii
	PENGHARGAAN	xix
Bab 1 –	Pengenalan	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Objektif dan Persoalan Kajian	3
	1.2 Metodologi Kajian	5
	1.3 Struktur Laporan	6
	1.4 Rumusan	7
Bab 2 –	Latar Belakang Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf	
	2.0 Pengenalan	8
	2.1 Tadbir Urus Institusi BZW	8
	2.2 Ringkasan Operasi Perakaunan Institusi BZW	10
	2.3 Rumusan	15
Bab 3 –	Sorotan Literatur	
	3.0 Pengenalan	16
	3.1 Akauntabiliti Sebagai Asas Perakaunan	16
	3.2 Perakaunan Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf	18
	3.2.1 Cabaran-Cabaran Perakaunan dan Pelaporan BZW	20
	3.3 Pelaburan Sosial	22
	3.4 Perakaunan Dana (Kumpulan Wang)	22
	3.5 Sorotan Literatur MPSAS Fasa 4	27
	3.5.1 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)	27
	3.5.2 Transaksi Dengan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)	29
	3.5.3 Pendedahan Maklumat Belanjawan (MPSAS 24)	30

	3.5.4	Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)	32
	3.5.5	Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)	33
	3.5.6	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (MPSAS 36)	35
	3.5.7	Pengaturan Bersama (MPSAS 37)	36
	3.5.8	Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain (MPSAS 38)	37
	3.5.8.1	Kepentingan Dalam Entiti yang Dikawal	38
	3.5.8.2	Kepentingan Dalam Entiti yang Dikawal Tidak Disatukan	38
	3.5.8.3	Kepentingan Dalam Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu	38
	3.5.8.4	Kepentingan Dalam Entiti Berstruktur Tidak Disatukan	39
	3.5.8.5	Kepentingan Pemilikan Tidak Dapat Dikira	40
	3.5.8.6	Pemilikan Yang Dikawal untuk Tujuan Penjualan	40
	3.6	Rumusan	40
Bab 4 –		Kaedah Penyelidikan	
	4.0	Pengenalan	42
	4.1	Objektif dan Persoalan Kajian	42
	4.2	Metodologi Kajian	44
	4.2.1	Objektif Kajian Pertama	44
	4.2.1.1	Pengumpulan Data	45
	4.2.1.2	Analisis Data	46
	4.2.2	Objektif Kajian Kedua	47
	4.2.2.1	Pengumpulan Data	47
	4.2.2.2	Analisis Data	47
	4.2.3	Objektif Kajian Ketiga	47
	4.2.3.1	Pengumpulan Data	48
	4.2.3.2	Analisis Data	49
	4.2.4	Objektif Kajian Keempat	49

	4.3 Rumusan	49
Bab 5 –	Amalan Semasa	
	5.0 Pengenalan	50
	5.1 Dapatan Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan	51
	5.1.1 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)	51
	5.1.2 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)	53
	5.1.3 Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum (MPSAS 22)	56
	5.1.4 Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)	56
	5.1.5 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)	57
	5.1.6 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)	60
	5.1.7 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (MPSAS 36)	62
	5.1.8 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)	63
	5.1.9 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)	65
	5.2 Rumusan	68
Bab 6 –	Keperluan Syariah dan Pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan	
	6.0 Pengenalan	69
	6.1 Keperluan Syariah Dalam Perakaunan dan Pelaporan BZW	69
	6.1.1 Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan (MPSAS 14)	69
	6.1.2 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)	70
	6.1.3 Persembahan Maklumat Belanjawan (MPSAS 24)	71
	6.1.4 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)	72
	6.1.5 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)	73
	6.1.6 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha sama (MPSAS 36)	73

	6.1.7 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)	75
	6.1.8 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)	75
	6.2 Pentadbiran Dana Baitulmal, Zakat, dan Wakaf di MAIN	78
	6.2.1 Maqasid Syariah	78
	6.2.1.1 Definisi Maqasid Syariah	79
	6.2.1.2 Lima Kategori Masalah (Al-Dharuriyyat al-Khams)	80
	6.2.2 Fungsi MAIN sebagai Pentadbir dan Pemegang Amanah BZW	81
	6.2.3 Pentadbiran Wakaf Menurut AAOIFI	83
	6.3 Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Fasa 4	85
	6.4 Rumusan	91
Bab 7 –	Batasan Perundangan	
	7.0 Pengenalan	92
	7.1 Latar Belakang Enakmen	92
	7.2 Analisis Empat Tema Kewangan Dalam Empat Enakmen/Akta	94
	7.3 Sokongan Enakmen Ke Atas Struktur Main	96
	7.3.1 Struktur Kumpulan Wang MAIN Mengikut Akta/Enakmen	96
	7.3.2 Struktur Kumpulan Wang MAIN Secara Praktis (Amalan)	99
	7.3.3 Pelarasan antara Pola Struktur dengan Enakmen dan Amalan	100
	7.3.4 Kesimpulan	105
	7.4 Akta-Akta/Enakmen Berkaitan Dengan Pentadbiran MAIN	105
	7.4.1 Pertembungan Bidang Kuasa Persekutuan dan Negeri	105
	7.4.2 Akta-akta Persekutuan	107
	7.4.3 Undang-Undang Tubuh Negeri	110
	7.4.4 Keperluan Akaun MAIN Diaudit	110
	7.5 Rumusan	111

Bab 8 –	Cadangan Pembangunan Perakaunan dan Pelaporan Islam BZW	
	8.0 Pengenalan	113
	8.1 Pematuhan Aspek Syariah	113
	8.2 Pelaburan Sosial	115
	8.2.1 Perakaunan Pelaburan Sosial	115
	8.3 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)	116
	8.3.1 Peristiwa perlu pelarasan	117
	8.3.2 Peristiwa tidak perlu pelarasan	119
	8.4 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)	120
	8.5 Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum (MPSAS 22)	120
	8.6 Maklumat Berkaitan Belanjawan (MPSAS 24)	121
	8.7 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)	123
	8.8 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)	125
	8.9 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama (MPSAS 36)	132
	8.10 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)	134
	8.11 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)	137
	8.12 Rumusan	141
Bab 9 –	Rumusan, Limitasi dan Halatuju Penyelidikan	
	9.0 Pengenalan	142
	9.1 Rumusan	142
	9.2 Limitasi Kajian	144
	9.3 Hala Tuju Kajian	145
SENARAI RUJUKAN		148
LAMPIRAN		161

SENARAI JADUAL

Jadual	Item	Muka Surat
Jadual 2.1	Ringkasan Tadbir Urus Institusi BZW	9
Jadual 2.2	Ringkasan Pentadbiran dan Perakaunan Institusi BZW	11
Jadual 2.3	Senarai Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu MAIN Zon 3	13
Jadual 2.4	Ringkasan Pelaporan Kumpulan Wang MAIN Zon 3	14
Jadual 4.1	Objektif Kajian dan Persoalan Kajian	43
Jadual 4.2	Tarikh dan Pegawai yang Ditemu bual	46
Jadual 5.1	Tarikh Pelaporan dan Tarikh Akaun Ditandatangani oleh KAN	51
Jadual 5.2	Peristiwa Selepas Tarikh Kewangan	52
Jadual 5.3	Pendedahan Pihak Berkaitan	55
Jadual 5.4	Pendedahan Bajet dalam Penyata Kewangan	56
Jadual 5.5(a)	Pendedahan dalam Penyata Kewangan Disatukan	58
Jadual 5.5(b)	Pendedahan dalam Penyata Kewangan Disatukan	59
Jadual 5.6	Penyata Kewangan Berasingan	60
Jadual 5.7	Ringkasan Amalan Perakaunan Pelaburan di Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	63
Jadual 5.8	Amalan bagi Pengaturan Bersama dan Penyata Kewangan Berasingan	64
Jadual 5.9	Pendedahan Sifat Kepentingan dan Risiko	66
Jadual 5.10	Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu	67
Jadual 5.11	Pendedahan mengenai Sifat dan Risiko Kepentingan	67
Jadual 7.1	Latar belakang Enakmen Setiap Negeri	93
Jadual 7.2	Tema “Baitulmal” Dalam Enakmen	94
Jadual 7.3	Tema “Zakat” Dalam Enakmen	95
Jadual 7.4	Tema “Wakaf dan Nazar” Dalam Enakmen	95
Jadual 7.5	Tema “Kewangan Majlis” Dalam Enakmen	96

Jadual 7.6	Nama Kumpulan Wang bagi Empat MAIN	98
Jadual 7.7	Perbandingan Pentadbiran KW: Akta/Enakmen dan Amalan	100
Jadual 7.8	Sokongan Enakmen ke atas Struktur Keseluruhan MAIN	101
Jadual 7.9	Ringkasan Akta/Enakmen Berkaitan Perakaunan di Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal	109
Jadual 8.1	Cadangan ke atas MPSAS 34	125
Jadual 8.2	Cadangan Piawaian Mengatasi Isu Kawalan dan Pendedahan Maklumat	131
Jadual 8.3	Cadangan Pelupusan Pelaburan Berkaitan Ketidapatuhan Syariah	132
Jadual 8.4	Cadangan Tambahan Berkaitan Pelaburan Sosial	133
Jadual 8.5	Cadangan Penambahan Perenggan Pengaturan Bersama ke atas MPSAS 37	137
Jadual 8.6	Cadangan Penambahan berkaitan dengan Pendedahan dan Pelaporan Kumpulan Wang MPSAS 38	140
Jadual 8.7	Cadangan Penambahan Perenggan Berkaitan Pelaburan Sosial	140

SENARAI RAJAH

Rajah	Item	Muka Surat
Rajah 2.1	Ringkasan Tadbir Urus Perakaunan Kumpulan Wang Zon 3	13
Rajah 6.1	Fungsi dan peranan MAIN terhadap harta BZW	83
Rajah 6.2	Kerangka Kerja Konseptual Fasa 4	86
Rajah 6.3	Ciri-ciri Kualitatif Pelaporan Kewangan	88
Rajah 7.1	Struktur MAIWP	97
Rajah 7.2	Struktur MUIP	97
Rajah 7.3	Struktur MAIK	97
Rajah 7.4	Struktur MAIDAM	98
Rajah 7.5	Struktur A	99
Rajah 7.6	Struktur B	99
Rajah 8.1	Amalan Semasa Penyatuan Akaun di MAIN	128
Rajah 8.2	Penyatuan Akaun MAIN berdasarkan KW	129

SENARAI RINGKASAN

Ringkasan	Keterangan
AAOIFI	Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
APT	Akta Pengambilan Tanah
BOT	Build Operate Transfer / Bina-Kendali-Pindah
BZW	Baitulmal, Zakat dan Wakaf
DT	Debit
FAS	Financial Accounting Standards
FEHB	Far East Holdings Bhd.
FV	Nilai Saksama (Fair Value)
IAS	International Accounting Standards/Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IASB	International Accounting Standards Board/Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa
IDB	Islamic Development Bank
IFA	Islamic Fiqh Academy
IFRS	International Financial Reporting Standards (Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa)

IPN	Institut Perakaunan Negara
IPSAS	International Public Sector Accounting Standards Board
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KAN	Ketua Audit Negara
KAOP	Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn) Berhad
KPPP	Kakitangan Utama/Penting Pihak Pengurusan
KT	Kredit
KTN	Kanun Tanah Negara
KW	Kumpulan Wang
LZS	Lembaga Zakat Selangor
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MASB	Malaysian Accounting Standards Board/Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MCCG	Malaysian Code on Corporate Governance
MFRS	Malaysian Financial Reporting Standards
MHSB	MUIP Hotel Sdn Bhd
MIA	Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants)

MMI	Mixed-method Investment/Pelaburan Secara Pendekatan-campuran
MPERS	Malaysian Private Entities Reporting Standard (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia)
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MPSAS	Malaysia Public Sector Accounting Standards (Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia)
MUIP	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
OIC	Organisation of Islamic Cooperation
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PKZ	Pusat Kutipan Zakat
PPI	Piawaian Perakaunan Islam
PPMJ	Pentadbiran Masjid Jajahan
PPT	Pihak Pengurusan Tertinggi
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PRI	Programme Related Investment (Pelaburan Berkaitan Program Kebajikan)
PTN	Pegawai Tadbir Negeri
SKU	Sektor Kerajaan Umum
SNA	System of National Accounts
SORPs	Statement of Recommended Practices
SPV	Special Purpose Vehicle (Entiti Tujuan Khas)
TB	Tidak Berkenaan
TPB	Transaksi dengan Pihak Berkaitan
TUK	Tadbir Urus Korporat

TYPTSIP	Tabung Yayasan Pengajian Tinggi Sultan Ismail Petra
UIAM/IIUM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTN	Undang-Undang Tubuh Negeri
UUM	Universiti Utara Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengantar

Di Malaysia, pentadbiran institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (selepas ini dinyatakan sebagai institusi BZW) dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), selaras dengan peruntukan undang-undang Perlembagaan Malaysia. Secara amnya institusi BZW ditadbir menggunakan dasar sektor awam, namun institusi ini mempunyai perbezaan atau keunikan dalam pentadbirannya berbanding dengan agensi sektor awam yang lain, iaitu institusi ini berlandaskan Islam. Mutakhir ini peranan dan perkembangan institusi BZW dalam membangunkan ekonomi dan harta umat Islam semakin ketara dan meningkat. Aktiviti berkaitan zakat semakin meluas dan pembangunan hartanah baitulmal dan wakaf lebih dinamik. Selaras dengan perkembangan ini, suatu piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan khusus bagi institusi BZW yang berlandaskan Islam perlu diwujudkan bagi membantu institusi BZW dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Ini bagi membolehkan setiap kegiatan dan perkhidmatan yang dilakukan oleh institusi tersebut dapat dilaporkan dengan telus sepertimana tuntutan Syariah. Amalan perakaunan yang seragam dan mematuhi keperluan Syariah diharapkan dapat membantu semua pemegang taruh mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan berkaitan dengan aktiviti institusi BZW.

Amalan dan kaedah perakaunan semasa yang sedikit berbeza di antara institusi BZW di negeri yang berbeza memberi kesan kepada ketelusan maklumat dan akauntabiliti institusi berkenaan. Kajian Fasa 1, 2 dan 3 mendapati ketiadaan piawaian khusus bagi perakaunan dan pelaporan BZW sebagai punca ketidakseragaman amalan dan kaedah perakaunan semasa. Sehubungan dengan itu, pembangunan piawaian adalah dituntut bagi memastikan agar perbezaan pelaporan dan perakaunan tidak terlalu ketara. Dalam konteks BZW, harus diingat bahawa memang terdapat perbezaan yang berpunca dari beberapa sebab seperti kelainan transaksi, perbezaan keputusan majlis fatwa negeri dan juga amalan tradisi yang telah diwarisi sejak sekian lama. Perbezaan ini perlu diraikan kerana kemungkinan terdapat kekangan tertentu yang tidak boleh atau agak sukar untuk dilaksanakan secara serta merta. Menyedari perkara ini, terdapat keperluan untuk menyeimbangi antara keperluan penyeragaman dan meraikan perbezaan. Oleh itu, usaha untuk membangunkan garis panduan yang boleh dijadikan rujukan buat institusi BZW menjadi satu keperluan.

Kajian ini dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melalui Institut Perakaunan Negara (IPN) bersama tiga buah universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Empat fasa dijadualkan dilaksanakan dalam kajian ini. Fasa 1 (2016) memberi tumpuan pada isu pendedahan secara umum manakala Fasa 2 (2017) memfokuskan pada item-item spesifik berkaitan aset. Fasa 3 (2018) pula membuat kajian spesifik berkaitan hasil dan liabiliti. Akhir sekali, Fasa 4 (2019) ini menumpukan kepada isu pendedahan dan pelaporan bagi institusi BZW. Secara khusus Fasa 4 ini membuat kajian ke atas aspek perakaunan dan pelaporan yang dinyatakan di dalam sembilan MPSAS berkaitan dengan Penyata Kewangan Berasingan; Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan; Pendedahan Pihak Berkaitan; Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan; Persembahan Maklumat Belanjawan Dalam Penyata Kewangan; Penyata Kewangan Disatukan; Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu & Usahasama; Pengaturan Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain.

Objektif Kajian

Objektif Kajian Fasa 4 ini adalah ditetapkan sebagai kesinambungan kepada Fasa 1, 2 dan 3. Empat objektif kajian telah dibentuk berdasarkan kepada perbincangan antara kesemua pihak yang berkaitan.

Objektif pertama adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan BZW oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri). Bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidik membuat rujukan ke atas Piawaian Perakaunan Sektor Awam (*Malaysian Public Sector Accounting Standards [MPSAS]*) dan seterusnya digunakan untuk menganalisa penyata tahunan MAIN yang berkaitan. Maklumat ini juga akan digunakan sebagai input dalam membuat cadangan kepada Jabatan Akauntan Negara untuk tujuan pembangunan Piawaian Perakaunan Islam untuk institusi BZW.

Objektif kedua adalah untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi institusi BZW. Kajian awal pembangunan Kerangka Kerja Konseptual telah dijalankan dalam Fasa 1 dan dicadangkan agar dijadikan sebagai panduan atau kerangka dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang dimaksudkan. Fasa 4 ini meneruskan pencarian maklumat atau penjelasan yang lebih terperinci mengenai elemen-elemen penting kerangka berkenaan sepertimana yang dinyatakan di dalam MPSAS berkaitan.

Objektif ketiga pula adalah bertujuan untuk mengenal pasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi BZW. Kajian Fasa 4 ini lebih menjurus kepada keperluan Syariah berkaitan isu pendedahan dan pelaporan serta menganalisa batasan-batasan undang-undang sivil yang berkemungkinan akan memberi kekangan ke atas perakaunan Islam.

Objektif kajian keempat adalah bertujuan untuk mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi institusi BZW yang memenuhi keperluan Syariah dan perundangan sivil.

Memandangkan pada masa ini terdapat limitasi dari segi Piawaian Perakaunan Islam yang boleh diguna pakai di dunia amnya dan di Malaysia khususnya, maka amatlah penting keempat-empat objektif kajian ini dicapai. Sebagai kajian perintis, hasil kajian ini dapat mengorak langkah kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam (PPI) bagi institusi BZW.

Metodologi Kajian

Sepertimana dalam kajian tiga fasa sebelum ini, Fasa 4 juga mengguna pakai kaedah triangulasi di mana pengumpulan data dijalankan melalui temu bual dan perbincangan kumpulan fokus dan semakan dokumen. Data primer dalam kajian adalah kombinasi data yang diperolehi melalui temu bual dan perbincangan kumpulan fokus manakala bagi data sekunder, semakan dokumen yang berkaitan. Kedua-dua data ini dijadikan sumber data untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual dan pembangunan perakaunan Islam BZW. Dari data sekunder, kajian Fasa 4 ini telah membuat semakan ke atas Penyata Kewangan MAIN bagi tahun 2017, Al-Quran, Hadis, Ijma', Qiyas, perundangan Syariah Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah. Pendekatan yang sama juga telah dijalankan ke atas entiti yang diberi kuasa oleh MAIN.

Sampel kajian untuk Zon 4 terdiri daripada 4 MAIN iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) serta entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam mentadbirkan BZW. Untuk mendapatkan hasil yang konstruktif khususnya dalam pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Perakaunan Islam, kajian telah mengguna pakai dua kaedah pengumpulan data; iaitu metodologi yang bersandarkan kepada pandangan Imam as-

Syatibi (Maqasid al-Syariah), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam as-Sayuti (Ashbah wa an-Nazair) dan kaedah pengumpulan data berpandukan kepada '*generic inquiry method*'. Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, pengumpulan data secara temuduga menjadi keutamaan bagi mendapatkan kesahihan lakaran Kerangka kerja Konseptual yang dicadangkan, yang melibatkan pakar-pakar muamalat, Syariah dan ekonomi/kewangan Islam. Kajian juga melibatkan wakil-wakil Institusi BZW serta pakar-pakar kewangan dan perakaunan Islam bagi mendapatkan pandangan mereka dalam mengenal pasti dan mengesahkan perakaunan dan pelaporan atas isu-isu yang berkaitan dengan MPSAS dalam kaji selidik Fasa 4 ini.

Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian Fasa 4 ini memberi penumpuan kepada isu pendedahan dan pelaporan bagi 9 MPSAS berikut:

- i. MPSAS 14 (Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan)
- ii. MPSAS 20 (Pendedahan Pihak Berkaitan)
- iii. MPSAS 22 (Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum)
- iv. MPSAS 24 (Persembahan Maklumat Belanjawan)
- v. MPSAS 34 (Penyata Kewangan Berasingan)
- vi. MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan)
- vii. MPSAS 36 (Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama)
- viii. MPSAS 37 (Pengaturan Bersama)
- ix. MPSAS 38 (Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain)

Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa MAIN telah mengguna pakai perakaunan dana atau Kumpulan Wang (*fund accounting*) yang membolehkan perakaunan berasingan bagi setiap Kumpulan Wang (KW), iaitu KW Baitulmal atau Sumber Am, KW Zakat dan KW Wakaf.

Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP

Pada keseluruhannya, fokus kajian Fasa 4 ialah pendedahan maklumat di dalam Penyata Kewangan iaitu peristiwa selepas tarikh penyata kewangan, maklumat berkaitan dengan pihak berkaitan, belanjawan dan pegangan atau kepentingan MAIN di dalam entiti yang dikawal, syarikat bersekutu serta pengaturan bersama. Maklumat perakaunan dan pelaporan yang diamalkan oleh MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP telah dibuat melalui semakan ke atas

Penyata Kewangan 2017 serta temuduga dan perbincangan kumpulan fokus dengan pegawai-pegawai yang berkaitan.

Bagi peristiwa selepas tarikh penyata kewangan tidak terdapat sebarang peristiwa selepas tarikh penyata kewangan dilaporkan dalam penyata kewangan MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP bagi tahun 2017. Bagi maklumat berhubung dengan pihak berkaitan, MAIN didapati membuat pendedahan di dalam penyata kewangan masing-masing (i.e. melalui nota akaun). Walaubagaimanapun, tiada sebarang pendedahan berkaitan dengan bajet dan kesemua MAIN, terutamanya MAIK dan MAIDAM, boleh memperbaiki pendedahan yang ditetapkan oleh MPSAS 20 mengenai pihak berkaitan. Bagi pegangan atau kepentingan di dalam entiti lain atau pengurusan bersama pula, maklumat yang didedahkan adalah berbeza selaras dengan jenis kepentingan MAIN di dalam entiti berkenaan. MAIWP dan MUIP mempunyai entiti yang dikawal dan didapati telah membuat penyatuan akaun di antara akaun utama MAIN berkenaan dengan entiti yang dikawal. Di samping entiti yang dikawal, MUIP juga mempunyai pegangan di dalam syarikat bersekutu yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti dan telah menyediakan akaun berasingan untuk entiti ini. Dapatan menunjukkan tiada sebarang pendedahan mengenai pengurusan bersama oleh keempat-empat MAIN berkenaan. Walaubagaimanapun melalui temu bual bersama pegawai berkaitan didapati MAIK telah mengambil bahagian dalam satu pengurusan bersama Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk tujuan pembangunan asnaf.

Cadangan

Perlu ditekankan di sini bahawa di dalam membuat cadangan dalam Fasa 4, kami menjadikan Konsep Perakaunan Dana sebagai prinsip utama di dalam penentuan piawaian perakaunan untuk MAIN. Dalam mencadangkan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi BZW, penyelidik membuat ketetapan seperti berikut (berdasarkan kepada MPSAS yang dikaji dalam Fasa 4):

- i. Item di dalam MPSAS berkaitan yang tidak bercanggah dengan keperluan Syariah dan Konsep Perakaunan Dana akan **dikekalkan** dan dibuat pindaan di mana perlu mengikut ciri-ciri dan aktiviti institusi BZW.
- ii. Keperluan Syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS berkaitan akan **ditambah**.
- iii. Item di dalam MPSAS berkaitan yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan Syariah akan **dipinda** atau **dikeluarkan**.

- iv. Item di dalam MPSAS berkaitan yang tidak relevan dengan aktiviti institusi BZW akan **dikeluarkan**.

Sebagai contoh, perenggan 47 di dalam MPSAS 35 mengenai pembentangan kepentingan minoriti boleh dikekalkan. Sebagai tambahan, kami mencadangkan agar penambahbaikan kepada perenggan ini perlu memasukkan keperluan pembentangan maklumat naratif berkaitan dengan kepentingan minoriti. Kami juga merasakan bahawa MPSAS 22 langsung tidak relevan bagi aktiviti MAIN dan MPSAS ini dikeluarkan dari senarai MPSAS yang boleh diguna pakai oleh MAIN.

Limitasi (Batasan) Kajian

Dapatan kajian Fasa 4 Zon 3 dikemukakan berdasarkan beberapa batasan tertentu. Pertama, kajian hanya dijalankan ke atas empat Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) iaitu MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP dan entiti bersekutu seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ). Kedua, kajian ini hanya menggunakan MPSAS sebagai tanda aras (*benchmark*) / rujukan untuk mengenal pasti jurang di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN dan bagi Fasa 4 ini perhatian hanya ditumpukan kepada 9 MPSAS yang disenaraikan pada permulaan bab ini. Ketiga, kajian hanya tertumpu ke atas item-item yang perlu dipersembahkan di dalam penyata kewangan MAIN sahaja manakala jurang yang dikenalpasti adalah berdasarkan kepada Penyata Kewangan Tahunan 2017 sahaja. Keempat, cadangan-cadangan yang dibincangkan dalam Bab 8 terhad kepada cadangan mengenai 9 MPSAS yang disebut di atas, iaitu MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38. Kelima, enakmen kerajaan negeri yang disemak hanya terhad kepada empat negeri sahaja iaitu Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ini adalah kerana kajian ini dijalankan mengikut zon-zon yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Akauntan Negara. Keenam, dalam metodologi kualitatif yang digunakan untuk mengumpul maklumat, pakar perakaunan Islam yang terlibat hanyalah segelintir sahaja.

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan Naungan al-Rahman dan al-Rahim-Nya projek dan laporan penyelidikan ini telah dapat disiapkan. Bagi semua pihak yang terlibat dalam projek ini, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, terutama sekali kepada YBhg Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia dan YBrs. En. Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak kami untuk menyelaras projek penyelidikan ini dengan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak Jabatan. Kami juga berbesar hati menyatakan penghargaan kepada Pengarah Institut Perakaunan Negara JANM, En. Burhanudin Mohd Noor dan seluruh sekretariat penyelidikan JANM yang telah memberi panduan dan menyelaras projek penyelidikan ini dengan lancar dan bermutu, mulai dari tahap penggubalan kertas cadangan penyelidikan, pengurusan siri seminar dan akhir sekali penyediaan laporan penyelidikan ini.

Penyelidikan ini tidak mungkin lengkap dan relevan tanpa kerjasama pegawai-pegawai entiti-entiti berkenaan. Justeru, kami berbesar hati melafazkan ucapan terima kasih kepada semua responden yang berkhidmat dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Pusat Pungutan Zakat WP (PPZ WP), Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ Pahang), Pejabat JANM di Negeri-Negeri berkaitan serta Jabatan Audit Negeri Pahang. Kami terhutang budi kepada pakar-pakar Syariah dan perakaunan yang telah memberikan kerjasama penuh kepada pasukan penyelidik universiti ketika mereka menjalankan kerja lapangan projek penyelidikan ini.

Kami berharap maklumat dan dapatan dalam laporan ini dapat membantu JANM membuat keputusan berkaitan dengan pembangunan polisi dan piawaian perakaunan patuh Syariah demi mengukuhkan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.


Ikhlas Daripada

Pengarah Projek Penyelidikan
Bahagian Pembangunan Perakaunan
dan Pengurusan JANM

Pengurus Projek Penyelidikan
Institut Perakaunan Negara JANM



Kumpulan Penyelidikan



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُونَيْتِي اِسْلَامِيَّةٌ اِنْتَارَا اِيغْسِيَا مِلَيْسِيَا

Professor Dr. Maliah Sulaiman (Ketua)

Associate Professor Dr. Hafiz Majdi Abd Rashid

Associate Professor Dr. Fatima Abdul Hamid

Assistant Professor Dr. Siti Alawiah Siraj

Assistant Professor Dr. Marhanum Che Mohd Salleh

Encik Yusof Ismail

Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan universiti-universiti yang terlibat dengan projek penyelidikan ini terlebih dahulu.

Penafian

Penyelidik bertanggungjawab terhadap ketepatan semua pandangan, komen, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan lakaran grafik di dalam laporan ini, dan untuk memeriksa sama ada bahan yang dihantar adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak milik. Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan apa-apa komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta serta tuntutan terhadap hak cipta atau hak milik.

BAB 1: PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, pentadbiran institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (selepas ini dinyatakan sebagai institusi BZW) dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), selaras dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia. Secara amnya institusi BZW ditadbir menggunakan dasar sektor awam, namun institusi ini mempunyai perbezaan atau keunikan dalam pentadbirannya berbanding dengan agensi sektor awam yang lain iaitu berlandaskan Islam. Mutakhir ini peranan dan perkembangan institusi BZW dalam membangunkan ekonomi dan harta umat Islam semakin ketara dan meningkat. Aktiviti berkaitan zakat semakin meluas dan pembangunan hartanah baitulmal dan wakaf lebih dinamik. Dalam pada itu, MAIN telah menerima pelbagai kritikan dari masyarakat mengenai kecekapan pengurusan dan ketelusan dalam pelaporan dana BZW. Ketidakwujudan piawaian perakaunan yang seragam untuk diguna pakai oleh semua institusi BZW dianggap sebagai punca utama kepada permasalahan ketelusan pelaporan dana BZW. Ekoran daripada ketidakwujudan piawaian perakaunan yang khusus, sebahagian MAIN telah mengamalkan perakaunan dan pelaporan berdasarkan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (*Malaysian Private Entities Reporting Standards* [MPERS]), manakala sebahagian yang lain telah menjadikan Garis Panduan Amalan Terbaik yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara sebagai rujukan utama untuk amalan perakaunan serta pelaporan. Ada juga di antara MAIN yang telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standard* [MPSAS]) sebagai piawaian perakaunan dan pelaporan entiti berkenaan.

Ketidakeragaman amalan perakaunan dan pelaporan menjadi cabaran utama dalam membuat perbandingan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan institusi-institusi ini terutamanya berkaitan pengurusan dana BZW. Walaupun MAIN bukanlah merupakan entiti yang menjadikan keuntungan sebagai matlamat utamanya, kewujudan institusi-institusi seumpama ini tetap bergantung kepada kekuatan pengurusannya termasuklah pengurusan dana yang akan dirujuk oleh pemegang taruh. Oleh yang demikian, penilaian terhadap prestasi kewangannya adalah sangat penting. Penilaian prestasi kewangan hanya dapat dilaksanakan dengan tepat dan betul sekiranya maklumat kewangan dan bukan kewangan yang diperlukan

¹MAIN yang menggunakan MPSAS di Zon 3 ialah MUIP sahaja

didedahkan dengan lengkap, tepat dan diperakui atau disahkan. Keperluan maklumat yang lengkap, tepat dan diperakui menunjukkan betapa pentingnya piawaian perakaunan yang seragam diwujudkan untuk semua MAIN. Piawaian perakaunan yang seragam ini bukan sahaja memudahkan penilaian prestasi kewangan sesuatu MAIN tetapi juga membantu menilai prestasi di antara semua MAIN. Perkara ini adalah sangat penting memandangkan pemegang taruh seperti pewakaf, pembayar zakat dan pihak asnaf perlu dimaklumkan bahawa dana BZW telah digunakan secara optimum dalam menjana manfaat.

Setelah mengenal pasti keperluan membangunkan piawaian perakaunan dan pelaporan yang seragam untuk BZW, Jabatan Akauntan Negara telah melantik tiga universiti awam tempatan (Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM], Universiti Utara Malaysia [UUM] dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia [UIAM]) pada tahun 2016 untuk memulakan satu kajian amalan semasa perakaunan dan pelaporan di semua MAIN. Kajian ini juga memberi indikasi kepada keperluan untuk mewujudkan satu piawaian perakaunan dan pelaporan yang bukan hanya seragam tetapi juga terperinci selaras dengan keunikan dana BZW. Kajian ini dijalankan melalui empat fasa seperti berikut:

- a. Fasa 1 memberi penumpuan kepada aspek pendedahan dan pelaporan maklumat ke atas empat MPSAS seperti berikut:
 - i. MPSAS 1 (Pembentangan Penyata Kewangan)
 - ii. MPSAS 2 (Penyata Aliran Tunai)
 - iii. MPSAS 3 (Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan)
 - iv. MPSAS 6 (Penyatuan dan Penyata Kewangan Berasingan)
- b. Fasa 2 meneliti aspek pengiktirafan dan pengukuran serta pendedahan dan pelaporan aset ke atas lapan MPSAS iaitu:
 - i. MPSAS 12 (Inventori)
 - ii. MPSAS 13 (Pajakan)
 - iii. MPSAS 16 (Harta Pelaburan)
 - iv. MPSAS 17 (Hartanah, Loji dan Peralatan)
 - v. MPSAS 21 (Rosot Nilai Aset yang tidak menjana tunai)
 - vi. MPSAS 26 (Rosot Nilai Aset yang menjana tunai)
 - vii. MPSAS 27 (Pertanian)
 - viii. MPSAS 31 (Aset Tak Ketara)

- c. Fasa 3 menganalisis kriteria-kriteria pengiktirafan, pendedahan dan pelaporan untuk hasil, liabiliti dan belanja bagi BZW. Sepuluh MPSAS berikut telah dikaji:
- i. MPSAS 4 (Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing)
 - ii. MPSAS 5 (Kos Pinjaman)
 - iii. MPSAS 9 (Hasil daripada Urusniaga Pertukaran)
 - iv. MPSAS 11 (Kontrak Pembinaan)
 - v. MPSAS 19 (Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka)
 - vi. MPSAS 23 (Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
 - vii. MPSAS 25 (Manfaat Pekerja)
 - viii. MPSAS 28 (Instrumen Kewangan: Persembahan)
 - ix. MPSAS 29 (Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran)
 - x. MPSAS 30 (Instrumen Kewangan: Pendedahan)
- d. Di Fasa 4 ini pula, kajian memberikan tumpuan ke aspek pendedahan dan pelaporan khususnya yang berkaitan dengan pelaburan dalam entiti dan penyertaan dalam pengoperasian bersama. Kajian telah dibuat ke atas sembilan MPSAS seperti berikut:
- i. MPSAS 14 (Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan)
 - ii. MPSAS 20 (Pendedahan Pihak Berkaitan)
 - iii. MPSAS 22 (Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum)
 - iv. MPSAS 24 (Persembahan Maklumat Belanjawan)
 - v. MPSAS 34 (Penyata Kewangan Berasingan)
 - vi. MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan)
 - vii. MPSAS 36 (Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama)
 - viii. MPSAS 37 (Pengaturan Bersama)
 - ix. MPSAS 38 (Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain)

1.1. OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Sama seperti kajian tiga fasa terdahulu, empat objektif yang perlu dicapai dalam kajian kali ini adalah seperti berikut:

- i. Objektif Pertama: Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri).

Untuk mencapai objektif kajian pertama ini, persoalan kajian dirumuskan seperti berikut:

Persoalan Kajian 1: Apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?

- ii. Objektif Kedua: Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi institusi BZW.

Persoalan kajian untuk mencapai objektif kedua dirumuskan sebagai berikut:

Persoalan Kajian 1: Apakah kriteria atau prinsip pendedahan yang perlu dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi aset berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf?

Persoalan Kajian 2: Apakah jenis dan kualiti maklumat yang perlu didedahkan di dalam pelaporan kewangan Islam berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama berkaitan bagi institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf?

- iii. Objektif Ketiga: Mengenal pasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil berkaitan pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi institusi BZW.

Untuk mencapai objektif ketiga kajian ini, persoalan kajian dirumuskan sebagai berikut:

Persoalan Kajian 1: Apakah keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) bagi pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?

Persoalan Kajian 2: Apakah batas-batas perundangan sivil berbanding keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?

- iv. Objektif Keempat: Mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan Piawaian Perakaunan Islam untuk diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) yang memenuhi keperluan Syariah (Al-Quran, Sunnah dan Ijma' Ulama dan Qiyas) dan perundangan Sivil berbanding MPSAS.

Untuk mencapai objektif keempat kajian ini, persoalan kajian dirumuskan sebagai berikut:

Persoalan Kajian 1: Apakah keperluan piawaian perakaunan bagi peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf bagi pembangunan piawaian perakaunan Islam untuk institusi BZW?

1.2. METODOLOGI KAJIAN

Sama seperti kajian tiga fasa sebelum ini, Fasa 4 juga mengguna pakai kaedah triangulasi di mana pengumpulan data dijalankan melalui temu duga, perbincangan kumpulan fokus dan semakan dokumen. Kombinasi data yang diperolehi melalui temu duga dan perbincangan kumpulan berfokus (data primer) dan semakan dokumen (data sekunder) digunakan untuk mengukuhkan kerangka kerja konseptual dan pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam BZW. Bagi data sekunder, kajian Fasa 4 menggunakan metodologi yang sama

dengan fasa-fasa sebelum ini iaitu Fasa 1, 2 dan 3. Penyelidikan Fasa 4 telah membuat semakan ke atas Penyata Kewangan MAIN bagi tahun 2017, Al-Quran, Hadis, Ijma', Qiyas, perundangan Syariah Negeri serta perundangan sivil yang berkaitan, buku serta artikel ilmiah. Pendekatan yang sama juga telah dijalankan ke atas entiti yang diberi kuasa oleh MAIN, yang telah dijadikan sumber data.

Sampel kajian untuk Zon 3 terdiri daripada 4 MAIN, iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) serta entiti-entiti yang diberi kuasa oleh MAIN berkenaan dalam pentadbiran BZW (Pusat Kutipan Zakat (Pahang) dan Pusat Pungutan Zakat (Wilayah Persekutuan) di mana berkaitan.

1.3. STRUKTUR LAPORAN

Laporan ini disusun seperti berikut:

Bab 1 menggariskan latar belakang kajian, motivasi kajian dan objektif penyelidikan.

Bab 2 membincangkan latar belakang institusi yang dikaji.

Bab 3 memberi tumpuan kepada sorotan literatur termasuklah perbincangan mengenai jentera pentadbiran hal ehwal agama di Malaysia, konsep kebertanggungjawaban perakaunan dan pelaporan kewangan BZW serta kajian terdahulu mengenai perakaunan BZW.

Bab 4 menerangkan metodologi kajian yang meliputi sorotan literatur, semakan dokumen berkaitan serta temu bual dan perbincangan kumpulan fokus dengan pegawai-pegawai yang berkaitan.

Bab 5 membincangkan amalan semasa perakaunan BZW bagi MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP.

Bab 6 membincangkan Kerangka kerja Konseptual Perakaunan yang akan digunakan sebagai asas kepada pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam BZW. Perbincangan akan memberi tumpuan kepada pendedahan dan pelaporan maklumat pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama yang akan mengukuhkan Kerangka Kerja Konseptual yang telah

dibangunkan di Fasa 1.

Bab 7 membincangkan tentang batasan perundangan sivil yang berkaitan untuk tujuan pembangunan perakaunan dan pelaporan Islam BZW.

Bab 8 mengemukakan cadangan-cadangan berdasarkan amalan semasa perakaunan dan pelaporan, keperluan Syariah dan batasan-batasan undang-undang sivil untuk pembangunan perakaunan dan pelaporan Islam BZW.

Bab 9 membincangkan kesimpulan, batasan dan arah tuju untuk penyelidikan masa hadapan.

1.4. RUMUSAN

Bab ini memberi keterangan keseluruhan mengenai kajian Fasa 4 meliputi latar belakang kajian, objektif dan persoalan kajian, dan metodologi kajian. Bab ini diakhiri dengan penerangan mengenai struktur laporan. Bab selepas ini membincangkan mengenai latar belakang institusi BZW.

BAB 2: LATAR BELAKANG INSTITUSI BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF

2.0 PENGENALAN

Bab kedua ini membincangkan latar belakang institusi-institusi di dalam skop kajian Zon 3 yang terdiri dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Penerangan ini meliputi tadbir urus Institusi BZW di bawah pentadbiran setiap MAIN di negeri masing-masing di dalam Zon 3.

2.1 TADBIR URUS INSTITUSI BZW

Kesemua MAIN di dalam Zon 3 ini iaitu MAIK, MAIDAM dan MUIP kecuali MAIWP adalah entiti yang ditubuhkan oleh enakmen kerajaan negeri masing-masing iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang selari dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa sepenuhnya kepada negeri dalam hal ehwal berkaitan dengan Islam. MAIWP, walau bagaimanapun, telah ditubuhkan di bawah Akta 505 Perlembagaan Persekutuan dan ini telah meletakkan MAIWP di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Kandungan undang-undang tubuh yang berbeza ini telah memberi impak ke atas amalan tadbir urus MAIN berkaitan. MAIWP yang ditubuhkan di bawah Akta 505 Perlembagaan Persekutuan meletakkannya secara langsung di bawah Kerajaan Persekutuan dan lebih spesifik di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM). Seorang menteri khas telah ditugaskan untuk memantau pentadbiran hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan dan institusi pelaksana ialah MAIWP. Manakala MAIK, MAIDAM dan MUIP pula terletak di bawah pentadbiran negeri masing-masing iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ringkasan mengenai enakmen-enakmen berkaitan dengan MAIN di Zon 3 ini dinyatakan dalam Jadual 2.1.

Selaras dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 3.4.1, Artikel 3(1) meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara, dan dengan itu menjadikan Sultan di setiap negeri bersekutu dan bukan bersekutu sebagai ketua agama Islam termasuklah negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kedudukan Sultan sebagai ketua agama Islam secara

langsung telah meletakkannya sebagai kuasa tertinggi agama bagi setiap MAIN. Ini adalah kerana MAIN merupakan badan tertinggi agama yang bertanggungjawab menasihati Sultan dalam semua urusan pentadbiran dan pembangunan hal ehwal agama Islam di negeri-negeri berkenaan. Seksyen 5 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 sebagai contoh, telah menggariskan secara jelas fungsi MUIP untuk menasihati Sultan berkenaan dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan adat resam Melayu kecuali yang berkaitan dengan pentadbiran keadilan.

Jadual 2.1: Ringkasan Tadbir Urus Institusi BZW

ZON 3	KATEGORI INSTITUSI	ENTITI	KUASA TERTINGGI AGAMA	KUASA TERTINGGI PENGURUSAN	UNDANG-UNDANG TUBUH
WILAYAH PERSEKUTUAN	WAKAF	MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993
	ZAKAT	PPZ & MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	
	BAITULMAL	MAIWP	Yang DiPertuan Agong	Ketua Pegawai Eksekutif	
KELANTAN	WAKAF	MAIK	Sultan	Yang DiPertua	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
	ZAKAT	MAIK	Sultan	Yang DiPertua	
	BAITULMAL	MAIK	Sultan	Yang DiPertua	
TERENGGANU	WAKAF	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
	ZAKAT	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	
	BAITULMAL	MAIDAM	Sultan	Yang DiPertua	
PAHANG	WAKAF	MUIP	Sultan	Yang DiPertua	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991
	ZAKAT	PKZ	Sultan	Yang DiPertua	
	BAITULMAL	MUIP	Sultan	Yang DiPertua	

Manakala bagi Wilayah Persekutuan (WP) pula, kuasa tertinggi agama Islam terletak di bawah kuasa Yang DiPertuan Agong berdasarkan undang-undang tubuh WP iaitu Akta 505 (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993). Oleh yang demikian, kuasa tertinggi agama Islam bagi MAIWP adalah Yang DiPertuan Agong (Seksyen 8 Akta 505). Kuasa tertinggi bagi setiap entiti di bawah pentadbiran MAIN adalah sama sepertimana kuasa tertinggi yang dirujuk MAIN di dalam enakmen masing-masing seperti di Jadual 2.1.

Bagi tujuan pentadbiran operasi MAIN pula, kuasa tertinggi adalah tidak seragam kerana setiap MAIN merujuk kepada akta atau enakmen pentadbiran (Undang-undang tubuh) negeri masing-masing sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1. Kuasa tertinggi pentadbiran di MAIWP yang merangkumi kuasa operasi harian telah diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP. Manakala di MAIK dan MUIP, Sultan sebagai Yang DiPertua mempunyai kuasa tertinggi pentadbiran operasi MAIN berkenaan. Sultan berkuasa melantik Tengku Mahkota untuk mengambil tugas sebagai Yang DiPertua seperti yang berlaku di Kelantan dan Pahang. Walau bagaimanapun, kuasa mentadbir operasi harian organisasi telah diturunkan kepada Timbalan Yang DiPertua yang merupakan Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Di MAIDAM pula, kuasa mentadbir operasi harian organisasi telah diturunkan kepada Yang DiPertua yang merupakan Pegawai Tadbir Negeri (PTN). Secara umumnya, entiti di bawah MAIN berkaitan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus BZW seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ) adalah tertakluk kepada struktur tadbir urus MAIN berkaitan sepertimana yang di senaraikan dalam Jadual 2.1 di atas.

Berhubung dengan pentadbiran zakat, sesetengah MAIN telah menjalankan beberapa perubahan dalam corak pentadbiran zakat. Tindakan ini nampaknya didorong oleh dasar penswastan dan pengkorporatan sebahagian atau keseluruhan sistem pentadbiran zakatnya. Amalan ini bermula pada tahun 1991 apabila Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melantik ejen pengutip zakat iaitu Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ WP) yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip zakat bagi pihak MAIWP (Mat Rani & Abdul Aziz, 2010). Perkembangan ini telah diikuti oleh beberapa MAIN lain demi mengukuhkan pentadbiran zakat di negeri-negeri berkaitan seperti Melaka, Pahang, Selangor dan beberapa MAIN lain.

2.2 RINGKASAN OPERASI PERAKAUNAN INSTITUSI BZW

Berdasarkan Jadual 2.2 di bawah, keempat-empat MAIN telah menyediakan Penyata Kewangan Disatukan bagi tahun 2017 iaitu penyatuan kumpulan wang (KW) yang dikendalikan seperti KW Baitulmal, KW Zakat, KW Wakaf dan KW lain-lain yang diwujudkan berdasarkan akta/enakmen masing-masing. Kewujudan KW ini menunjukkan bahawa MAIN telah mengamalkan perakaunan dana [Perakaunan Kumpulan Wang – selepas ini akan dinyatakan sebagai Perakaunan KW (*Fund Accounting*)] dalam mengendalikan operasi

perakaunan masing-masing. Jadual tersebut juga telah menyenaraikan piawaian yang dirujuk oleh setiap MAIN dalam penyediaan Penyata Kewangan masing-masing. Kesemua MAIN kecuali MUIP telah membuat rujukan ke atas *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) dalam penyediaan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 sepertimana yang diarahkan oleh Jabatan Akauntan Negara. MUIP telah mendapat pengecualian dari penggunaan MPERS dan bermula Januari 2018, MUIP telah mendapatkan kelulusan bagi pemakaian awal *Malaysian Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi tujuan penyediaan penyata kewangan tahun 2017 sehingga Piawaian Perakaunan Islam yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Keputusan pemakaian awal MPSAS dibuat bagi memenuhi keperluan untuk menyeragamkan amalan perakaunan MUIP dengan anak syarikatnya.

Jadual 2.2: Ringkasan Pentadbiran dan Perakaunan Institusi BZW

ZON 3	KATEGORI INSTITUSI	ENTITI	PENYATA KEWANGAN	PEGAWAI PERAKAUNAN	PIAWAIAN PERAKAUNAN*
WILAYAH PERSEKUTUAN	WAKAF	MAIWP	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	PPZ & MAIWP			
	BAITULMAL	MAIWP			
KELANTAN	WAKAF	MAIK	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	MAIK			
	BAITULMAL	MAIK			
TERENGGANU	WAKAF	MAIDAM	Disatukan	Akauntan	MPERS
	ZAKAT	MAIDAM			
	BAITULMAL	MAIDAM			
PAHANG	WAKAF	MUIP	Disatukan	Akauntan	MPSAS
	ZAKAT	PKZ			
	BAITULMAL	MUIP			

*Nota: Penyata Tahunan 2017 digunakan sebagai rujukan dalam Kajian Fasa 4

Di samping itu, pegawai perakaunan yang bertanggungjawab dalam penyediaan Penyata Kewangan di keempat-empat MAIN adalah berjawatan Akauntan dan menyandang grad diantara W44 ke W48 dan juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Ini membuktikan bahawa Penyata Kewangan MAIN berkaitan telah disediakan oleh pegawai perakaunan yang bertauliah dan berpengalaman. Sehubungan dengan itu, Penyata Kewangan berkenaan boleh dianggap telah mencapai tahap kebolehfahaman (*understandability*) dan pematuhan yang wajar ke atas piawaian yang dinyatakan.

Seterusnya, Rajah 2.1 menggambarkan Tadbir Urus Perakaunan Kumpulan Wang dan Jadual 2.3 pula menyenaraikan anak syarikat dan syarikat bersekutu bagi setiap MAIN yang berkaitan. Jadual 2.4 merupakan ringkasan pelaporan bagi kumpulan wang yang ditadbir oleh MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP.

MAIWP menguruskan lima kumpulan wang yang terdiri dari Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Sumber Am, Kumpulan Wang Khas dan Kumpulan Wang Geran. Kumpulan Wang Zakat merupakan kumpulan wang utama di MAIWP dan ia juga merupakan operasi MAIWP secara keseluruhannya. Dalam kata lain, MAIWP itu sendiri ialah representasi operasi KW Zakat di Wilayah Persekutuan. Tujuh anak syarikat MAIWP ditubuhkan di bawah KW Zakat manakala Pusat Wakaf ditubuhkan di bawah KW Wakaf. Tiada pelaporan berasingan bagi setiap kumpulan wang di MAIWP ditunjukkan di dalam Penyata Kewangan dan begitu juga sebaliknya. Semua KW dilaporkan secara agregat di dalam “Kumpulan Wang Disatukan”.


MAIK pula mentadbir tujuh kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Wakaf, Zakat, Baitulmal, Tabung Yayasan Pengajian Tinggi Sultan Ismail Petra (TYPTSIP), Takmir, Penyelaras Pentadbiran Masjid Jajahan (PPMJ), dan Imbuan Imam Mukim. Di samping Penyata Kewangan Disatukan, MAIK melaporkan secara berasingan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap KW sebagai sebahagian dari penyata utama Penyata Kewangan Tahunan. Kedua-dua anak syarikat MAIK ditubuhkan di bawah KW Baitulmal.

Seterusnya, MAIDAM mentadbir lima KW iaitu KW Pentadbiran, KW Zakat, KW Ar Rahn, KW Wakaf dan KW Amanah. KW Pentadbiran MAIDAM merupakan KW umum yang boleh disamakan dengan Baitulmal. Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap KW telah dilaporkan di dalam Nota Akaun. MAIDAM tidak mempunyai anak syarikat atau kepentingan dalam syarikat bersekutu.

Bagi MUIP pula, terdapat lima KW yang terdiri daripada KW Zakat, KW Baitulmal, KW Wakaf, KW Amanah dan KW Baitulmal Am. Pelaporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap KW tersebut telah dilaporkan sebagai sebahagian dari Nota Akaun. Kesemua anak syarikat yang ditubuhkan oleh MUIP adalah di bawah KW Baitulmal kecuali PKZ Pahang Sdn Bhd di bawah KW Zakat. Anak syarikat ini berfungsi sebagai ejen kutipan zakat negeri Pahang. Kampong Aor Oil Palm Company Sdn Bhd (KAOP) pula diperolehi melalui keputusan mahkamah. Pada tahun 2017, pegangan sebanyak 59% dikategorikan sebagai syarikat

memandangkan majoriti ahli Lembaga Pengarahnya terdiri dari pengarah-pengarah Far Eastern Holdings Berhad (FEHB). Pada tahun 2018, KAOP telah diklasifikasikan sebagai anak syarikat.

Rajah 2.1: Ringkasan Tadbir Urus Perakaunan Kumpulan Wang Zon 3



Jadual 2.3: Senarai Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu MAIN Zon 3

No	MAIN	Anak Syarikat	Syarikat Bersekutu
1.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	i. Hartasuci Sdn. Bhd. ii. Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. iii. Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. iv. MAIWP Dagang Sdn. Bhd. v. Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. vi. MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. vii. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan viii. Pusat Wakaf	Tiada
2.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	i. Masakan Anugerah Istimewa Kelantan Sdn Bhd ii. Butang dan Benang Sdn Bhd	Tiada

3.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	Tiada	Tiada
4.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	i. PKZ Pahang Sdn Bhd ii. Pahang Medical Centre Sdn Bhd iii. MUIP Plantation Sdn Bhd iv. MUIP Supermarket Group Sdn Bhd v. Klinik Al Amin Group Sdn Bhd vi. MUIP Urus Sdn Bhd vii. MUIP Education Sdn Bhd viii. MUIP Hotel Sdn Bhd	i. Kampong Aur Oil Palm Sdn Bhd

Jadual 2.4: Ringkasan Pelaporan Kumpulan Wang MAIN Zon 3

	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
Penyata KW Disatukan	√	√	√	√
KW Zakat	UTAMA			
• Penyata Kedudukan Kewangan	X	X	√ (Nota)	X (Nota)
• Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	X	√	√ (Nota)	√ (Nota)
KW Wakaf				
• Penyata Kedudukan Kewangan	X	X	√ (Nota)	X (Nota)
• Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	X	√	√ (Nota)	√ (Nota)
KW Baitulmal				
• Penyata Kedudukan Kewangan	TB	X	*TB	X (Nota)
• Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan		√		√ (Nota)
KW Lain-lain				
• Penyata Kedudukan Kewangan	X	X	√ (Nota)	X (Nota)
• Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	X	√	√ (Nota)	√ (Nota)

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata

TB - Tidak Berkenaan

* - KW Pentadbiran di MAIDAM merupakan KW umum yang boleh disamakan dengan Baitulmal

2.3 RUMUSAN

Kesimpulannya, struktur tadbir urus institusi BZW merujuk kepada undang-undang tubuh masing-masing. Manakala pelaporan Penyata Kewangan di setiap MAIN disediakan berdasarkan piawaian terkini yang disarankan iaitu MPERS kecuali MUIP dan disediakan oleh pegawai perakaunan (akauntan) bertauliah. Sehubungan dengan itu, amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN adalah wajar. Walaubagaimanapun, ianya masih perlu penambahbaikan bagi meningkatkan ketelusan maklumat dan akauntabiliti MAIN terhadap pemegang taruh.

BAB TIGA: SOROTAN LITERATUR

3.0 PENGENALAN

Sorotan literatur akan memberi tumpuan kepada konsep akauntabiliti sebagai asas perakaunan dan pelaporan dari perspektif Islam. Selepas itu, sorotan literatur meninjau amalan perakaunan MAIN dan pelbagai cabaran yang dihadapinya. Isu-isu utama untuk Fasa 4 ini adalah mengenai pendedahan terutamanya maklumat pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama. Bab ini juga akan membincangkan isu berkaitan dengan perakaunan dana (*fund accounting*) dan MPSAS yang berkaitan dalam kajian Fasa 4 ini. Bab ini diakhiri dengan rumusan.

3.1 AKAUNTABILITI SEBAGAI ASAS PERAKAUNAN

Akauntabiliti dan perakaunan sangat berkaitan dalam perakaunan sesebuah organisasi, termasuk institusi BZW. Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam telah meletakkan konsep akauntabiliti Islam sebagai asas bagi institusi BZW (Rujuk Bab 6).

Gray et al. (1987) yang menilai akauntabiliti dari perspektif perakaunan berhujah bahawa akauntabiliti merujuk kepada "keperluan atau tanggungjawab untuk menyediakan akaun (tidak semestinya akaun kewangan) atau perhitungan untuk tindakan pihak yang bertanggungjawab" (ms. 2). Sinclair (1995) yang menulis dari sudut pandang pengurusan, mengkategorikan akauntabiliti kepada tiga jenis: akauntabiliti fiskal, akauntabiliti proses dan akauntabiliti program. Akauntabiliti fiskal membandingkan penggunapakaian sumber dan tanda aras yang telah ditetapkan manakala jenis kedua akauntabiliti adalah berkaitan dengan penggunaan proses tertentu dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Jenis ketiga pula iaitu akauntabiliti program memberi tumpuan kepada pencapaian hasil (*output*) yang telah dipersetujui atau yang telah ditentukan. Dilihat dari perspektif pengurusan, akauntabiliti dianggap terlaksana sebaik sahaja ia memenuhi sasaran yang ditetapkan (iaitu menggunakan proses yang ditentukan dengan sumber yang memadai dan mencapai hasil yang ditetapkan).

Dari perspektif perakaunan pula, pelaksanaan akauntabiliti boleh dizahirkan melalui pembekalan maklumat di dalam bentuk laporan. "Laporan akauntabiliti" perlu memasukkan maklumat kewangan dan bukan kewangan; dan boleh juga, jika diperlukan, dilakukan secara

lisan. Dalam Islam, akauntabiliti tercipta dari konsep amanah (Faruqi, 1992) dan amanah pula berkaitan dengan satu lagi konsep penting dalam Islam, iaitu khalifah. Oleh yang demikian, konsep akauntabiliti dari sudut pandangan Islam adalah berbeza daripada apa yang difahami oleh penyelidik-penyelidik Barat. Dalam Islam, akauntabiliti dilihat dari dua perspektif yang berlainan iaitu akauntabiliti manusia kepada Allah SWT sebagai pencipta kepada alam sejagat, dan akauntabiliti antara sesama manusia (iaitu masyarakat). Oleh itu, individu yang menyembah Allah SWT adalah individu yang melaksanakan semua kewajipannya sebagai khalifah yang merupakan akauntabiliti primer. Akauntabiliti sekunder terbina melalui kontrak antara sesama manusia. Apa yang lebih penting, hubungan individu dengan individu lain mencerminkan hubungannya dengan Tuhan (Sulaiman, 1997).

Akauntabiliti yang menjurus kepada Allah SWT merupakan akauntabiliti 'menegak', manakala akauntabiliti kepada individu lain dikira akauntabiliti 'mendatar'. Pada dasarnya, dalam sesuatu pengurusan entiti, kontrak agensi (*agency contract*) di antara pemilik dan pengurus, kontrak di antara majikan dan pekerja atau kontrak antara pihak atasan dan bawahan boleh dirujuk sebagai akauntabiliti 'mendatar' (Ibrahim, 2000). Di samping itu dan lebih penting lagi, konsep *khalifah* yang diterima oleh manusia secara langsung menganggap pemilikan segala sumber alam atau ciptaan Allah sebagai amanah daripadaNya yang diberikan kepada setiap manusia. Dalam konteks BZW, ini bermaksud apa juga sumber kewangan yang diperolehi oleh institusi yang mentadbir BZW adalah atas dasar amanah, sekali gus mengiktiraf setiap MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) sebagai pemegang amanah bagi dana BZW yang diterima. Sehubungan dengan itu, keperluan untuk memenuhi amanah adalah sesuatu yang teramat penting bagi MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN). Oleh yang demikian, jenis maklumat (kewangan dan bukan kewangan) yang didedahkan oleh setiap MAIN dalam laporan tahunannya hendaklah mencerminkan sejauh mana akauntabiliti sekunder telah dilaksanakan.

Menurut Zakari (2013), dari perspektif badan amal dan pertubuhan bukan bermotif keuntungan, tiga jenis akauntabiliti dikira sangat penting: akauntabiliti ke atas (*upward*), ke bawah (*downward*) dan holistik. Akauntabiliti ke atas pada dasarnya ialah akauntabiliti kepada penderma, penaja dan badan-badan pengawalseliaan (Christensen & Ebrahim, 2006). Akauntabiliti ke bawah pula merujuk kepada akauntabiliti kepada penerima manfaat atau benefisiari (Kilby, 2006). Akauntabiliti sebegini agak kurang diinstitusikan dan lebih banyak bergantung kepada rasa tanggungjawab pihak yang terbabit sahaja (Christensen & Ebrahim, 2006). Menurut Christensen dan Ebrahim (2006) lagi, akauntabiliti ke bawah lazimnya terabai.

Walaupun ianya diambil kira, tiada penekanan diberikan. Ini mungkin disebabkan oleh undang-undang yang tidak menekankan keperluan bagi sesebuah organisasi supaya bertanggungjawab kepada pihak yang sepatutnya melaksanakan akauntabiliti (Kilby, 2006). Tumpuan terhadap akauntabiliti ke bawah, bagaimanapun tidak seharusnya mengorbankan akauntabiliti ke atas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengintegrasikan kedua-dua bentuk akauntabiliti tersebut (ke atas dan ke bawah) yang diistilahkan sebagai akauntabiliti holistik. Akauntabiliti holistik adalah lebih menyeluruh (O'Dwyer & Unerman, 2008) kerana ianya terhasil daripada penglibatan dan penyertaan pihak berkepentingan yang bertujuan untuk mengimbangi akauntabiliti ke atas dan ke bawah (Osman, 2010).

Asfadillah, Nur Latifah dan Sukmana (2012) berpendapat bahawa konsep akauntabiliti adalah asas (*fundamental*) dalam Islam. Secara khusus, dalam konteks perakaunan, akauntabiliti dari perspektif Islam merangkumi isu-isu berikut:

- i. Ketepatan, kesempurnaan dan ketelusan dalam merekod kedua-dua urusan kewangan dan perniagaan oleh akauntan yang bertauliah.
- ii. Kontrak bertulis mesti dibuat sebagai bukti terutamanya terhadap kontrak hutang.
- iii. Kontrak bertulis mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki bersama-sama dua orang saksi perempuan yang jujur sebagai mekanisma semak dan imbang, memastikan ketepatan akauntabiliti dan memastikan pihak yang berkontrak benar-benar menunaikan kewajipan kewangan mereka.
- iv. Kematanan (*materiality*) adalah penting untuk memastikan pengiktirafan yang tepat daripada jumlah urusan kewangan dan perniagaan, hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak yang berkontrak.
- v. Semua pihak yang mengurus niaga mesti mengingati ketakutan kepada Allah SWT bagi memastikan kesaksamaan dan keadilan dalam perakaunan bagi sesuatu urusan kewangan dan perniagaan.

3.2 PERAKAUNAN BAGI BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF

Penyebaran maklumat perakaunan boleh dianggap sebagai satu mekanisme penting dalam melaksanakan akauntabiliti (Ebrahim, 2003). Carnegie dan West (2005) menyokong hujah ini apabila mereka menyatakan bahawa tujuan utama penyampaian maklumat perakaunan adalah untuk membolehkan penilaian akauntabiliti (sesuatu entiti). Oleh yang demikian, melalui perakaunan dan pelaporan, pihak yang berkepentingan seperti pemegang taruh boleh menilai

keberkesanan institusi seperti MAIN menguruskan dana BZW yang diamanahkan. Dalam kata lain, ia mencerminkan akauntabiliti organisasi ini (Masruki dan Shafii, 2013). Oleh yang demikian, penyediaan maklumat perakaunan yang relevan boleh meningkatkan keberkesanan pengurusan sesebuah entiti. Kajian-kajian mengenai prestasi institusi BZW sebelum ini bergantung sebahagian besarnya pada perakaunan dan pelaporan kewangan organisasi itu. Kajian literatur mengenai amalan perakaunan BZW mestilah mengambil kira kajian-kajian yang berkaitan dengan penyelidikan prestasi institusi ini.

Secara ringkas, konsep akauntabiliti Islam menawarkan satu pendekatan yang holistik untuk memahami hubungan akauntabiliti dalam pengurusan dan perakaunan bagi institusi BZW di Malaysia (Abdul-Rahman & Goddard, 2007). Selain itu, kerangka kerja akauntabiliti (kebertanggungjawapan) yang berasaskan hubungan prinsipal-ejen juga boleh menjelaskan konsep pemegang amanah di MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) terhadap sumber-sumber yang diterima oleh BZW. Penekanan akauntabiliti primer kepada Allah SWT dan akauntabiliti sekunder kepada pihak berkontrak dan ejen yang mengawal selia akan menghasilkan keseragaman dalam pelaporan dan kualiti dan sekali gus mengurangkan kos ketidakseimbangan maklumat (*asymmetrical information*) yang terhasil daripada hubungan prinsipal-ejen. Setiap MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) akan bertanggungjawab dalam menguruskan sumber-sumber yang diamanahkan dengan cekap dan berkesan. Keadaan inilah yang mencetuskan keperluan kepada sistem perakaunan dan pelaporan yang memenuhi keperluan pengurusan BZW. Gray dan Jenkins (1993) menyokong perkara ini apabila mereka berhujah bahawa perakaunan adalah satu sistem maklumat yang perlu diadili berdasarkan sumbangannya kepada keberkesanan pengurusan.

Menurut Palmer dan Vinten (1998), isu utama dalam pelaporan badan amal adalah kebolehbacaan (*readability*) dan kebolehfahaman (*understandability*) maklumat yang dilaporkan. Umumnya, pengguna (penyata kewangan) berminat untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan sumber kewangan badan amal (yang diterima dari masyarakat) dan pergerakan dana kebajikan untuk sesuatu tempoh kewangan. Maklumat seumpama itu juga diperlukan oleh pihak berkepentingan dengan BZW seperti pihak pengurusan untuk tujuan pembuatan keputusan dan pihak pengawal selia dalam urusan pemantauan. Maklumat yang diperlukan termasuklah maklumat berkaitan dengan kuantiti sumber-sumber yang telah diterima, jenis-jenis sumber dan bagaimana ia digunakan. Walau bagaimanapun, Patton (1992) menegaskan bahawa tahap maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah bergantung kepada sifat hubungan di antara pemberi tanggungjawab dan penerima

tanggungjawab. Ini amat menarik dalam konteks BZW kerana sebahagian besar dari pemberi sumber kewangan atau dana tidak mempunyai hubungan formal yang mengikat BZW (akauntabiliti sekunder) dan ia lebih bergantung kepada tahap akauntabiliti primer.

Kajian lepas berkaitan amalan perakaunan dan pelaporan oleh MAIN adalah agak terhad. Kajian-kajian yang telah dibuat lebih memberi tumpuan khusus kepada perakaunan dan pelaporan urusan wakaf dan/atau zakat. Oleh itu, sorotan karya ini memberi lebih tumpuan kepada perakaunan kedua-dua jenis dana ini. Selain itu, kajian yang melihat prestasi wakaf dan zakat juga dibincangkan kerana pengukuran prestasi secara amnya bergantung kepada perakaunan dan amalan pelaporan dan yang paling penting, kebolehpercayaan kajian tersebut adalah bergantung kepada kualiti dan kuantiti maklumat yang didedahkan. Sebelum sorotan karya mengenai kumpulan wang dibincangkan, sorotan karya seterusnya adalah tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh BZW yang didedahkan oleh literatur-literatur lepas.

3.2.1 Cabaran-Cabaran Perakaunan dan Pelaporan BZW

Kekurangan sistem perakaunan yang sistematik, ketidakwujudan maklumat terperinci dan kekurangan penyelarasan institusi-institusi ini oleh pihak berkuasa Negeri dan persekutuan di Malaysia adalah antara faktor yang mempengaruhi kualiti dan kuantiti pendedahan maklumat berhubung BZW (contohnya Abdul-Rahman, Mohammad & Yusuf, 1999; Nahar & Yaacob, 2011; Yaacob & Ibrahim, 2006; Siraj, 2012; Mohd-Zain, 2005). Di samping itu, kekurangan penguatkuasaan dan akauntan yang berpengalaman juga telah menyumbang kepada amalan perakaunan dan pelaporan yang kurang memuaskan di kalangan MAIN. Khusus untuk wakaf, Adnan et al. (2007) berpendapat bahawa masalah asas yang telah membawa kepada percanggahan di dalam perekodan dan pelaporan wakaf di Malaysia ialah ketiadaan kerangka kerja konseptual bagi pelaporan kewangan wakaf. Hamdan dan Osman (2016) secara khusus menyatakan bahawa kerangka kerja konseptual itu mesti mempunyai akauntabiliti sebagai objektif utama dan kepentingan membuat keputusan sebagai objektif sampingan. Tambahan kepada perbincangan di atas dan khusus untuk zakat, Nahar dan Yaacob (2011) berhujah bahawa penggunaan preskripsi perakaunan perusahaan komersial tidak selaras dengan objektif yang mendasari MAIN, yang bukan berasaskan keuntungan. Maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan yang menggunakan preskripsi perakaunan komersial tidak mencerminkan realiti transaksi zakat.

Memandangkan maklumat yang didedahkan dalam laporan kewangan MAIN seharusnya membolehkan pewakaf dan pembayar zakat menilai prestasi entiti, maka adalah penting untuk memastikan maklumat yang didedahkan memberi gambaran yang benar dan adil (*true and fair view*) mengenai keadaan operasi atau prestasi organisasi. Secara khusus, pihak berkepentingan berminat untuk menentukan sama ada dana yang diamanahkan kepada MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) telah diurus dengan baik. Menunaikan tanggungjawab dan memastikan ketelusan dalam pelaporan akan membolehkan institusi berkenaan mendapat kepercayaan dan keyakinan orang ramai. Abdul-Rahman et al. (1999) mencadangkan agar prosedur perakaunan yang bersesuaian digubalkan bagi MAIN. Berdasarkan idea yang sama, Mohd-Zain (2005) mencadangkan garis panduan yang sesuai dan manual prosedur dilaksanakan untuk merekod dan menilai aset wakaf. Selain itu, beliau mencadangkan agar MAIN menggaji akauntan yang berpengalaman bagi membantu dalam mentadbir akaun wakaf MAIN. Walau bagaimanapun, akauntan yang berpengalaman tidak semestinya membantu menghasilkan pelaporan yang lebih baik sekiranya akauntan ini hanya mengekalkan amalan perakaunan semasa dan amalan semasa ini mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan pihak-pihak yang berkepentingan. Ini telah mendorong Adnan & Abu Bakar (2009) mencadangkan bahawa kerangka kerja konseptual bagi pelaporan kewangan wakaf perlu diselaraskan kerana ketiadaan kerangka kerja konseptual ini adalah penyebab utama pelaporan yang tidak seragam di kalangan organisasi wakaf di Malaysia. Kesimpulannya, satu kerangka kerja konseptual perakaunan bagi institusi BZW perlu diwujudkan bagi mengurangkan ketidakseragaman dalam perakaunan dan pelaporan.

Yaacob (2006) dan Nahar & Yaacob (2011) mengambil pendirian yang berbeza apabila mereka mencadangkan agar MAIN menerima pakai amalan perakaunan dan pelaporan yang disyorkan untuk badan amal di United Kingdom (*Statement of Recommended Practices* [SORP 2005]) untuk institusi wakaf di Malaysia. Cadangan ini diberikan atas alasan wakaf dan MAIN pada dasarnya bukan berorientasikan keuntungan, dan oleh yang demikian amalan perakaunan dan pelaporan yang berorientasikan komersial adalah tidak sesuai (Nahar dan Yaacob, 2011). Adnan (2005) pula berpendapat bahawa wakaf boleh melaksanakan kedua-dua objektif sebagai organisasi sosial (bukan keuntungan) dan juga sebuah entiti komersial. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan agar perakaunan untuk organisasi bukan bermotif keuntungan digunakan untuk aktiviti sosial, manakala bagi aktiviti komersial, amalan perakaunan organisasi komersial boleh diguna pakai. Ini seolah-olah mencadangkan sekiranya entiti menjana pendapatan bagi aset wakaf, entiti itu boleh mengamalkan amalan perakaunan untuk organisasi perniagaan.

Dengan penghujahan yang berbeza, ini membayangkan bahawa perakaunan yang khusus untuk wakaf perlu disediakan bagi kegunaan MAIN untuk tujuan perakaunan dan pelaporan wakaf. Keperluan ini juga terpakai untuk zakat dan baitulmal dengan mengambil kira keunikan kegunaan setiap dana berkenaan. Perakaunan berasingan untuk BZW sebelum penyatuan di peringkat MAIN adalah disarankan kerana ia akan membolehkan setiap MAIN menangani isu akauntabiliti dan ketelusan didalam pengurusan dan perakaunan dana BZW. Selepas itu, akaun-akaun berasingan untuk BZW ini perlu disatukan demi memberi gambaran prestasi pengurusan keseluruhan MAIN sebagai pentadbir baitulmal dan zakat serta pemegang amanah wakaf.

3.3 PELABURAN SOSIAL

Sorotan literatur ini adalah berdasarkan amalan yang dicadangkan oleh SORPs (Seksyen 21). Pelaburan sosial yang berteraskan kebajikan adalah pelaburan kebajikan dan tidak menjadikan pulangan kewangan sebagai matlamat utama pelaburan. Konsep pelaburan ini sangat relevan dalam konteks MAIN yang berfungsi sebagai pentadbir baitulmal, zakat dan wakaf iaitu tunjang kepada aktiviti sosioekonomi umat Islam. Berdasarkan kepada SORPs Seksyen 21 pelaburan sosial ini boleh dilaksanakan dalam dua bentuk: (i) Pelaburan berkaitan program kebajikan (*programme related investment* [PRI]) dan (ii) Pelaburan secara pendekatan-campuran (*mixed-method investment* [MMI]). Melalui konsep PRI, entiti kebajikan membuat pelaburan dalam bentuk pembiayaan kepada individu atau organisasi tertentu bagi membolehkan tujuan asal kebajikan diteruskan dan pulangan kewangan tidak menjadi objektif utama pelaburan. PRI membiayai aktiviti tertentu atau aset pihak ketiga yang bertujuan meneruskan objektif kebajikan utama ‘pelabur’ (entiti kebajikan). MMI pula merujuk kepada aset yang dipegang oleh entiti kebajikan yang digunakan untuk memberi pembiayaan kepada individu atau organisasi untuk mencapai objektif kebajikan dan pada masa yang sama menjana pulangan kewangan. Kedua-dua pembiayaan secara PRI dan MMI ini boleh dilaksanakan secara tanpa keuntungan atau keuntungan di bawah kadar pasaran (*concessionary financing*).

3.4 PERAKAUNAN DANA (KUMPULAN WANG)

Konsep perakaunan dana (Kumpulan Wang [KW]) banyak dibincangkan di dalam operasi institusi bukan bermotifkan keuntungan (*non-profit organisations*) (contohnya, Herzlinger dan Sherman (1980); Ashraf dan Rauf (2020)). Perakaunan dana perlu dibincangkan semula

dengan lebih mendalam di dalam penyelidikan Fasa 4 ini bagi menentukan format persembahan dan pendedahan maklumat yang lebih berguna kepada pemegang taruh MAIN. Perlu ditekankan bahawa konsep perakaunan dana hendaklah ditumpukan kepada dasar akauntabiliti, bukannya dasar keuntungan. Teori akauntabiliti telah dibincangkan dengan mendalam di dalam Laporan Fasa 1, Laporan Fasa 2, dan Laporan Fasa 3 serta dalam Fasa 4 ini (Bab 6). Bahagian/seksyen ini akan membincangkan dengan lebih lanjut konsep perakaunan dana berdasarkan kepada Teori Akauntabiliti.

Secara umumnya, institusi bukan bermotifkan keuntungan menerima dana daripada pelbagai sumber. Menurut Herzlinger dan Sherman (1980), institusi bukan bermotifkan keuntungan merangkumi hospital, institusi pendidikan, kumpulan-kumpulan agama, kumpulan-kumpulan kesenian, agensi sosial, muzium, dan termasuk juga majlis perbandaran. Oleh kerana terdapat pelbagai sumber dana, perakaunan di dalam institusi bukan bermotifkan keuntungan menjadi agak kompleks. Sebagai contoh, penyata kewangan perlu disediakan untuk setiap kumpulan dana yang ditadbir sebagai langkah melaksanakan akauntabiliti kepada penyumbang dana. Oleh kerana itu, terdapat sekumpulan penyelidik yang beranggapan bahawa perakaunan di dalam institusi yang bukan bermotifkan keuntungan seharusnya kurang mengelirukan, lebih mudah difahami dan lebih mudah untuk dianalisis (contoh: Davidson, Green, Hellerstein, Mandansky and Weil, 1977). Pendapat ini juga disokong oleh beberapa institusi perakaunan professional seperti *American Accounting Association* (Persatuan Perakaunan Amerika).

Pendapat tersebut adalah bercanggah dengan pandangan Herzlinger dan Sherman (1980). Mereka berpegang kepada beberapa faktor. Pertama, institusi bukan bermotifkan keuntungan mempunyai struktur kewangan yang berbeza dari institusi komersial yang bermotifkan keuntungan. Kedua, objektif institusi bukan bermotifkan keuntungan adalah berbeza daripada organisasi komersial di mana format pelaporan penyata kewangan yang serupa akan mengelirukan dan akan menyalah arahkan penilaian kewangan pengurusan organisasi bukan bermotifkan keuntungan. Ketiga, kelemahan dalam kawalan perakaunan, dan bukannya dalam prinsip perakaunan organisasi bukan bermotifkan keuntungan, menyumbang kepada kesulitan yang melanda institusi-institusi berasaskan untung ini. Keempat, mereka yang menguruskan dan berurusan dengan institusi bukan bermotifkan keuntungan perlu berpegang pada prinsip yang lebih tinggi, sesuai dengan keperluan struktur kewangan dan amalan perakaunan yang unik. Institusi bukan bermotifkan keuntungan tidak seharusnya bergantung pada bentuk akauntabiliti yang sama seperti perakaunan dan pentadbiran kewangan komersial. Penyelidik berpegang kepada pendapat yang sama seperti di atas iaitu sekiranya keuntungan diperolehi,

struktur unik kewangan institusi bukan bermotifkan keuntungan perlu memberi penjelasan di dalam penyata kewangannya demi membantu pemegang taruh institusi berkenaan membuat keputusan yang lebih baik.

Ashraf dan Rauf (2020) membahaskan bahawa perakaunan untuk dana derma memerlukan sistem perekodan dan pelaporan yang terperinci yang dapat membezakan pelbagai sumber derma dan perbelanjaan. Oleh itu, institusi bukan bermotifkan keuntungan yang mendapat keuntungan perlu menyediakan penyata kewangan yang berasingan untuk sumber dana yang pelbagai. Dana zakat menimbulkan cabaran perakaunan tersendiri kerana terdapat pelbagai tafsiran serta pemikiran (*school of thought*) yang berbeza mengenai cara mengagihkan dana zakat yang boleh dirujuk sebagai agihan terus (konsumtif) dan agihan produktif.

Merujuk kepada sorotan literatur yang lepas, terdapat beberapa rujukan yang boleh diguna pakai untuk menentukan pembahagian kumpulan wang. FASB Statement No. 117 “Financial Statements of Not-For-Profit Organizations” menyatakan terdapat tiga jenis kumpulan wang: (i) *permanently restricted* (kekal terhad), (ii) *temporarily restricted* (sementara terhad), dan (iii) *unrestricted* (tidak terhad). Sementara itu, Herzlinger dan Sherman (1980) membahagikan dana kepada empat kumpulan: (i) *current fund*, (ii) *plant funds*, (iii) *endowment funds*, dan (iv) *special purpose funds*. “*Current funds*” merujuk kepada sumber yang akan digunakan untuk operasi semasa. “*Plant funds*” merujuk kepada aset jangka panjang di dalam sesuatu organisasi. *Endowment funds* merupakan sumber yang menjana pendapatan di mana prinsipalnya tidak boleh digunakan tetapi hasilnya boleh digunakan untuk pelbagai tujuan. Akhirnya, “*Special purpose funds*” adalah dana yang digunakan untuk tujuan tertentu, seperti dana taksiran khas dalam perbandaran, dana untuk pinjaman pelajar di kolej atau universiti, dan dana hutang untuk menjelaskan liabiliti jangka panjang organisasi.

Merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh MAIN, penyelidik UIAM berpendapat bahawa bagi kumpulan dana yang diuruskan dan ditadbir oleh MAIN, penyata kewangan perlu disediakan secara berasingan. Ini adalah berdasarkan kepada dua asas. Pertama, berdasarkan kepada enakmen-enakmen tubuh MAIN, setiap MAIN perlu mewujudkan KW zakat dan KW wakaf. Kedua, objektif penubuhan setiap kumpulan wang adalah berbeza dan disokong oleh justifikasi Syariah. Sebagai contoh, bagi kumpulan wang zakat, sumber dana zakat telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran dan Sunnah. Sumber dana zakat boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu harta-harta tradisional seperti haiwan ternakan dan pertanian dan harta-harta moden seperti gaji dan pendapatan profesional. Begitu juga dengan peruntukan

pengagihan zakat yang dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT (Surah al-Taubah: 60):

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاتِ
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً
مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksud kepada ayat di atas adalah seperti berikut:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Allah SWT dengan jelas telah menentukan kepada siapa agihan zakat perlu dilakukan iaitu kepada lapan kumpulan asnaf. Daripada lapan kumpulan besar ini, sebahagian ulama membincangkan pula bahawa ianya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Berdasarkan kepada ayat Al-Quran tersebut, ulama berpendapat bahawa ada dua tujuan pengagihan zakat; (i) pemilikan, dan (ii) manfaat. Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dibuat kesimpulan terhadap objektif yang tertentu di dalam penubuhan Kumpulan Wang Zakat. Oleh itu, penyata kewangan zakat perlu disediakan berasingan daripada kumpulan-kumpulan wang yang lain.

Begitu juga dengan pensyariatan wakaf, di mana objektif yang tertentu telah dinyatakan di dalam Hadis berikut.

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَنْ عَمَرَ الْخَطَابَ أَصَابَ أَرْضًا
 بِخَيْبَرَ , فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا , فَقَالَ : يَا رَسُولَ
 اللَّهِ , إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنْفُسُ عِنْدِي
 مِنْهُ , فَمَا تَأْمُرُ؟ قَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا , قَالَ :
 فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ , وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا , وَلَا يُبْتَاغُ وَلَا يُورَثُ وَتَصَدَّقَ بِهَا
 فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ
 لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا
 “غَيْرَ مَتْمُولٍ”

Maksud Hadis di atas adalah seperti berikut:

Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya (Muttafaq a'laih dan susunan matan tersebut menurut riwayat Muslim)

Kritikan utama terhadap penggunaan perakaunan dana adalah penyediaan penyata kewangan akan menjadi amat kompleks dan menyukarkan proses membuat keputusan. Walaubagaimanapun, seperti yang dinyatakan oleh Herzlinger dan Sherman (1980), tujuan utama penggunaan perakaunan dana adalah untuk membantu pemegang amanah memenuhi tuntutan Syariah dan garis panduan dalam penggunaan setiap dana yang ditadbir oleh entiti berkenaan.

Selepas membincangkan literatur mengenai kumpulan wang serta dalil-dalil yang berkaitan, sorotan karya seterusnya akan menumpukan perhatian kepada kesemua MPSAS Fasa 4.

3.5 SOROTAN LITERATUR MPSAS FASA 4

Sorotan karya akan dibincangkan menurut turutan MPSAS-MPSAS Fasa 4. Namun, MPSAS 22 (Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum) dan MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan) tidak disertakan dalam sorotan karya ini kerana dianggap tidak relevan dengan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan BZW yang menjadi tumpuan penyelidikan Fasa 4 ini. Penjelasan selanjutnya dibuat dalam Bab 5 tentang amalan BZW. Perbincangan mengenai MPSAS 34 (Penyata Kewangan Berasingan) pula telah disertakan semasa membincangkan tentang literatur kumpulan wang di atas.

3.5.1 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)

Peristiwa selepas tarikh pelaporan adalah peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan untung atau rugi, yang berlaku di antara tarikh pelaporan dan tarikh laporan kewangan mendapat kebenaran diterbitkan. Peristiwa sedemikian mungkin mempunyai kesan material terhadap penyata kewangan dan pengguna penyata kewangan. Sehubungan itu, entiti haruslah mendedahkan maklumat berkenaan untuk membolehkan pengguna penyata kewangan menilai kesan peristiwa selepas tempoh pelaporan.

Untuk tujuan menentukan sesuatu perkara menepati takrif peristiwa selepas tarikh pelaporan, adalah perlu dikenal pasti tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk penerbitan. Tarikh pelaporan ialah hari terakhir tempoh pelaporan penyata kewangan yang berkaitan. Tarikh kebenaran untuk diterbitkan ialah tarikh penyata kewangan mendapat kelulusan daripada individu atau badan yang mempunyai kuasa untuk memuktamadkan penyata tersebut sebelum diterbitkan. Amalan biasa merujuk kepada tarikh penyata kewangan telah selesai diaudit.

Dua jenis peristiwa telah dikenal pasti: (i) peristiwa pelarasan selepas tarikh pelaporan dan (ii) peristiwa yang tidak memerlukan pelarasan selepas tarikh pelaporan. Peristiwa (i) adalah peristiwa yang membuktikan keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan dan peristiwa (ii) adalah sebarang peristiwa yang menunjukkan keadaan yang berlaku selepas tarikh pelaporan.

MPSAS 14 membincangkan 4 perkara berikut mengenai peristiwa selepas tarikh pelaporan:

- i. Bagi peristiwa yang perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan, sesebuah entiti hendaklah melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi menggambarkan peristiwa tersebut.
- ii. Bagi peristiwa tidak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan pula, sesebuah entiti tidak boleh melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya.
- iii. Bagi dividen pula, sesebuah entiti yang mengisytiharkan dividen atau agihan yang serupa selepas tarikh pelaporan tidak boleh mengiktiraf agihan tersebut sebagai liabiliti pada tarikh pelaporan, dan
- iv. Bagi usaha berterusan, penentuan sama ada andaian usaha berterusan adalah wajar perlu dipertimbangkan oleh setiap entiti.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, isu (iii) dan (iv) di atas mungkin tidak begitu relevan bagi entiti seperti MAIN.

Seperti diterangkan di atas, terdapat dua jenis peristiwa yang dapat dikenal pasti bagi MAIN, iaitu peristiwa yang perlu diselaraskan dan peristiwa yang tidak perlu diselaraskan. Peristiwa yang memerlukan pelarasan adalah peristiwa yang memberikan keterangan lanjut mengenai syarat-syarat yang wujud pada akhir tempoh pelaporan manakala peristiwa tidak perlu diselaraskan adalah peristiwa yang berlaku selepas tempoh pelaporan, atau lebih khusus, keadaan yang timbul selepas tarikh akhir pelaporan. Contoh-contoh peristiwa yang perlu pelarasan termasuk kes-kes mahkamah yang mengesahkan entiti mempunyai kewajiban semasa pada tarikh pelaporan; penerimaan maklumat selepas tarikh pelaporan yang menunjukkan bahawa aset telah terjejas pada tarikh pelaporan; kemuflihan pelanggan yang berlaku selepas tarikh pelaporan yang mengesahkan kerugian wujud pada tarikh pelaporan; jualan inventori selepas tarikh pelaporan yang memberikan keterangan mengenai nilai realisasi bersih pada tarikh pelaporan dan penemuan kesilapan yang menunjukkan penyata kewangan sebelum ini tidak betul.

Bagi peristiwa yang perlu dibuat pelarasan, entiti itu akan menyelaraskan jumlah yang diterima dalam penyata kewangannya dan/atau membuat pendedahan yang berkaitan untuk mencerminkan peristiwa tersebut dalam penyata kewangan. Isu ini telah pun dibincangkan terlebih dahulu. Contoh-contoh peristiwa tidak perlu pelarasan termasuk pengumuman penyusunan semula berskala besar (*major restructuring*) selepas tarikh pelaporan; perubahan luar biasa yang besar dalam harga aset atau kadar tukaran asing selepas tarikh pelaporan; perubahan dalam kadar cukai atau undang-undang cukai; komitmen utama seperti jaminan

serta memulakan litigasi utama yang timbul kerana kejadian yang berlaku selepas tarikh pelaporan. Bagi peristiwa yang tidak perlu pelarasan, entiti tidak akan mengambil kira jumlah yang diterima dalam penyata kewangan. Jika peristiwa tidak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan adalah material, kegagalan mendedahkannya boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna penyata kewangan.

Oleh itu, sesebuah entiti hendaklah mendedahkan perkara yang berikut bagi setiap kategori peristiwa tak perlu pelarasan material selepas tarikh pelaporan:

- i. Jenis peristiwa; dan
- ii. Anggaran kesan kewangannya, atau satu pernyataan bahawa anggaran tersebut tidak dapat dibuat.

3.5.2 Transaksi Dengan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)

Penyelidikan awal mengenai transaksi dengan pihak berkaitan (TPB) telah mendedahkan skandal korporat yang membawa kepada kes mahkamah. Ini berlaku disebabkan syarat khas dan istimewa yang diberi kepada pihak berkaitan tersebut (Chong & Dean, 1985). Kes-kes seperti ini telah mendorong piawaian perakaunan antarabangsa iaitu IAS 24 yang tertumpu kepada TPB (Chong & Dean, 1985). Terdapat dua pandangan yang bercanggah mengenai TPB. Dari satu sudut, TPB boleh digunakan untuk ekspropriasi (*expropriation*) daripada pemegang saham minoriti untuk faedah para pengarah (Lin, Liu, & Keng, 2010; Pizzo, 2013; Tennant & Tracey, 2013). Perkara ini agak membimbangkan (Chong & Dean, 1985; Dalton & Dalton, 2006) kerana ekuiti pemegang saham minoriti disalurkan kepada pemegang saham dominan melalui satu proses yang dinamakan “*tunnelling*”² (Zhang, Ma, & Yu, 2006; Enriques, 2015; Wong, Kim, & Lo, 2015; Kang, Lee, Lee, & Park, 2014). Oleh itu, TPB akan melemahkan prestasi kewangan (El-Helaly, 2018), dan justeru prestasi operasi pun akan berkurangan (Chen, Chen, & Chen, 2009). Ini akan menjejaskan keuntungan (Ryngaert & Thomas, 2012) serta meningkatkan hutang (*leverage*) (Kuo & Wang, 2015) syarikat tersebut.

Sudut yang kedua pula ialah TPB sebagai satu isu yang positif di mana ia akan meningkatkan nilai syarikat (Lin et al., 2010) melalui peningkatan dalam kecekapan operasi firma (Pizzo,

² *Tunnelling* ialah satu proses di mana kekayaan pemegang saham minoriti akan mengalir kepada pemegang saham majoriti melalui langkah-langkah yang diambil oleh pemegang saham yang dominan (majoriti).

2013; Tennant & Tracey, 2013) dan seterusnya akan menguntungkan pemegang saham minoriti juga (Cheung, Jing, Lu, Rau, & Stouraitis, 2009).

TPB juga boleh digunakan untuk pengurusan keuntungan (*earnings management*) (Aharony, Wang, Yuan, 2010) dan dengan ini, akan meningkatkan risiko audit (Kohlbeck & Mayhew, 2017; Fang, Lobo, Zhang, & Zhao, 2018). Namun begitu, mewujudkan satu mekanisme tadbir urus korporat (TUK) yang berkesan mampu mengurangkan ekspropriasi (Abdullatif, Alhadab, & Mansour, 2019; Usman, 2019) melalui TPB. Antara faktor di mana sebahagian besar firma yang terlibat dalam TPB gagal ialah kerana syarikat-syarikat tersebut diwakili oleh pengarah yang menjadi ahli lembaga pengarah dalam beberapa syarikat yang sama (*interlocking directors*) dan penyata kewangan yang tidak diaudit oleh firma audit “Big-4” (Bhuiyan & Roudaki, 2018).

Berbeza dengan penemuan di atas, kajian yang lain membawa bukti bahawa TPB tidak dikaitkan dengan tingkah laku oportunistik (Moscariello, 2012) atau pun pengurusan pendapatan akrual (*accrual earnings management*) (El-Helaly, 2016). Sebaliknya, TPB sejajar dengan perspektif kecekapan. Juga, pinjaman kepada pihak berkaitan akan meningkatkan nilai firma (Utama & Utama, 2014) dan memberi penstabilan pendapatan (*income smoothing*). TPB juga dikatakan boleh membantu syarikat meramal pendapatan masa depan dengan lebih tepat (Shin, Sohn, & Park, 2019). Bagi syarikat yang mempraktikkan integrasi menegak (*vertical integration*), prestasi syarikat akan menjadi lebih baik melalui TPB (Wang, Cho & Lin, 2019).

Berhubung dengan pendedahan mengenai TPB, perbandingan penyata kewangan di antara syarikat akan menjadi lebih rumit jika syarikat-syarikat yang terlibat dalam TPB mengguna budi bicara masing-masing (Lee, Kang, Lee, & Park, 2016). Oleh itu, peraturan meningkatkan pendedahan TPB perlu ada (Bava & Di Trana, 2016; Lo & Wong, 2016). Ciri-ciri jawatankuasa lembaga pengarah, audit dan tadbir urus korporat yang berkesan juga akan meningkatkan pematuhan terhadap pendedahan yang tertera dalam IAS 24 TPB (Mnif Sellami, & Borgi Fendri, 2017; ElKelish, 2017; Agyei-Mensah, 2019; Shan, 2019).

3.5.3 Pendedahan Maklumat Belanjawan (MPSAS 24)

Maklumat belanjawan adalah maklumat yang penting bagi sektor kerajaan. Setiap tahun, sektor kerajaan akan menyediakan maklumat belanjawan mengambil kira jangkaan pendapatan dan perbelanjaan bagi sektor kerajaan. Di dalam penyediaan penyata kewangan bagi sektor

kerajaan, salah satu maklumat penting di dalam membuat keputusan adalah maklumat berkaitan belanjawan.

Garis panduan perakaunan berkaitan pendedahan maklumat belanjawan bagi sektor kerajaan di Malaysia adalah MPSAS 24. Di antara kandungan penting garis panduan perakaunan tersebut adalah seperti berikut:

1. Pembentangan Anggaran dan Jumlah Sebenar (Perenggan 14)
 - a. Jumlah belanjawan asal dan akhir
 - b. Jumlah sebenar pada asas yang boleh dibandingkan
 - c. Dengan cara nota pendedahan, penjelasan mengenai perbezaan material antara anggaran dan jumlah sebenar
2. Entiti hendaklah membentangkan perbandingan belanjawan dan amaun sebenar sebagai tambahan lajur belanjawan dalam penyata kewangan utama hanya di mana kewangan Kenyataan dan belanjawan disediakan secara sebanding (Para 21)
3. Entiti hendaklah mendedahkan dalam nota kepada penyata kewangan tempoh belanjawan yang diluluskan (Para 43)
4. Entiti hendaklah mengenal pasti dalam nota kepada penyata kewangan entiti yang termasuk dalam belanjawan yang diluluskan (Para 45)

MAIN juga menyediakan maklumat belanjawan berkaitan aktiviti mereka terutamanya aktiviti zakat. Setiap tahun, MAIN menyediakan anggaran kutipan dan agihan zakat berdasarkan kepada maklumat-maklumat tahun sebelumnya. Ianya adalah maklumat yang penting untuk pentadbiran dan pengurusan zakat seperti aktiviti pengagihan zakat.

Tidak dapat dinafikan bahawa sektor kerajaan dikehendaki membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan setiap tahun seperti yang ditetapkan oleh undang-undang. Begitu juga tidak dapat dinafikan bahawa maklumat belanjawan adalah penting di dalam pengurusan dan pentadbiran kerajaan. Walau bagaimanapun, isu yang perlu dibincangkan di sini adalah bagaimanakah maklumat belanjawan ini perlu disampaikan kepada pihak berkepentingan. Adakah ianya melalui laporan kewangan tahunan ataupun melalui media lain seperti internet?

Kajian empirikal mengenai pelaporan maklumat belanjawan oleh sektor kerajaan adalah sangat terhad. Abu Bakar dan Saleh (2016) di dalam kajian mengenai tahap pendedahan maklumat di dalam laporan kewangan tahunan Badan Berkanun di Malaysia cuma mengambil kira beberapa

item pendedahan yang mungkin berkaitan dengan maklumat belanjawan. Contohnya, item pendedahan 94 mengenai maklumat perbandingan di antara angka sebenar dan target mengenai prestasi. Begitu juga item pendedahan 104 dan 106 mengenai maklumat belanjawan ke atas isu tanggungjawab sosial dan persekitaran.

Rios, Benito dan Albaladejo (2013) mengkaji mengenai faktor yang mempengaruhi pendedahan maklumat belanjawan oleh kerajaan persekutuan. Walau bagaimanapun, sumber maklumat belanjawan dilihat daripada sumber internet dan media-media lain, bukan daripada laporan kewangan tahunan. Kajian mereka mendapati penembusan internet (*internet penetration*), tahap pendidikan, saiz kerajaan persekutuan dan budaya adalah antara faktor yang mempengaruhi pendedahan maklumat belanjawan oleh kerajaan persekutuan. Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa maklumat belanjawan adalah tidak penting (Giroux & Deis, 1993). Mereka mendapati terdapat hubungan yang lemah di antara keperluan pelabur dan pendedahan maklumat belanjawan oleh majlis perbandaran di Amerika Syarikat.

3.5.4 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)

Beberapa konsep boleh diguna pakai di dalam menjustifikasikan amalan penyediaan penyata kewangan berasingan. Seperti yang telah dibincangkan di dalam Seksyen 3.4, penyediaan penyata kewangan berasingan adalah berhubungkait dengan Teori Perakaunan Dana. Setiap kumpulan dana yang diuruskan oleh MAIN mempunyai objektifnya yang tersendiri dan unik. Oleh itu, penyediaan penyata kewangan untuk setiap pentadbiran dan pengurusan kumpulan wang perlu disediakan secara berasingan.

Secara umumnya, garis panduan berkaitan penyata kewangan berasingan dinyatakan oleh MPSAS 34. Ia adalah berkait rapat dengan garis panduan di dalam MPSAS 35, MPSAS 36 dan MPSAS 37. Ia adalah berkaitan dengan satu kumpulan entiti yang berhubung kait. Secara ringkasnya, sesuatu entiti itu boleh berhubungkait dengan satu entiti yang lain atas dasar kawalan (*significant influence*), anak syarikat, syarikat bersekutu dan usahasama. Ringkasnya, penyediaan penyata kewangan bagi satu kumpulan entiti disediakan sebagai satu penyata kewangan kumpulan. Apa yang lebih menarik ialah terdapat pengecualian tertentu yang menghendaki sesuatu entiti itu menyediakan penyata kewangan berasingan. Pengecualian tersebut dapat diringkaskan seperti berikut:

- i. Fakta yang menyatakan bahawa ia adalah penyata kewangan berasingan (Para 20(a))

- ii. Pernyataan mengenai pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan disatukan (Para 20(a))
- iii. Nama entiti yang menyediakan penyata kewangan disatukan (Para 20(a))
- iv. Alamat di mana penyata kewangan disatukan boleh diperolehi (Para 20(a))

Sekiranya penyediaan penyata kewangan berasingan dianggap sebagai tambahan kepada penyata kewangan disatukan atau sebagai pengecualian kepada penyata kewangan disatukan di dalam konteks semasa MPSAS, penyata kewangan berasingan adalah tunjang kepada Teori Perakaunan Dana. Oleh itu, penyediaan penyata kewangan disatukan adalah tertakluk kepada penyata kewangan berasingan. Walaupun terdapat perbincangan yang hebat seperti Seksyen 3.4, penyediaan penyata kewangan berasingan adalah lebih tepat untuk aktiviti-aktiviti MAIN.

3.5.5 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)

Secara umumnya, penyata kewangan disatukan adalah satu penyata kewangan yang komprehensif yang menggabungkan penyata kewangan entiti pengawal dan entiti-entiti yang dikawal. Pada dasarnya, penggunaan prinsip penyata kewangan disatukan tidak menimbulkan isu yang besar bagi entiti-entiti bertujuan keuntungan kerana kedua-dua entiti pengawal dan entiti-entiti yang dikawal mempunyai objektif yang sama. Walau bagaimanapun, apabila prinsip ini diguna pakai untuk entiti kerajaan, ini mungkin akan menimbulkan sedikit permasalahan kerana di dalam kumpulan entiti yang dikawal oleh pihak kerajaan, terdapat entiti yang bermatlamat keuntungan dan entiti yang bukan bermatlamat keuntungan. Isu yang sama mungkin akan dihadapi oleh MAIN di mana MAIN adalah entiti yang bukan bermatlamat keuntungan, dan pada masa yang sama, MAIN mempunyai anak syarikat yang bermatlamat keuntungan.

Dalam reformasi sektor kerajaan mengguna pakai standard perakaunan akruan, sektor kerajaan akan tertakluk kepada peruntukan di dalam MPSAS 35 yang diambil dari IPSAS 35. Di antara peruntukan penting di dalam MPSAS 35 adalah seperti berikut:

- i. Penyata kewangan disatukan hendaklah menyatukan penyata kewangan entiti pengawal dengan penyata kewangan entiti-entiti yang dikawal (para 14),
- ii. Mempunyai laporan kewangan disatukan bagi (para 14 dan para 40(a))
 - a) Penyata Kewangan

- b) Penyata pendapatan dan perbelanjaan
 - c) Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti
 - d) Penyata aliran tunai
- iii. Penyata perakaunan disatukan menggunakan polisi perakaunan yang seragam (para 38 dan para 41)
 - iv. Kepentingan minoriti dibentangkan (para 47)

Di antara manfaat penyediaan penyata kewangan disatukan ialah dapat mendedahkan satu penyata kewangan yang menyeluruh demi menyampaikan maklumat kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai sesuatu kumpulan entiti. Ia mendedahkan maklumat kewangan sesuatu kumpulan entiti dengan lebih ringkas dan padat. Walau bagaimanapun penggunaan MPSAS 35 ini bagi sektor kerajaan akan mendatangkan cabaran buat sektor tersebut. Seperti yang dibincangkan oleh Danny, Chow, Pollanen, Baskerville, Aggestam dan Day (2019), terdapat perbezaan di antara kerajaan di dalam mengaplikasikan MPSAS 35 di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan. Sebagai contoh, di United Kingdom, penyediaan penyata kewangan disatukan merangkumi kerajaan persekutuan, kerajaan tempatan dan syarikat kerajaan. Amalan ini hampir sama dengan amalan oleh syarikat-syarikat bermotifkan keuntungan. Amalan yang serupa juga didapati di New Zealand, di mana pihak kerajaan menyatukan penyata kewangan kerajaan persekutuan (termasuk syarikat milikan negeri) dan penyata kewangan kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, terdapat pengasingan di antara penyata kewangan disatukan bagi pihak kerajaan persekutuan dan penyata kewangan disatukan bagi pihak kerajaan tempatan.

Pada masa yang sama terdapat juga amalan oleh pihak kerajaan yang hampir sama dengan konsep Perakaunan Dana, seperti di Australia, Kanada dan Sweden. Di negara-negara tersebut, penyata kewangan disatukan disediakan secara berasingan untuk tiga kategori entiti kerajaan, iaitu:

- i. Kerajaan persekutuan (*Federal government*)
- ii. Kerajaan negeri (*State and territorial governments*)
- iii. Kerajaan tempatan (*Local governments*)

Tambahan pula di Kanada, syarikat milik kerajaan tidak dimasukkan di dalam penyata kewangan disatukan oleh pihak kerajaan. Di Australia, penyata kewangan disatukan disediakan secara berasingan melambangkan batasan sejarah dan perlembagaan yang berbeza

mengenai kawalan dan terdapat beberapa lapisan pihak kerajaan. Di Kanada, ianya lebih nyata berdasarkan kepada tiga lapisan pihak kerajaan iaitu: (i) persekutuan, (ii) wilayah, dan (iii) perbandaran. Begitu juga di Sweden, walaupun di negara tersebut cuma terdapat dua lapisan pihak kerajaan.

Setelah meneliti aktiviti dan struktur MAIN, ia lebih hampir kepada struktur kerajaan seperti di Australia, Kanada dan Sweden. Pendekatan penyediaan penyata kewangan disatukan secara berasingan mengikut kumpulan dana akan menggambarkan aktiviti MAIN dengan lebih tepat.

3.5.6 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama (MPSAS 36)

Perkara asas yang perlu dipatuhi dalam pelaburan atau penglibatan MAIN dalam sebarang pengurusan bersama adalah kepatuhan kepada ketetapan Syariah seperti bebas dari sebarang unsur *riba* (faedah), tidak terlibat dengan sebarang aktiviti atau transaksi yang boleh menjurus kepada *gharar* (ketidakpastian), dan juga tidak terlibat dalam aktiviti yang berkaitan dengan *maysir* (perjudian). MAIN hendaklah memastikan yang setiap tindakannya patuh Syariah. MAIN dikehendaki mengambil tindakan yang sewajarnya bagi ketidakpatuhan kepada ketetapan Syariah seperti melupuskan pegangan pemilikan yang tidak patuh Syariah atau menarik balik aset yang diserahkan kepada pengurusan bersama. Sebarang pulangan atau hasil perlu dinyahiktiraf dan disalurkan kepada badan kebajikan.

Tujuan MPSAS 36 adalah menetapkan asas perakaunan bagi pelaburan di syarikat bersekutu dan usahasama dan menggariskan keperluan-keperluan bagi penggunaan kaedah ekuiti untuk pelaburan dalam entiti berkenaan. Dalam syarikat bersekutu pelabur mempunyai pengaruh penting (*significant influence*) dalam membuat keputusan berkaitan polisi pengurusan dan kewangan syarikat. Usahasama pula hanya wujud apabila pihak yang terlibat dalam pengoperasian bersama bersetuju untuk berkongsi dalam mengawal dan membuat keputusan strategik berkaitan aktiviti pengoperasian berkenaan. Kedua-dua definisi syarikat bersekutu dan usahasama ini dinyatakan oleh Penyata Amalan yang Disyorkan (*Statement of Recommended Practices* [SORPs]) oleh Suruhanjaya Kebajikan England dan Wales (*Charities Commissions for England and Wales*) serta MPERS.

MPSAS 36 ini juga telah menetapkan bahawa setiap pelaburan dalam syarikat bersekutu hendaklah diakaunkan dengan mengguna kaedah ekuiti iaitu pengiktirafan awal pelaburan pada nilai kos, dan nilai bawaan kemudiannya akan meningkat atau menurun dengan mengambil kira

bahagian keuntungan atau kerugian pelaburan selepas permulaan perolehan pemilikan di syarikat bersekutu atau usahasama. Pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama ini dinyatakan sebagai 'Aset Bukan Jangka Panjang' di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pelabur. Pengecualian penggunaan kaedah ekuiti dibenarkan sekiranya pelabur merupakan entiti yang mengawal (*controlling entity*); dengan ini ia dikecualikan dari menyediakan Penyata Kewangan Disatukan sepertimana yang dinyatakan di perenggan 5 MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan) dan sebaliknya dikehendaki menyediakan Penyata Kewangan Berasingan (rujuk MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan). MPSAS ini dan MPERS menyatakan sekiranya kaedah ekuiti tidak diguna pakai dalam mengiktiraf pelaburan di syarikat bersekutu dan usahasama, pelaburan berkenaan boleh diiktiraf pada nilai saksama sepertimana pelaburan dalam instrumen kewangan (tertakluk kepada MPSAS 29 Instrumen Kewangan) atau pada nilai kos ditolak rosot nilai.

3.5.7 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)

MPSAS 37 bertujuan menetapkan prinsip perakaunan untuk entiti yang mempunyai kepentingan dalam entiti yang dikawal bersama atau dirujuk sebagai pengaturan bersama. Sepertimana MPSAS 36, piawaian ini juga mengguna pakai definisi dikawal bersama sebagai persetujuan bersama secara sebulat suara dalam membuat keputusan strategik berkaitan aktiviti pengoperasian berkaitan pengaturan bersama berkenaan. Terdapat dua jenis pengaturan bersama iaitu pengoperasian bersama dan usahasama. Pelabur dalam pengoperasian bersama mempunyai hak aset bersih dan bertanggungjawab dalam pelunasan tanggungan atau liabiliti tetapi pelabur dalam usahasama hanya mempunyai hak keatas aset bersih entiti yang dikawal bersama.

Ini bermakna, pihak yang mengambil bahagian dalam pengoperasian bersama hendaklah mengiktiraf aset, tanggungan, hasil dan perbelanjaan pelaburannya dalam pengoperasian bersama berdasarkan MPSAS yang berkaitan dengan aset, tanggungan, hasil dan perbelanjaan yang berkaitan di dalam Penyata Kewangan Berasingan. Penetapan perakaunan ini juga terpakai kepada pihak yang mengambil bahagian dalam pengoperasian bersama tetapi tidak mengawal bersama aktiviti berkaitannya. Bagi usahasama pula, pengiktirafan pelaburan hendaklah dibuat berdasarkan ketetapan MPSAS 36 (Pelaburan di Syarikat Bersekutu dan Usahasama) iaitu dengan menggunakan kaedah ekuiti.

3.5.8 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain (MPSAS 38)

MPSAS 38 menggariskan keperluan-keperluan pendedahan maklumat berkaitan dengan sifat dan risiko berkaitan pelaburan atau pemilikan dalam entiti berikut:

- i. Entiti yang dikawal;
- ii. Syarikat bersekutu;
- iii. Pengaturan bersama; dan
- iv. Entiti berstruktur tetapi tidak disatukan.

MPSAS 38 juga menyatakan pegangan pemilikan dalam entiti lain boleh dibuat melalui perjanjian yang mengikat entiti bagi membolehkan ia menerima manfaat (pulangan) dari entiti yang dikawal. Selain dari perjanjian, pemilikan boleh dilihat melalui pegangan instrumen ekuiti atau/dan hutang serta penglibatan entiti pelabur dalam bentuk pembiayaan, sokongan kecairan, peningkatan kredit dan jaminan.

Keperluan pendedahan maklumat berkaitan dengan sifat dan risiko berkaitan pelaburan atau pemilikan tersebut adalah penting untuk menilai kesan pelaburan atau penyertaan dalam sebarang usahasama ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti pelabur. Pemegang taruh MAIN, terutamanya pemberi dana, ingin melihat sebarang aktiviti pelaburan atau penglibatan dalam pengaturan bersama tetap memenuhi matlamat asas iaitu memberi manfaat kepada umum (*maslahah ammah*). Oleh yang demikian, MPSAS 38 telah menetapkan dua perkara asas yang perlu didedahkan iaitu berkaitan dengan penghakiman penting dan andaian (*significant judgement and assumptions*) and maklumat berkaitan kepentingan dalam entiti-entiti yang disenaraikan di atas. Pendedahan maklumat penghakiman dan andaian penting termasuklah cara penetapan kawalan dalam entiti lain, kawalan bersama dalam pengaturan bersama, pengaruh penting ke atas entiti lain dan jenis pengaturan bersama. MPSAS 38 juga mengehendaki pendedahan risiko apabila entiti pelabur kemungkinan terdedah dengan risiko seperti berikut:

- i. Sekiranya terdapat sekatan di dalam perjanjian yang membolehkan entiti yang mengawal untuk mengakses aset atau melunaskan tanggungan;
- ii. Sekiranya terdapat perjanjian pengaturan bersama mengehendaki entiti yang mengawal dan dikawal memberi pembiayaan yang terdedah kepada kerugian;
- iii. Sekiranya entiti yang mengawal dan dikawal tanpa sebarang perjanjian dikehendaki memberi sokongan kewangan kepada entiti berstruktur (contoh; pembelian aset).

Pendedahan tambahan seperti nilai pembiayaan dan justifikasi sokongan kewangan hendaklah didedahkan; dan

- iv. Sekiranya terdapat cadangan untuk membantu entiti berstruktur untuk mendapatkan sokongan kewangan.

Perenggan seterusnya menjelaskan maklumat yang perlu didedahkan bagi setiap kepentingan atau pelaburan dalam entiti lain.

3.5.8.1 Kepentingan Dalam Entiti yang Dikawal

Selain dari pendedahan mengenai kaedah penetapan pegangan dan aktiviti utama entiti yang dikawal, pendedahan tambahan diperlukan sekiranya terdapat kepentingan minoriti di dalam entiti yang dikawal, pendedahan maklumat berikut adalah diperlukan:

- i. Nama entiti yang dikawal;
- ii. Negara dan undang-undang di mana entiti yang dikawal beroperasi;
- iii. Bahagian pemilikan kepentingan yang dipegang oleh kepentingan bukan-mengawal;
- iv. Bahagian hak mengundi yang dipegang oleh kepentingan bukan-mengawal sekiranya berbeza dari (iii);
- v. Lebihan atau defisit yang diagihkan kepada kepentingan bukan-mengawal dalam tahun pelaporan; dan
- vi. Kepentingan bukan-mengawal terkumpul pada akhir tahun pelaporan.

3.5.8.2 Kepentingan Dalam Entiti yang Dikawal Tidak Disatukan

Maklumat berikut mengenai entiti yang dikawal tidak disatukan hendaklah didedahkan:

- i. Nama entiti yang dikawal;
- ii. Negara dan undang-undang di mana entiti yang dikawal beroperasi; dan
- iii. Bahagian pemilikan kepentingan di dalam entiti dikawal sekiranya tidak sama dengan bahagian hak mengundi.

3.5.8.3 Kepentingan Dalam Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu

Maklumat yang perlu didedahkan adalah seperti berikut:

- i. Untuk setiap pengaturan bersama dan syarikat bersekutu yang material:

- a. Nama pengaturan bersama atau syarikat bersekutu;
 - b. Sifat hubungan di antara entiti dengan pengaturan bersama atau syarikat bersekutu dan samada ianya strategik untuk aktiviti entiti berkaitan;
 - c. Negara dan undang-undang di mana pengaturan bersama beroperasi; dan
 - d. Bahagian pemilikan kepentingan atau bahagian penyertaan sekiranya berbeza ditentukan secara undian.
- ii. Untuk setiap usahasama dan syarikat bersekutu yang material kepada entiti pelapor:
 - a. Sama ada usahasama dan syarikat bersekutu diukur menggunakan kaedah ekuiti;
 - b. Penyata Kewangan yang diringkaskan bagi usahasama dan syarikat bersekutu; dan
 - c. Sekiranya usahasama dan syarikat bersekutu diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti, nilai saksama bagi kedua-duanya sekiranya terdapat harga pasaran bagi pelaburan berkenaan.
 - iii. Maklumat kewangan bagi usahasama dan syarikat bersekutu yang tidak material kepada entiti:
 - a. Dalam agregat nilai usahasama yang tidak material; dan
 - b. Dalam agregat nilai syarikat bersekutu yang tidak material, nilai agregat di atas tidak sepatutnya didedahkan bersama maklumat usahasama yang tidak diagregatkan.

3.5.8.4 Kepentingan Dalam Entiti Berstruktur Tidak Disatukan

Maklumat yang perlu didedahkan adalah seperti berikut:

- i. Sifat, tujuan, saiz dan aktiviti entiti berstruktur dan bagaimana ianya ditaja;
- ii. Dalam format berlajur, maklumat seperti nilai bawaan aset dan tanggungan di dalam entiti berstruktur berkenaan;
- iii. Jumlah yang dapat menggambarkan pendedahan maksimum entiti kepada kerugian dari kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan, termasuk bagaimana pendedahan tersebut ditentukan; dan
- iv. Perbandingan nilai bawaan aset dan tanggungan entiti yang berkaitan dengan kepentingannya dalam entiti berstruktur yang tidak disatukan dan pendedahan maksimum kepada entiti kepada kerugian dari entiti tersebut.

3.5.8.5 *Kepentingan Pemilikan Tidak Dapat Dikira*

Maklumat yang perlu didedahkan adalah seperti berikut:

- i. Nama entiti yang dimiliki; dan
- ii. Sifat pemilikan dalam entiti berkenaan.

3.5.8.6 *Pemilikan Yang Dikawal untuk Tujuan Penjualan*

Maklumat berikut mengenai entiti yang dikawal hendaklah didedahkan pada setiap tahun kewangan sehingga ianya dijual:

- i. Nama entiti yang dikawal dan aktiviti utama;
- ii. Rasional kepada pemilikan entiti berkenaan;
- iii. Kesan penyatuan aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan entiti berkenaan ke atas Penyata Kewangan Disatukan; dan
- iv. Pendekatan semasa Penjualan (pelupusan), cadangan pendekatan and jangka waktu penjualan.

Setelah berlaku penjualan kepentingan berkenaan, maklumat mengenai penjualan dan kesannya ke atas Penyata Kewangan Disatukan hendaklah dilaporkan pada tahun ianya dijual/dilupuskan.

3.6 RUMUSAN

Ketelusan dalam penyampaian maklumat kewangan dan bukan kewangan merupakan aspek penting dalam melaksanakan akauntabiliti. Kajian terdahulu telah membuat cadangan keperluan institusi BZW mempunyai satu piawaian yang khusus; memenuhi keperluan unik BZW dan patuh Syariah, untuk tujuan penambahbaikan amalan perakaunan dan pelaporan bagi memastikan pendedahan maklumat yang lebih lengkap dan jelas dan pengurusan yang lebih cekap dan berkesan di dalam pentadbiran. MAIN sebagai pentadbir baitulmal dan zakat serta pemegang amanah wakaf tidak terlepas dari melaksanakan tanggungjawab atau akauntabiliti kepada pemegang yang berkaitan untuk ‘telus’ dalam penyampaian maklumat berkaitan BZW.

Satu aspek pelaporan yang relevan untuk institusi BZW ialah perakaunan dana (*fund accounting*) di mana setiap dana atau kumpulan wang adalah sebuah entiti yang tersendiri. Dalam Islam, dana baitulmal, zakat dan wakaf mempunyai objektif dan ciri-ciri yang tersendiri

dan dengan yang demikian tatacara perakaunan dan pengurusannya perlu diasingkan. Justeru, perakaunan dana dicadangkan sebagai sistem perakaunan untuk pentadbiran dana BZW. Ini akan memastikan ketelusan maklumat dan menunjukkan akauntabiliti institusi BZW yang memuaskan kepada pemegang taruh berkaitan. MAIN juga dikehendaki telus dalam melaporkan transaksi-transaksi yang boleh memberi kesan kepada gambaran sebenar kedudukan dan prestasi pengurusan BZW. Antara pendedahan yang perlu dititikberatkan adalah maklumat berkaitan dengan peristiwa selepas tarikh pelaporan, pihak berkaitan, belanjawan (sekiranya sesuai) dan sebarang pegangan dalam entiti yang dikawal atau syarikat bersekutu serta penyertaan dalam bentuk dana, aset atau usaha dalam pengoperasian bersama. MPSAS berkaitan dengan aspek-aspek pendedahan ini adalah MPSAS 14, 20, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38.

BAB 4: KAEDAH PENYELIDIKAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini bertujuan menghuraikan kaedah penyelidikan meliputi kaedah pengumpulan data serta analisis data untuk mencapai objektif kajian pertama hingga keempat. Bab ini disusun sebagai berikut: objektif dan persoalan kajian, penerangan kaedah penyelidikan, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis untuk menjawab persoalan kajian.

4.1 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan inisiatif Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan dilaksanakan ke atas Majlis Agama Islam (MAIN). Laporan Zon 3 akan tertumpu ke atas dapatan kajian empat MAIN, iaitu MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP serta entiti berkaitan seperti Pusat Pungutan Zakat (Wilayah Persekutuan) dan Pusat Kutipan Zakat (Pahang). Input dari pakar Syariah (perundangan dan muamalat) serta pakar perakaunan dan kewangan Islam dari pelbagai universiti tempatan turut menyumbang kepada dapatan kajian. Penambahbaikan dilakukan dari masa ke semasa melalui beberapa temubual dengan wakil-wakil JAKIM, JAWHAR, pakar perakaunan Islam, dan pakar muamalat dari universiti tempatan. Fasa 4 penyelidikan perakaunan dan pelaporan Islam bagi Institusi BZW ini adalah kesinambungan dari Fasa-fasa 1, 2 dan 3. Fasa 1 meneliti pembangunan piawaian bagi pendedahan dan pelaporan. Fasa 2 pula memberikan perhatian kepada perakaunan aset dan yang berkaitan dengannya. Fasa 3 menumpu kepada pengiktirafan dan pendedahan kepada hasil, belanja dan liabiliti. Fasa 4 ini memberi penumpuan kepada pendedahan maklumat berkaitan dengan pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama. Bagi tujuan tersebut berikut adalah MPSAS yang terlibat dalam kajian Fasa 4:

- i. MPSAS 14 (Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan)
- ii. MPSAS 20 (Pendedahan pihak berkaitan)
- iii. MPSAS 22 (Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum)
- iv. MPSAS 24 (Persembahan Maklumat Belanjawan)
- v. MPSAS 34 (Penyata Kewangan Berasingan)
- vi. MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan)
- vii. MPSAS 36 (Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama)

- viii. MPSAS 37 (Pengaturan Bersama)
- ix. MPSAS 38 (Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain)

Sepertimana fasa-fasa sebelum ini, Fasa 4 ini juga mempunyai empat objektif serta beberapa persoalan kajian berkaitan seperti yang disenaraikan di dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

OBJEKTIF KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN
<p><u>Objektif Kajian 1</u></p> <p>Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri).</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1</u></p> <p>Apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?</p>
<p><u>Objektif Kajian 2</u></p> <p>Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi institusi BZW.</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1:</u> Apakah kriteria atau prinsip pendedahan yang perlu dalam kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi aset berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf?</p> <p><u>Persoalan Kajian 2:</u> Apakah jenis dan kualiti maklumat yang perlu didedahkan di dalam pelaporan kewangan Islam berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama berkaitan bagi institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf?</p>
<p><u>Objektif Kajian 3</u></p> <p>Mengenal pasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil berkaitan pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi institusi BZW.</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1:</u> Apakah keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) bagi pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?</p> <p><u>Persoalan Kajian 2:</u> Apakah batas-batas perundangan sivil berbanding keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan</p>

	penyertaan dalam pengoperasian Baitulmal, Zakat dan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri)?
<p><u>Objektif Kajian 4</u> Mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan Piawaian Perakaunan Islam untuk diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) yang memenuhi keperluan Syariah (Al-Quran, Sunnah dan Ijma' Ulama dan Qiyas) dan perundangan Sivil berbanding MPSAS.</p>	<p><u>Persoalan Kajian 1:</u> Apakah keperluan piawaian perakaunan bagi peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf bagi pembangunan piawaian perakaunan Islam untuk institusi BZW?</p>

4.2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini lebih berbentuk deskriptif. Kaedah kualitatif yang mantap dengan cara yang kreatif digunakan untuk mencapai objektif serta menjawab persoalan-persoalan kajian. Kaedah pengumpulan data merangkumi analisis kandungan (*content analysis*) serta temu bual dan perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*). Kaedah pensampelan utama yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah persampelan tertumpu (*purposive sampling*). Pensampelan tertumpu dipanggil juga pensampelan ketidakprobabiliti (*non-probability sampling*) atau pensampelan kualitatif. Seperti yang dinyatakan di atas, persampelan tertumpu ialah teknik melibatkan pemilihan unit atau kes tertentu berdasarkan "tujuan tertentu dan bukannya secara rawak" (Tashakkori & Teddlie, 2003a, ms 713). Beberapa penyelidik lain (contohnya, Kuzel, 1992; LeCompte & Preissle, 1993; Miles & Huberman, 1994; Patton, 2002) juga telah membentangkan teknik pensampelan tertumpu. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data dan analisis yang berbeza untuk setiap objektif kajian, maka kaedah pengumpulan data dan analisis data dipilih berdasarkan kepada objektif penyelidikan.

4.2.1 Objektif Kajian Pertama

Objektif pertama bagi penyelidikan ini ialah "Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan BZW oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN).

4.2.1.1 Pengumpulan Data

Bagi mencapai objektif kajian ini, iaitu memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN dan juga mengenal pasti jurang yang wujud di antara amalan semasa dengan perakaunan dan pelaporan yang digariskan oleh MPSAS, kumpulan penyelidik telah membangunkan instrumen penyelidikan untuk setiap MPSAS berkenaan seperti di Lampiran A. Untuk membangunkan instrumen penyelidikan, kumpulan penyelidik telah merujuk kepada MPSAS yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara untuk diguna pakai oleh sektor awam. Kaedah yang digunakan ini ialah kaedah diagnostik (Murphy, 2015). MPSAS yang terlibat ialah MPSAS 14 (Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan), MPSAS 20 (Pendedahan pihak berkaitan), MPSAS 22 (Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum), MPSAS 24 (Persembahan Maklumat Belanjawan), MPSAS 34 (Penyata Kewangan Berasingan), MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan), MPSAS 36 (Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama), MPSAS 37 (Pengaturan Bersama) dan MPSAS 38 (Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain).

Pengumpulan data ini menghasilkan maklumat deskriptif amalan semasa perakaunan dan pelaporan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Dua peringkat pengumpulan data telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat amalan semasa perakaunan BZW seperti berikut:

Peringkat Pertama:

Data pada peringkat ini dikumpul dengan menggunakan Penyata Kewangan Tahun Pelaporan 2017. Ia merupakan penyata kewangan terkini untuk tujuan analisis kandungan (*content analysis*) amalan perakaunan semasa yang didedahkan di dalam Penyata Kewangan dengan menggunakan instrumen kajian. Peringkat ini dilaksanakan pada bulan Julai 2019.

Peringkat Kedua

Pada peringkat ini, penyelidik menjalankan temu bual dan perbincangan kumpulan fokus dengan pengurusan tertinggi, akauntan, pegawai wakaf, pegawai zakat, pegawai baitulmal dan pegawai undang-undang keempat-empat MAIN Zon 3. Temu bual dengan juruaudit dari Jabatan Audit Negara Negeri Pahang turut dijalankan. Tujuan perbincangan ini ialah mendapatkan penjelasan lanjut mengenai dapatan peringkat pertama. Peringkat ini dijalankan pada bulan Ogos dan September 2019. Jadual 4.2 menunjukkan tarikh dan ahli kumpulan perbincangan fokus yang telah dijalankan:

Jadual 4.2: Tarikh dan Pegawai yang Ditemu bual

MAIN	TARIKH	PEGAWAI YANG DITEMU BUAL
MAIK	19/8 hingga 20/8/19	Akauntan Penolong Pegawai Syariah Pegawai Undang-undang Penolong Pegawai Pelaburan Penolong Pegawai Wakaf Penolong Pegawai Zakat
MAIWP	21/8/19	Akauntan Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Pelaburan Pegawai Undang-Undang
Jabatan Audit Negeri Pahang	29/8/19	Penolong Pengarah Audit Negeri Pegawai Audit Negeri
MUIP	30/8/19	Pegawai Pendidikan Akauntan Pegawai Audit Dalam Pegawai Pentadbiran
MAIDAM	22/9 hingga 23/9/19	Akauntan Pegawai Wakaf Pegawai Zakat Pegawai Undang-Undang

4.2.1.2 Analisis Data

Analisis data dibuat berdasarkan peringkat pengumpulan data seperti berikut:

Peringkat Pertama:

Peringkat ini menggunakan kaedah ringkas deskriptif iaitu mengenal pasti sama ada amalan yang dinyatakan di dalam instrumen dilaksanakan atau sebaliknya dengan menyemak Penyata Kewangan. Semakan ke atas penyata kewangan tidak terhad kepada maklumat kewangan yang dilaporkan di dalam penyata-penyata kewangan tetapi juga di dalam laporan naratif.

Peringkat Kedua:

Perbincangan kumpulan fokus dicatat, dirakam dan ditranskripsikan untuk memperoleh maklumat lanjut mengenai amalan perakaunan semasa di MAIN berkaitan.

Pengumpulan data di kedua-dua peringkat untuk setiap MAIN dilakukan dengan menggunakan instrumen kajian. Analisis dapatan diselesaikan antara bulan Oktober hingga Disember 2019.

Ringkasan dapatan telah dihantar kepada pegawai MAIN untuk semakan dan pengesahan. Maklum balas dari MAIN telah diterima pada bulan Januari 2020.

4.2.2 Objektif Kajian Kedua

Objektif kajian kedua penyelidikan ini ialah ‘Mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi institusi BZW.’

4.2.2.1 Pengumpulan Data

Objektif kajian kedua Fasa 4 ini adalah kesinambungan dari objektif kedua fasa-fasa belum ini (iaitu Fasa 1, 2 dan 3). Fasa berkenaan telah membuat pengumpulan data melalui bahan-bahan dokumentasi dan temu bual perbincangan kumpulan fokus dengan ahli Syariah yang mengesahkan bahan-bahan dokumentasi untuk Kerangka Kerja Konseptual perakaunan Islam. Kaedah tersebut bersandarkan kepada pandangan Imam as-Syatibi (*Al-muwafaqat*), sementara dari segi teknikal berdasarkan pandangan Imam as-Sayuti (*Ashbah wa an-Nazair*). Di samping itu rujukan juga telah dibuat ke atas sumber lain seperti Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards [IFRS]*), piawaian berkaitan yang dikeluarkan oleh *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)* dan *Statement of Recommended Practices (SORPs)* yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Kebajikan England dan Wales United Kingdom.

4.2.2.2 Analisis Data

Bahan yang diperolehi dari sorotan literatur telah digunakan untuk mengemaskini dan mengukuhkan lagi kerangka konseptual perakaunan Islam serta mengenal pasti keperluan Syariah. Perbincangan terperinci mengenai dapatan ini dibentangkan di dalam Bab 6.

4.2.3 Objektif Kajian Ketiga

Objektif kajian ketiga penyelidikan ini ialah ‘Mengetahui pasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma’ Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil berkaitan pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak

berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi BZW.’

4.2.3.1 Pengumpulan Data

Untuk mencapai objektif ketiga, pengumpulan data dibahagi dua, iaitu mengenal pasti keperluan Syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma’ Ulama dan Qiyas) dan batas-batas perundangan sivil dalam melaksanakan Piawaian Perakaunan Islam bagi institusi BZW. Usaha mengenal pasti item-item pendedahan yang memenuhi keperluan Syariah bermula dengan pengenalanpastian item-item pendedahan berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perakaunan Islam dan pelaporan institusi BZW; Al-Quran, Hadith, Ijma’ Ulama dan Qiyas yang berkaitan dengan objektif kajian; dan piawaian Syariah yang dikeluarkan oleh AAOIFI (*Accounting and Auditing Organization of Islamic Financial Institutions*). Seterusnya, semakan ke atas setiap enakmen atau akta pentadbiran Islam negeri masing-masing untuk memastikan item yang dicadangkan selari dengan ketetapan enakmen atau akta pentadbiran Islam.

Penyelidik juga menganalisis akta/enakmen yang berkaitan selain dari enakmen atau akta pentadbiran Islam negeri untuk mengenal pasti batasan perundangan sivil berkaitan pendedahan dan pelaporan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama dalam laporan kewangan institusi BZW. Senarai akta/enakmen yang disemak dan dianalisis untuk mencapai objektif ketiga Fasa 4 adalah seperti berikut:

- i. Perlembagaan Persekutuan
- ii. Akta Acara Kewangan 1957
- iii. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980
- iv. Akta Syarikat 2016
- v. Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- vi. Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
- vii. Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001
- viii. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang 1991

4.2.3.2 Analisis Data

Temu bual telah ditranskripsi dan digunakan untuk mengemaskini keperluan Syariah. Keperluan Syariah dilaporkan secara terperinci di dalam Bab 6 dan perbincangan terperinci batasan-batasan perundangan sivil dilaporkan di dalam Bab 7.

4.2.4 Objektif Kajian Keempat

Objektif kajian keempat bagi penyelidikan ini adalah untuk ‘Mencadangkan maklumat yang relevan sebagai asas pembangunan Piawaian Perakaunan Islam untuk diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri (atau entiti yang diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri) yang memenuhi keperluan Syariah (Al-Quran, Sunnah dan Ijma’ Ulama dan Qiyas) dan perundangan Sivil berbanding MPSAS.’

Untuk mencapai objektif kajian keempat, penyelidik menggabungkan kesemua dapatan objektif kajian pertama sehingga ketiga iaitu dapatan amalan perakaunan semasa, perbincangan kumpulan fokus dengan pegawai-pegawai MAIN, temu bual pakar ekonomi Islam dan perakaunan Islam, serta analisis akta/enakmen yang berkaitan. Seterusnya, penyelidik memberikan cadangan pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam untuk institusi BZW berdasarkan rujukan bahan-bahan muktabar dan literatur perakaunan yang relevan.

4.3 RUMUSAN

Bab ini telah membincangkan metodologi kajian yang diguna pakai untuk mencapai Objektif Kajian Pertama hingga Keempat. Ia membincangkan kaedah pengumpulan data bagi mencapai setiap objektif kajian. Kaedah pengumpulan data tersebut meliputi temu bual secara individu atau perbincangan kumpulan fokus dengan pihak institusi BZW, serta temu bual dengan pakar-pakar *fiqh muamalat*, ekonomi Islam dan perakaunan Islam. Selain itu, kajian ini mengumpul data dengan mengguna kaedah analisis kandungan ke atas penyata kewangan institusi BZW, akta/enakmen yang berkaitan keperluan Syariah dan MPSAS. Kaedah pensampelan utama yang digunakan adalah kaedah pensampelan tertumpu (*purposive sampling*). Seterusnya, kajian juga menganalisis data dengan mengguna kaedah deskriptif dan kaedah pemetaan kognitif.

BAB 5: AMALAN SEMASA

5.0 PENGENALAN

Penyelidikan dalam Fasa 4 ini memberi penumpuan kepada pendedahan maklumat penting di dalam penyata kewangan BZW. Fasa 4 ini menuntut penelitian ke atas MPSAS 14 (Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan), MPSAS 20 (Pendedahan Pihak Berkaitan), MPSAS 22 (Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum), MPSAS 24 (Pendedahan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan), MPSAS 34 (Penyata Kewangan Berasingan), MPSAS 35 (Penyata Kewangan Disatukan), MPSAS 36 (Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama), MPSAS 37 (Pengaturan Bersama), dan MPSAS 38 (Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain).

Zon 3 membuat kajian amalan semasa empat (4) MAIN iaitu Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Di samping itu, kami juga mengkaji kedua-dua institusi kutipan zakat MUIP dan MAIWP masing-masing iaitu Pusat Kutipan Zakat (PKZ) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

Kajian amalan perakaunan semasa lebih menumpukan perbincangan kepada aspek pendedahan maklumat berkaitan dengan kepentingan MAIN dalam entiti yang dikawal, syarikat bersekutu, pengaturan bersama dan maklumat berkaitan seperti pendedahan pihak berkaitan. Selain dari itu, amalan merekod peristiwa selepas pelaporan dan pendedahan maklumat bajet juga dibincangkan dalam bab ini. Maklumat amalan perakaunan dan pelaporan Fasa 4 ini telah merujuk kepada Penyata Kewangan MAIN yang terlibat untuk tahun 2017. Di samping itu juga penyelidik telah menemu bual pegawai-pegawai yang terlibat dalam pentadbiran zakat, baitulmal dan wakaf di setiap MAIN terlibat. Bahagian seterusnya dalam bab ini menerangkan secara terperinci amalan perakaunan dan pelaporan berkaitan dengan sembilan MPSAS yang dinyatakan di atas.

5.1 DAPATAN AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN

5.1.1 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan (MPSAS 14)

Seksyen ini akan membincangkan amalan semasa MAIN di Zon 3 berkaitan dengan peristiwa selepas tarikh pelaporan bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2017. Seperti yang telah dibincangkan dalam sorotan literatur, MPSAS 14 membincangkan 4 perkara berikut:

- i. peristiwa perlu pelarasan
- ii. peristiwa tidak perlu pelarasan
- iii. dividen yang diisytiharkan, dan
- iv. penentuan sama ada andaian usaha berterusan adalah wajar.

Bagi peristiwa selepas tarikh pelaporan, tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan yang ditandatangani oleh Ketua Audit Negara (KAN) adalah penting. Untuk MAIN yang dikaji, butir yang perlu adalah seperti di Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Tarikh Pelaporan dan Tarikh Akaun Ditandatangani oleh KAN

	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
Tarikh pelaporan	31.12.2017	31.12.2017	31.12.2017	31.12.2017
Tarikh akaun ditandatangani oleh Ketua Audit Negara	17. 08.2018	7.10.2018	30.10.2018	24.08.2018

Maklumat ini adalah penting kerana definisi peristiwa selepas tarikh pelaporan ialah peristiwa yang berlaku di antara tarikh pelaporan dan tarikh laporan kewangan diluluskan untuk dikeluarkan (iaitu selepas penyata kewangan tersebut ditandatangani). Oleh itu, apa-apa peristiwa yang berlaku selepas 31 Disember 2017 tetapi sebelum tarikh Ketua Audit Negara menandatangani penyata kewangan tersebut akan dianggap sebagai peristiwa selepas tarikh pelaporan.

Diantara keempat-empat perkara (MPSAS 14) yang dibentangkan di atas, ada kebarangkalian peristiwa yang perlu pelarasan dan peristiwa yang tidak perlu pelarasan berlaku di MAIN untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2017, namun peristiwa tersebut tidak didedahkan di dalam keempat-empat penyata kewangan MAIN berkaitan (sila lihat Jadual 5.2).

Jadual 5.2: Peristiwa Selepas Tarikh Kewangan

ASPEK-ASPEK/TRANSAKSI	ZON 3											
	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W
PENYATA KEWANGAN 2017												
2. Melaraskan Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan												
a. Kes mahkamah		X			X			X			X	
b. Penentuan selepas tarikh pelaporan jumlah pendapatan yang dikumpulkan semasa tempoh pelaporan untuk dikongsi dengan kerajaan lain di bawah perjanjian perkongsian hasil yang berlaku semasa tempoh pelaporan		X			X			X			X	
c. Penerimaan maklumat selepas tarikh pelaporan menunjukkan bahawa aset telah terjejas pada tarikh pelaporan		X			X			X			X	
d. Penentuan selepas tarikh pelaporan kos aset yang dibeli, atau hasil daripada aset yang dijual, sebelum tarikh pelaporan		X			X			X			X	
3. Peristiwa selepas tarikh pelaporan yang tidak perlu Pelarasan												
a. Sekiranya entiti telah mengguna pakai dasar yang sentiasa menilai semula hartanah kepada nilai saksama, penurunan dalam nilai saksama harta		X			X			X			X	
b. Di mana entiti yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan program perkhidmatan komuniti tertentu memutuskan untuk mengagih manfaat tambahan secara langsung atau tidak langsung		X			X			X			X	

kepada peserta dalam program tersebut				
4. Isu pengisytiharan dividen	TB	TB	TB	TB
5. Isu “going concern”	TB	TB	TB	TB

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata

TB - Tidak Berkenaan

Satu contoh cara menyelaraskan peristiwa selepas tarikh pelaporan diberikan di sini. Sekiranya ada sebarang kejadian yang berlaku antara 31 Disember 2017 dan 24 Ogos 2018 di MUIP misalnya, peristiwa tersebut akan dianggap sebagai peristiwa selepas tarikh pelaporan. Merujuk kepada kes mahkamah di antara MUIP dan Far East Holdings Berhad, andainya keputusan mahkamah dikeluarkan pada 31 Julai, 2018, MUIP seharusnya mengambil kira jumlah wang yang diterima dalam penyata kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2017. Walau bagaimanapun, jika kes mahkamah telah diselesaikan pada 30 Ogos, 2018 (iaitu selepas tarikh penyata kewangan ditandatangani) maka peristiwa ini tidak akan diselaraskan dalam penyata kewangan tersebut. Dalam hal ini, hanya pendedahan yang mencukupi dibuat dalam Nota penyata kewangan berakhir pada 31 Disember 2017. Pendedahan, sepertimana yang telah dibincangkan dalam sorotan literatur, bertujuan memberi penerangan berkenaan sifat kejadian tersebut dan anggaran kesan kewangannya. Juga, jika anggaran tidak dapat ditentukan, maka pernyataan dilaporkan dalam Nota penyata kewangan.

Penyelidik berpendapat isu berkenaan dividen dan andaian usaha berterusan tidak berkaitan dengan MAIN.

5.1.2 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)

Seperti yang dibincangkan dalam sorotan karya sebelum ini, dua objektif utama piawaian ini ialah mengenal pasti pihak yang mengawal atau mempengaruhi entiti pelapor (iaitu MAIN) dan menentukan urusniaga antara entiti pelapor dan pihak-pihak berkaitan dengannya dengan lebih telus. Maklumat sedemikian perlu didedahkan untuk membolehkan pemahaman yang lebih jelas tentang prestasi kewangan dan kedudukan MAIN.

Berdasarkan MPSAS 20 (para 4), "pihak berkaitan" termasuk kakitangan pengurusan utama, yang terdiri dari pengarah atau anggota badan pentadbir MAIN (termasuk mereka yang menjadi penasihat kepada ahli-ahli tersebut). Mana-mana ahli keluarga terdekat yang boleh

mempengaruhi keputusan kakitangan pengurusan utama hendaklah juga dianggap sebagai pihak yang berkaitan. Ini termasuklah syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu MAIN. Kesemua MAIN di Zon 3 ini iaitu MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP mempunyai kakitangan pengurusan utama. Selain itu, semua MAIN kecuali MAIDAM, mempunyai anak syarikat bagi tahun kewangan 2017.

Dalam konteks MAIN, para pengarah dan anggota badan pemerintah diandaikan akan membuat keputusan mereka dengan niat yang baik. Oleh itu tidak mungkin ahli keluarga mempengaruhi keputusan yang dibuat. Pihak berkaitan utama MAIN adalah kakitangan pengurusan utama dan juga anak syarikat atau syarikat bersekutu. Walau bagaimanapun, ingin ditekankan di sini bahawa isu intipati atau hakikat diutamakan berbanding dengan bentuk, rupa atau tatacara (*substance over form*) dalam menentukan hubungan pihak berkaitan.

Seperti yang disebutkan di atas, MPSAS 20 menekankan pendedahan berhubung dengan pihak berkaitan. Perkara-perkara khusus yang perlu didedahkan adalah berikut:

- i. Tanpa mengira urusan antara pihak-pihak yang berkaitan, apabila hubungan mengawal (*controlling interest*) wujud, hubungan itu harus didedahkan (perenggan 25);
- ii. Jika urusan dianggap mempunyai terma dan syarat yang tidak biasa atau tidak teratur (iaitu kurang daripada yang akan diberikan kepada mereka yang bukan pihak yang berkaitan), sifat pihak-pihak yang berkaitan dan urusan di antara mereka perlu didedahkan;
- iii. Juga, maklumat yang relevan dan dipercayai perlu diberikan dengan jelas menerangkan butiran transaksi. Ini akan menunjukkan pihak pengurusan telah menunaikan kebertanggungjawaban MAIN supaya pengguna [penyata kewangan] dapat membuat keputusan yang lebih tepat (*more informed decisions*) (perenggan 27);
- iv. Penerangan mengenai setiap kelas kakitangan pengurusan utama serta imbuhan agregat dan pampasan kepada setiap kelas (termasuk ahli keluarga terdekat mereka) perlu didedahkan; dan
- v. Jumlah pinjaman yang diberikan kepada setiap kakitangan pengurusan utama atau setiap ahli keluarga mereka juga harus didedahkan (jika pinjaman ini tidak lazim diberi kepada kakitangan lain atau tidak diketahui secara umum oleh orang ramai). Bagi pinjaman tersebut, jumlah pinjaman yang dibayar balik dan baki penyingkiran pada setiap tahun perlu didedahkan (iaitu selain dari imbuhan yang dibayar kepada

kakitangan pengurusan utama) (perenggan 34).

Hanya MAIWP dan MUIP mempunyai nota berasingan berhubung dengan pihak berkaitan. Selain itu, MAIWP, MAIK dan MUIP mendedahkan transaksi (pinjaman) mereka dengan anak-anak syarikat masing-masing (sila lihat Jadual 5.3). Pendedahan pinjaman ini memang penting kerana ia adalah urusan niaga MAIN berkenaan dengan syarat khas. Sebagai contoh, MAIWP (muka surat 124, nota 23) menyatakan: “Jumlah terhutang kepada syarikat subsidiari adalah tanpa syarat” dan MUIP pula membentangkan (muka surat 28, nota 13): “Pendahuluan kepada entiti dikawal adalah tidak bercagar dan tiada tempoh bayaran balik yang ditetapkan.”

Jadual 5.3: Pendedahan Pihak Berkaitan

ASPEK-ASPEK/TRANSAKSI	ZON 3											
	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W
PENYATA KEWANGAN 2017												
1. Jumlah pembayaran (pendedahan) kepada Kakitangan Utama/Penting Pihak Pengurusan (KPPP)		√			X			X				√
▪ Pinjaman kepada KPPP		X			X			X				X
2. Pendedahan kawalan Kepentingan		√			√			TB				√
3. Transaksi dengan pihak berkaitan (secara umum)		√			√			√				√

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X – Tidak dilaporkan di dalam Penyata

TB - Tidak Berkenaan

Selain itu, keempat-empat MAIN (termasuk MAIDAM) telah mendedahkan pinjaman yang diberikan kepada kakitangan mereka. Walau bagaimanapun, mereka tidak membezakan sama ada sebahagian daripada pinjaman tersebut telah dikeluarkan kepada kakitangan pengurusan utama. Besar kemungkinan, mereka berpendapat hanya pinjaman khas kepada kakitangan pengurusan utama sahaja yang seharusnya didedahkan (MPSAS 20).

5.1.3 Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum (MPSAS 22)

MPSAS 22, perenggan 1 menyatakan dengan jelas bahawa "Objektif piawaian ini adalah untuk menentukan keperluan pendedahan oleh kerajaan sama ada untuk membentangkan maklumat mengenai Sektor Kerajaan Umum (SKU) dalam penyata kewangan kerajaan yang disatukan." Oleh kerana MAIN bukanlah sebuah kerajaan, MPSAS ini tidak relevan bagi pelaporan BZW. Isu ini telah pun dibincangkan dengan penyelidik dari UUM dan UKM semasa "Hasil Kerja Lapangan Projek Penyelidikan dan Format Pembentangan Dapatan Awal Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan Piawaian Islam" yang diadakan pada 6 November 2019 di IPNCPD. Berdasarkan perbincangan tersebut, kesimpulan yang dipersetujui ialah MPSAS 22 tidak relevan bagi pelaporan kewangan BZW. Perkara ini telah pun mendapat persetujuan dari pihak IPN semasa "Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan Piawaian Islam," yang diadakan pada 19 November 2019. Justeru, kami cadangkan agar MPSAS 22 tidak diambil kira dalam membangunkan piawaian untuk BZW kelak.

5.1.4 Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan (MPSAS 24)

Secara umumnya, kesemuanya MAIN tidak mendedahkan maklumat belanjawan di dalam penyata kewangan (Jadual 5.4). Maklumat belanjawan pada dasarnya disediakan untuk tujuan dalaman.

Jadual 5.4: Pendedahan Bajet dalam Penyata Kewangan

ASPEK-ASPEK/TRANSAKSI	ZON 3											
	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W
PENYATA KEWANGAN 2017												
1. Pembentangan Anggaran dan Jumlah Sebenar (Para 14)												
a) Jumlah belanjawan asal dan akhir		X			X			X			X	
b) Jumlah sebenar pada asas yang boleh dibandingkan		X			X			X			X	
c) Dengan cara nota pendedahan, penjelasan mengenai perbezaan material antara anggaran dan jumlah sebenar		X			X			X			X	

2. Entiti hendaklah membentangkan perbandingan belanjawan dan amaun sebenar sebagai tambahan lajur belanjawan dalam penyata kewangan utama hanya di mana kewangan Kenyataan dan belanjawan disediakan secara sebanding (Para 21)	X	X	X	X
3. Entiti hendaklah mendedahkan dalam nota kepada penyata kewangan tempoh belanjawan yang diluluskan (Para 43)	X	X	X	X
4. Entiti hendaklah mengenal pasti dalam nota kepada penyata kewangan entiti yang termasuk dalam belanjawan yang diluluskan (Para 45)	X	X	X	X

Nota:

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

Bagi KW Zakat, MAIN menyediakan belanjawan berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat dengan terperinci. Belanjawan mengenai KW Zakat ini termasuk jangkaan kutipan zakat dan jangkaan pengagihan zakat untuk tahun berikutnya. Di dalam ZON 3, terdapat satu MAIN yang mewartakan maklumat belanjawan di dalam Dewan Undangan Negeri, iaitu MAIDAM.

Berdasarkan kehendak MPSAS 24, sesuatu entiti hendaklah membentangkan jumlah anggaran dan jumlah sebenar dengan jelas seperti di dalam perenggan 14, MPSAS 24. Penjelasan mengenai perbezaan material antara anggaran dan jumlah sebenar perlu didedahkan di dalam Nota kepada penyata kewangan. Pendedahan maklumat mengenai tempoh belanjawan (perenggan 43) dan maklumat mengenai entiti yang termasuk di dalam belanjawan yang diluluskan (perenggan 45) perlu dinyatakan dengan jelas di dalam Nota. Walau bagaimanapun, tiada satu MAIN pun yang mendedahkan maklumat belanjawan mereka di dalam penyata kewangan masing-masing.

5.1.5 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)

Di dalam Zon 3, terdapat tiga MAIN yang menyediakan penyata kewangan disatukan manakala satu lagi MAIN tidak menyediakan penyata kewangan disatukan memandangkan MAIN tersebut tidak ada anak syarikat (lihat Jadual 5.5). Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan, terdapat dua lajur yang disediakan bagi dua tahun perbandingan. Lajur yang pertama

adalah maklumat berkaitan penyata kewangan disatukan dan lajur yang kedua adalah maklumat berkaitan penyata kewangan MAIN.

Jadual 5.5(a): Pendedahan dalam Penyata Kewangan Disatukan

ASPEK-ASPEK/TRANSAKSI	ZON 3											
	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W
PENYATA KEWANGAN 2017												
1. Merangkumi entiti mengawal dan entiti-entiti yang dikawal (Para 14)		√			√				TB		√	
2. Mempunyai laporan kewangan disatukan												
e) Penyata Kewangan		√			√						√	
f) Penyata pendapatan dan perbelanjaan		√			√				TB		√	
g) Penyata Perubahan Aset Bersih/ Ekuiti		√			√						√	
h) Penyata aliran tunai (Para 14 dan Para 40(a))		√			√						√	
3. Penyata perakaunan disatukan menggunakan polisi perakaunan yang seragam (Para 38 dan Para 41)		√ (Nota 3(c))			X				TB		√	
4. Kepentingan minoriti dibentangkan (Para 47)		TB Tiada kepentingan minoriti			TB Tiada kepentingan minoriti				TB		√ Kepentingan minoriti	

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata

TB - Tidak Berkenaan

Penyata kewangan MAIN boleh dikira pakai sebagai penyata kewangan berasingan kerana ianya adalah maklumat tambahan kepada penyata kewangan disatukan. Ketiga-tiga MAIN yang mempunyai anak syarikat menggunakan format yang sama. Ketiga-tiga MAIN juga menyediakan penyata kewangan disatukan bagi penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai. Ini adalah selari dengan perenggan 14 dan perenggan 40(a) di dalam MPSAS 35.

Jadual 5.5(b): Pendedahan dalam Penyata Kewangan Disatukan

ASPEK- ASPEK/TRANSAKSI	ZON 3											
	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W
PENYATA KEWANGAN 2017												
5. Penyata baki kumpulan wang zakat, wakaf dan baitulmal di dalam penyata kewangan disatukan		√			√			TB			√	
	<p>Nota 17 (Pendapatan tersimpan) <i>Cross-referencing to equity</i></p> <p>Nota 32 (Lebihan tahun semasa)</p> <p>Nota 36 (Penyelenggaraan dan Insurans Bangunan)</p> <p>Nota 37 (Lain-lain perbelanjaan: Perbelanjaan kakitangan dan perbelanjaan mengurus)</p>			<p>Di dalam penyata kewangan dan penyata perubahan aset bersih/ekuiti</p>			<p>Tiada anak syarikat</p>			<p>Hanya dinyatakan di dalam Penyata Prestasi Kewangan</p>		

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata
TB - Tidak Berkenaan

Menurut prinsip, penyata kewangan MAIN disediakan atas dasar penggabungan transaksi-transaksi berkaitan zakat, wakaf dan baitulmal. Walau bagaimanapun, pendedahan maklumat berkaitan zakat, wakaf dan baitulmal tidak dinyatakan dengan jelas di dalam penyata kewangan MAIN. (Sila rujuk Jadual 5.5(b)). Ianya hanya dapat dilihat di dalam penyata kewangan MAIN di kedudukan yang berbeza.

Contohnya, MAIWP menunjukkan maklumat berkaitan dengan zakat, wakaf dan baitulmal di tahap ekuiti di dalam pendapatan tersimpan di dalam penyata kewangannya. Di MUIP, maklumat berkaitan hanya didedahkan di dalam penyata prestasi kewangan. Manakala di MAIK, ianya dinyatakan di tahap ekuiti bagi setiap kumpulan wang. Bagi MAIDAM, ia tidak

menyediakan penyata kewangan disatukan kerana ia tidak mempunyai anak syarikat. Walau bagaimanapun, ia menyediakan penyata kewangan yang lengkap bagi Kumpulan Wang Zakat di dalam Nota akaun.

Di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, mengenal pasti hubungan di antara entiti pengawal (*controlling entity*) dan entiti dikawal (*controlled entities*) adalah perkara penting (rujuk kepada perenggan 14, MPSAS 35). Dari segi prinsip, dalam menyediakan penyata kewangan disatukan bagi aktiviti MAIN, MAIN adalah dianggap sebagai entiti pengawal dan syarikat subsidiarinya adalah entiti dikawal. Sama ada praktis ini selari dengan konsep perakaunan dana dan tuntutan Syariah, perkara ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam bab cadangan.

Aspek lain yang juga penting di dalam pendedahan maklumat berkaitan penyata kewangan disatukan ialah pendedahan maklumat berkaitan dengan kepentingan minoriti (rujuk perenggan 47, MPSAS 35). Contohnya, MUIP mempunyai dua anak syarikat di mana pegangan MUIP bukan 100%. Pahang Medical Centre mempunyai 10% kepentingan minoriti. Kepentingan minoriti ini dimiliki oleh sekumpulan doktor pakar yang juga menyumbang dana kepada anak syarikat tersebut. Maklumat kepentingan minoriti ini dinyatakan dengan jelas di dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan.

5.1.6 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)

Jadual 5.6: Penyata Kewangan Berasingan

ASPEK-ASPEK/TRANSAKSI	ZON 3											
	MAIWP			MAIK			MAIDAM			MUIP		
PENYATA KEWANGAN 2017	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W	B	Z	W
1. Fakta yang menyatakan bahawa ia adalah penyata kewangan berasingan (Para 20(a))		X			X			X			X	
2. Penyataan mengenai pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan disatukan (Para 20(a))		TB			TB			TB			TB	
3. Nama entiti yang menyediakan penyata kewangan disatukan (Para 20(a))		TB			TB			TB			TB	

4. Alamat di mana penyata kewangan disatukan boleh diperolehi (Para 20(a))	TB	TB	TB	TB
--	----	----	----	----

Nota:

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata

TB - Tidak Berkenaan

Penyata Kewangan Berasingan adalah penyata tambahan di samping Penyata Kewangan Disatukan. Secara umumnya penyediaan Penyata Kewangan Berasingan boleh berlaku dalam tiga keadaan. Keadaan tersebut adalah:

- i. Sebagai tambahan kepada penyata kewangan yang disatukan (perenggan 7, MPSAS 34);
- ii. Sebagai tambahan kepada penyata kewangan entiti yang tidak mempunyai entiti dikawal, tetapi mempunyai syarikat bersekutu atau usahasama yang diambil kira menggunakan kaedah ekuiti di bawah MPSAS 36; dan
- iii. Entiti yang dikecualikan mengikut perenggan 5 MPSAS 35, dari penyatuan atau perenggan 23 MPSAS 36, dan daripada penggunaan kaedah ekuiti boleh membentangkan penyata kewangan yang berasingan sebagai satu-satunya penyata kewangan (perenggan 9, MPSAS 34).

Analisis menunjukkan ketiga-tiga MAIN yang mempunyai anak syarikat iaitu MAIWP, MUIP dan MAIK menyediakan penyata kewangan yang disatukan seperti yang dikehendaki oleh piawaian perakaunan. Di samping penyata kewangan yang disatukan, mereka juga mempersembahkan maklumat penyata kewangan MAIN sendiri sebagai maklumat tambahan kepada penyata kewangan yang disatukan. Penyata kewangan MAIN ini bolehlah dianggap selari dengan kehendak perenggan 7(a) MPSAS 34 (sila rujuk Jadual 5.6).

Analisis juga menunjukkan ketiga-tiga MAIN menyediakan penyata kewangan yang disatukan kecuali MUIP. Walaupun keputusan mahkamah pada 15 November 2017 menyatakan bahawa peratusan pegangan saham MUIP di dalam Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn) Berhad (KAOP) adalah 59%, MUIP masih menganggap KAOP sebagai syarikat bersekutu memandangkan ianya masih dikawal oleh Far East Holdings Bhd. (FEHB) berdasarkan majoriti ahli lembaga pengarah KAOP terdiri daripada Pengarah-pengarah FEHB dan pengurusan ladang-ladang masih di bawah FEHB. Oleh itu, MUIP menyediakan ringkasan penyata kewangan KAOP di dalam Nota (8) bagi laporan kewangan 2017.

5.1.7 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama (MPSAS 36)

Tujuan utama MPSAS 36 ialah menetapkan tatacara perakaunan pelaburan di syarikat bersekutu dan sebarang usahasama iaitu pelaburan yang memberikan risiko dan ganjaran disebabkan oleh pemilikan. Syarikat bersekutu merupakan entiti di mana entiti pelabur mempunyai pemilikan atau kepentingan di antara 20-50%. Sekiranya entiti pelabur mempunyai pemilikan kurang dari 20%, entiti pelabur hendaklah mempunyai pengaruh ketara dalam urusan operasi entiti syarikat. Usahasama pula ialah sebarang pengaturan bersama oleh pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama ke atas pengaturan bersama dan mempunyai hak ke atas harta pengaturan bersama berkenaan.

Semakan ke atas Penyata Kewangan 2017 bagi keempat-empat MAIN (MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP) mendapati hanya MUIP sahaja yang melaporkan pelaburan di dalam syarikat bersekutu sebagai teks dalam Penyata Kewangan (iaitu Penyata Kedudukan Kewangan). Penyata Kewangan MUIP tahun 2017 melaporkan dua syarikat bersekutu dilaporkan di dalam Penyata Kewangan MUIP tahun 2017. Dalam hal ini, pertama, MUIP telah mendedahkan pemilikan sebanyak 59% di dalam Kampong Air Oil Palm Company (Sdn) Berhad (KAOP). Pemilikan ini diperolehi melalui keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 November 2017. Walaupun MUIP mempunyai pemilikan lebih dari 50% tetapi MUIP mengakaunkan KAOP sebagai syarikat bersekutu memandangkan majoriti ahli Lembaga Pengarahnya terdiri dari pengarah-pengarah Far Eastern Holdings Berhad (FEHB). Kedua, terdapat pertukaran perubahan pemilikan kepentingan di dalam syarikat bersekutu MUIP Hotel Sdn Bhd (MHSB) dari 40% kepada 100% pemilikan. Pada tahun 2017, MUIP telah mengambil alih 60% pemilikan dan ini menjadikan MUIP sebagai pemilik penuh MHSB (100% pemilikan MHSB).

Bagi tujuan pengakaunan kepentingan di dalam syarikat bersekutu, MUIP telah menggunakan kaedah ekuiti sepertimana ditunjukkan dalam Nota Akaun 8 (muka surat 25). Kepentingan MUIP di dalam KAOP diakaunkan pada nilai kos pada tahun kewangan 2017 iaitu tahun di mana KAOP telah diisytiharkan sebagai milik MUIP. Ringkasan Penyata Kewangan KAOP bagi tahun-tahun 2016 dan 2017 didedahkan di Nota Akaun 9. Pemilikan sepenuh MHSB pula menjadikan MHSB sebagai entiti yang dikawal dan pertukaran pemilikan ini juga dijelaskan di Nota Akaun 8. Pelaburan di dalam syarikat bersekutu dinyatakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai 'Pelaburan Entiti Bersekutu'.

Penyata Kewangan MAIDAM tahun 2017 mendedahkan pelaburan sebanyak 17% di dalam Syarikat Tis Ata Ashara. Pelaburan yang bernilai RM850,000 diperolehi pada tahun 1988 dan dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai ‘Pelaburan Saham’ pada nilai saksama. Perbincangan kumpulan fokus dengan pegawai MAIDAM mendapati saham berkenaan adalah saham ‘anugerah’ dan MAIDAM tidak mempunyai kawalan atau pengaruh ketara ke atas pengurusan kewangan dan operasi. Jadual 5.7 menunjukkan amalan perakaunan pelaburan di syarikat bersekutu dan usahasama (MPSAS 36) di kalangan MAIN di Zon 3.

Jadual 5.7: Ringkasan Amalan Perakaunan Pelaburan di Syarikat Bersekutu dan Usahasama

Aspek Amalan MPSAS 36	ZON 3			
	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
Penyata Kewangan 2017				
Kewujudan:				
<input type="checkbox"/> Syarikat Bersekutu	X	X	X	√
<input type="checkbox"/> Usahasama	X	X	√	X
Penggunaan Kaedah Ekuiti dalam merekod pelaburan dalam syarikat bersekutu	X	X	X	√
Pendedahan perubahan dalam kepentingan Pemilikan	X	X	X	√
Pendedahan melalui Penyata Kewangan berasingan	X	X	X	√

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

Berdasarkan jadual di atas, tiada sebarang pendedahan oleh MAIN berkaitan pengaturannya bersama jenis usahasama.

5.1.8 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)

Tujuan MPSAS 37 menetapkan prinsip pelaporan kewangan untuk entiti yang mempunyai kepentingan dalam pengaturan bersama. Pengaturan bersama melibatkan kawalan bersama oleh pihak-pihak yang terlibat. Perkara-perkara berikut perlu dianalisis untuk mengenal pasti jenis pengaturan bersama:

- i. Pihak yang terlibat perlulah menganalisis hak dan kewajipannya ke atas pengaturan bersama berkenaan sama ada mereka mempunyai hak atau akses ke atas aset dan juga mempunyai kewajipan melunaskan tanggungan pengaturan bersama berkenaan;
- ii. Sekiranya pengaturan bersama dilaksanakan melalui entiti tujuan khas (*special*

purpose vehicle; SPV), hak undang-undang yang diberi ke atas SPV berkenaan termasuklah dalam aspek hak atau akses ke atas aset dan tanggungjawab pelunasan tanggungan.

Pengaturan bersama yang memberi hak atau akses aset pengaturan bersama serta bertanggungjawab untuk pelunasan liabiliti dikategorikan sebagai operasi bersama. Pihak yang terlibat dikategorikan sebagai pengendali bersama. Sebaliknya, sekiranya pengaturan bersama hanya memberi hak atau akses kepada aset pengaturan bersama, ia dikategorikan sebagai usahasama. MPSAS 37 menetapkan amalan perakaunan bagi operasi bersama, usahasama serta pihak yang mengambil bahagian dalam pengaturan bersama tetapi tidak mempunyai kawalan bersama.

Semakan ke atas Penyata Kewangan 2017 bagi MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP mendapati hanya MAIDAM sahaja yang membuat pendedahan pengaturan bersama seperti berikut (lihat Jadual 5.8):

i. Nota Akaun 6 (Perbelanjaan Dalam Pembangunan)

Pengaturan bersama bagi tujuan pembinaan hotel di atas tanah wakaf di Kuala Terengganu diantara MAIDAM dan Argon Sdn Bhd bermula pada tahun 2010 berasaskan konsep Bina-Kendali-Pindah (*Build Operate Transfer [BOT]*). Pendedahan maklumat ini dibuat sebagai Nota ‘Perbelanjaan Dalam Pembangunan’ memandangkan hotel masih dalam pembinaan.

Jadual 5.8: Amalan bagi Pengaturan Bersama dan Penyata Kewangan Berasingan

Aspek Amalan MPSAS 37	ZON 3			
	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
Penyata Kewangan 2017				
Pendedahan jenis pengaturan bersama	X	X	√	X
Penyata Kewangan Berasingan:				
▪ <i>Operasi Bersama</i>				
➤ Aset dipunyai bersama	X	X	X	X
➤ Liabiliti ditanggung bersama	X	X	X	X
➤ Hasil jualan output operasi bersama	X	X	X	X
➤ Hasil jualan operasi bersama	X	X	X	X
➤ Perbelanjaan dibuat bersama	X	X	X	X
▪ <i>Usahasama</i>				
➤ Aset dipunyai bersama	X	X	X	X

Penyata Kewangan Berasingan:				
▪ Pihak tiada kawalan (Operasi bersama/Usahasama)				
➤ Aset dipunyai bersama	X	X	X	X
➤ Liabiliti ditanggung bersama	X	X	X	X
➤ Hasil jualan output operasi bersama	X	X	X	X
➤ Hasil jualan operasi bersama	X	X	X	X
➤ Perbelanjaan dibuat bersama	X	X	X	X

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

Melalui perbincangan kumpulan fokus dengan pegawai-pegawai MAIK, didapati MAIK dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah melaksanakan projek pembangunan asnaf di Kampung Gong Jenerah, Bukit Awang, Pasir Putih, Kelantan sejak tahun 2016. Projek pembangunan asnaf ini telah mendirikan 30 rumah untuk didiami oleh asnaf yang mengikuti program pembangunan ini. Projek ini boleh dikategorikan sebagai operasi bersama di mana MAIK dan LZS bersama-sama mengawal projek pembangunan berkenaan. Walaubagaimanapun, projek ini tidak didedahkan di dalam pelaporan kewangan MAIK.

5.1.9 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)

MPSAS 38 bertujuan menggariskan keperluan pendedahan maklumat berkaitan dengan sifat dan risiko berkaitan dengan kepentingan di dalam entiti-entiti berikut:

- i. Entiti dikawal,
- ii. Entiti dikawal tidak disatukan,
- iii. Pengaturan bersama dan syarikat bersekutu,
- iv. Entiti berstruktur tetapi tidak disatukan,
- v. Pemilikan tidak dapat dikira, dan
- vi. Perolehan kepentingan dikawal bertujuan untuk dilupuskan.

Pendedahan sifat kepentingan (*nature of interest*) boleh terjadi dalam bentuk hak mengundi (*voting rights*) atau sebarang kekangan (*restrictions*) seperti sekatan dalam penggunaan aset dan pelunasan tanggungan. Pendedahan risiko pula termasuk sebarang keadaan yang mendedahkan entiti kepada risiko seperti pengaturan kecairan (*liquidity arrangement*), pengadaran kredit (*credit rating*), dan memberi bantuan kewangan tanpa perjanjian yang mengikat (*non-binding arrangement*). Pendedahan risiko merujuk pada sebarang keadaan yang

mendedahkan entiti kepada risiko seperti pengaturan kecairan (*liquidity arrangement*), pengadaran kredit, dan memberi bantuan kewangan tanpa perjanjian yang mengikat. MPSAS 38 menghendaki maklumat tersebut didedahkan untuk melihat kesan kepentingan di dalam entiti-entiti di atas ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai. MPSAS 38 juga menghendaki pernyataan niat atau motif untuk memberi bantuan kewangan tanpa perjanjian yang mengikat.

Semakan ke atas Penyata Kewangan 2017 mendapati MAIWP, MAIK dan MUIP melakukan pendedahan sifat kepentingan bagi entiti dikawal. Perkara-perkara ini - iaitu sifat kepentingan dan risiko yang didedahkan bagi kepentingan di dalam entiti dikawal - ditunjukkan dalam Jadual 5.9 berikut.

Jadual 5.9: Pendedahan Sifat Kepentingan dan Risiko

	Entiti yang dikawal (<i>Subsidiary</i>)	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
1	Sifat kepentingan: Pemilikan kepentingan MAIN dalam entiti yang dikawal.	√	√	X	√
2	Risiko: Keadaan di mana MAIN terdedah kepada risiko e.g pembiayaan tanpa cagaran	√	X	X	X

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

Bukti kepentingan yang telah didedahkan oleh MAIWP, MAIK dan MUIP mengambil bentuk pegangan kepentingan (peratus pegangan) di dalam entiti. Bagi risiko pula, MAIWP telah mendedahkan maklumat risiko dalam Nota akaun seperti pembiayaan kepada anak syarikat tidak bercagar dan ketiadaan sebarang syarat pembayaran balik yang tetap. Di muka surat 116, MAIWP juga mendedahkan sejumlah RM21,465,173 sebagai deposit bagi pembelian bangunan yang belum selesai status pemilikannya.

Mengenai maklumat sifat dan risiko pelaburan bagi pengaturan bersama dan syarikat bersekutu, setiap penyata kewangan MUIP dan MAIDAM telah membuat pendedahan di Nota akaun masing-masing. MUIP mendedahkan kepentingan di dalam syarikat subsidiari (KAOP) yang diperolehi melalui keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 November 2017 (sila lihat Jadual 5.10).

Jadual 5.10: Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu

	Pengaturan Bersama dan Syarikat Bersekutu	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
1	Pendedahan maklumat entiti.	X	X	X	√
2	Kaedah Ekuiti digunakan untuk mengiktiraf pelaburan. Nilai saksama di laporkan dalam penyata kewangan.	X	X	X	√
3	Ringkasan penyata kewangan entiti didedahkan.	X	X	X	√

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

Kepentingan MUIP di dalam KAOP dikategorikan sebagai syarikat bersekutu walaupun mempunyai pemilikan sebanyak 59% kerana masih dikawal oleh FEHB di mana majoriti ahli Lembaga Pengarah KAOP masih terdiri dari ahli Lembaga Pengarah FEHB. MUIP turut membuat pendedahan ringkas penyata kewangan KAOP di Nota akaun 9. MAIDAM pula memiliki sejumlah 17% daripada modal berbayar atau RM850,000 unit saham biasa Syarikat Tis Ata Ashara. Pelaburan ini direkod sebagai ‘Pelaburan dalam Saham’ pada nilai saksama.

Penyata Kewangan 2017 MAIN berkaitan tidak menunjukkan sebarang pendedahan mengenai lain-lain kepentingan seperti pengaturan bersama, entiti berstruktur yang tidak disatukan, pemilikan tidak dapat dikira dan perolehan kepentingan dikawal. Tujuan dilakukan demikian ialah untuk dilupuskan sepertimana yang dilaporkan di jadual berikut (Jadual 5.11).

Jadual 5.11: Pendedahan mengenai Sifat dan Risiko Kepentingan

Aspek Amalan MPSAS 38	ZON 3			
Penyata Kewangan 2017	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
Pendedahan mengenai sifat dan risiko kepentingan:				
<input type="checkbox"/> Entiti dikawal	√	√	X	√
<input type="checkbox"/> Entiti dikawal tidak disatukan (entiti pelaburan)	X	X	X	X
<input type="checkbox"/> Pengaturan bersama dan syarikat bersekutu	X	X	√	√
<input type="checkbox"/> Entiti berstruktur tidak disatukan	X	X	X	X
<input type="checkbox"/> Pemilikan tidak dapat dikira	X	X	X	X
<input type="checkbox"/> Perolehan kepentingan dikawal bertujuan untuk dilupuskan	X	X	X	X

Nota:

√ - Dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

X - Tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan

5.2 RUMUSAN

Kajian Fasa 4 menegaskan pendedahan maklumat di dalam Penyata Kewangan, termasuk peristiwa selepas tarikh penyata kewangan, maklumat mengenai dengan pihak berkaitan, belanjawan dan pegangan atau kepentingan MAIN di dalam entiti yang dikawal, syarikat bersekutu serta pengaturan bersama. Kajian melakukan semakan ke atas maklumat perakaunan dan pelaporan yang diamalkan oleh MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP dengan meneliti Penyata Kewangan 2017 dan mengadakan perbincangan kumpulan fokus dengan pegawai-pegawai yang berkaitan.

Bagi peristiwa selepas tarikh penyata kewangan tidak terdapat sebarang peristiwa selepas tarikh penyata kewangan dikenal pasti berlaku di MAIWP, MAIK dan MAIDAM. Mengenai maklumat berkaitan pihak berkaitan, ada MAIN didapati membuat pendedahan di dalam penyata kewangan masing-masing (dalam Nota akaun). Walaubagaimanapun, tiada MAIN yang membuat pendedahan sepenuhnya berkaitan dengan maklumat kewangan sebagaimana yang ditetapkan oleh MPSAS 20 dan maklumat berkaitan dengan bajet.

Bagi pegangan atau kepentingan di dalam entiti lain atau pengaturan bersama pula, maklumat yang didedahkan adalah berbeza selaras dengan jenis kepentingan MAIN di dalam entiti berkenaan. MAIWP dan MUIP mempunyai entiti yang dikawal dan didapati telah membuat penyatuan akaun diantara akaun utama MAIN berkenaan dengan entiti yang dikawal. Di samping entiti yang dikawal, MUIP juga mempunyai pegangan di dalam syarikat bersekutu yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti dan telah menyediakan akaun berasingan untuk entiti ini. Keempat-empat MAIN tidak mendedahkan pengaturan bersama walaupun perbincangan kumpulan fokus menunjukkan yang MAIK telah mengambil bahagian dalam satu pengaturan bersama-sama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk tujuan pembangunan asnaf.

BAB 6: KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL PELAPORAN KEWANGAN

6.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan keperluan Syariah dalam pembangunan piawaian perakaunan Islam yang berdasarkan setiap MPSAS dalam Fasa 4 (MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37, dan 38). Bab ini juga mengupas konsep Maqasid Syariah serta membincangkan peranan MAIN serta pentadbiran Wakaf menurut AAOIFI (*Accounting and Auditing Organization of Islamic Financial Institutions*). Akhirnya, bab ini mengemukakan cadangan pengukuhan kerangka kerja konseptual yang selari dengan fokus kajian Fasa 4.

6.1 KEPERLUAN SYARIAH DALAM PERAKAUNAN DAN PELAPORAN BZW

Perbincangan keperluan Syariah dalam seksyen ini akan hanya memberi penumpuan kepada kajian MPSAS Fasa 4 iaitu MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37 dan 38. Secara umumnya MPSAS tersebut adalah berkaitan dengan pendedahan maklumat (ketelusan), termasuk maklumat yang memerlukan pelarasan atau sebaliknya, maklumat belanjawan dan maklumat pelaburan atau pegangan kepentingan dalam entiti lain serta penyertaan dalam pengoperasian bersama.

6.1.1 Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan (MPSAS 14)

MAIN sebagai pentadbir dan pemegang amanah harta-harta BZW seharusnya merekodkan segala transaksi yang berlaku melibatkan harta-harta tersebut dalam tempoh berlakunya transaksi. Akan tetapi, di atas sebab-sebab tertentu, sesetengah perkara hanya dapat diselesaikan selepas tarikh pelaporan. Demi menjaga amanah dan ketelusan, usaha merekod dan menyampaikan segala maklumat berkaitan hendaklah disempurnakan mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Ahzab Ayat 72, yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan

persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya (ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Ayat ini menjelaskan bahawa tanggungjawab amanah itu amat berat sehinggakan langit, bumi dan gunung-ganang yang besar tidak sanggup memikulnya. Akan tetapi manusia bersedia untuk memikul amanah yang amat berat ini, walaupun manusia lemah dan kekurangan serba-serbi, iaitu cenderung melakukan kezaliman dan terlibat dalam perkara sia-sia yang tidak sepatutnya dilakukan. Dalam hal ini, MAIN selaku pentadbir baitulmal dan zakat serta pemegang amanah wakaf telah bersetuju untuk memikul tanggungjawab ini dan seharusnya menjalankan tugas dengan amanah dan telus. Maka beruntunglah bagi sesiapa yang telah melaksanakan amanah kerana telah melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya dengan sebaik-baiknya, selari dengan sifat amanah yang merupakan sifat para Nabi dan Rasul. Firman Allah SWT di dalam al-Quran Surah Asy-Syu'araa (ayat 107-108) yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku ini (Nabi Muhammad SAW) ialah Rasul yang amanah (yang diutus oleh Allah) kepada kamu. Oleh itu, takutlah kamu akan (kemurkaan) Allah dan taatlah kepadaku”.

Seterusnya MAIN seharusnya bijak (*fathanah*) dalam menentukan perkara-perkara yang dirasakan perlu atau tidak perlu dilaporkan dan segala keputusan yang dibuat seharusnya mencapai matlamat Maqasid Syariah. Tumpuan utama MAIN ialah mencapai matlamat tersebut iaitu mengurus harta yang telah diamanahkan. Menurut Maqasid Syariah, keperluan kemaslahatan manusia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Imam as-Syatibi menerangkan keperluan *daruriyyah* ialah keperluan asas bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat. Sekiranya peristiwa selepas tarikh pelaporan kewangan adalah peristiwa yang boleh menggugat keperluan asas dan kesejahteraan masyarakat, ianya harus dilaporkan dan dibuat pelarasan yang sewajarnya. Sekiranya ianya tidak menjejaskan keperluan asas masyarakat, ia bolehlah dipertimbangkan untuk pendedahan di dalam nota sahaja.

6.1.2 Pendedahan Pihak Berkaitan (MPSAS 20)

MPSAS 20 mencadangkan pendedahan maklumat serta transaksi di dalam laporan kewangan tahunan MAIN yang melibatkan pihak-pihak yang berkaitan sama ada entiti di dalam atau di luar kawalan seperti anak syarikat dan pihak pengurusan tertinggi. Ini boleh dikaitkan dengan

konsep kebertanggungjawaban pihak-pihak yang terlibat dengan urusan BZW di mana ia harus didedahkan untuk menghindarkan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan kewangan, atau apa sahaja yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada harta BZW. Ini selari dengan konsep “*Dar al-Mafasid*” iaitu menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat. Firman Allah SWT bermaksud:

“*Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu mema'murkannya.*” (Surah al-Hud: 61).

Oleh itu, maklumat pihak-pihak yang berkaitan yang bertanggungjawab menjalankan segala urusan harta BZW harus didedahkan. Perkara ini boleh dikategorikan sebagai *hajiyyah* iaitu keperluan yang penting bagi masyarakat untuk menjamin kelapangan hidup, sekali gus menghilangkan kesempitan yang biasanya membawa kesusahan dan kesukaran. Apabila maqasid ini tidak diambil kira, maka banyak kesukaran akan dihadapi oleh manusia walaupun tidak ke tahap kehancuran sistem kehidupan manusia seperti keperluan daruri. Imam as-Syatibi menyebut beberapa contoh maqasid *hajiyyah* yang terdapat dalam ibadat, muamalat dan jenayah. Antara contoh-contoh tersebut ialah *rukhsah* (keringanan) bagi orang yang sakit dan pengembara (*musafir*) dalam ibadat, jual beli saham, memberi modal dan mengairi tanaman dalam muamalat, manakala dalam jenayah pula ialah sumpah, *diat* (denda) ke atas orang yang baligh dan jaminan ke atas harta. Dalam konteks MAIN, pendedahan maklumat pihak berkaitan akan menjamin kemaslahatan pengurusan BZW.

6.1.3 Persembahan Maklumat Belanjawan (MPSAS 24)

Belanjawan atau bajet merangkumi anggaran pendapatan dan perbelanjaan pada masa hadapan. Ia adalah penting untuk merangka plan strategik sesebuah organisasi. Dalam konteks Islam, anggaran memiliki unsur ketidakpastian (*gharar*) yang tidak diharuskan sekiranya ia membawa kesan buruk kepada masyarakat. Menurut bahasa, perkataan *gharar* mengandungi beberapa makna: (i) “*al-khatar*” yang bermaksud bahaya, pertaruhan, gantian atau habuan, (ii) “*al-khida*” yang bermaksud menipu atau memperdaya, dan (iii) “*al-jahl*” iaitu tidak mengetahui. Dalam *Tartib al-Qamus al-Muhit* dan *Lisan al-'Arabi*, *gharar* bermaksud memperdaya dan memakan harta dengan cara yang salah. Ketidakpastian telah disebut dalam al-Quran Surah an-Nisa (ayat 29) yang bermaksud:

“*Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta orang lain dengan cara yang dilarang, sebaliknya berdaganglah sesama kamu dengan saling redha meredhai...*”

Dalam Surah al-Mutaffifin (ayat 1-3) *gharar* dijelaskan seperti maksud berikut:

“Celakalah bagi mereka yang terlibat dengan penipuan, mereka yang ingin ketepatan semasa orang lain menimbang bagi mereka, tetapi mengurangkan timbangan apabila mereka menimbang untuk orang lain”.

Islam menegah segala unsur ketidakpastian yang akan membawa keburukan. Namun, dalam konteks persembahan maklumat belanjawan MAIN yang berkaitan dana dan harta BZW, anggaran belanjawan perlu dibuat, namun tidak perlu didedahkan kepada masyarakat umum kerana dibimbangi mengundang pelbagai tanggapan negatif atau kesangsian pihak masyarakat terhadap pengurusan dana dan harta BZW oleh MAIN. Pendedahan maklumat belanjawan hanya menepati keperluan *tahsiniyyah* iaitu ia boleh memperlengkapkan lagi laporan kewangan yang komprehensif. Namun, ketiadaan maklumat belanjawan tidak akan memberi kesan negatif kepada keseluruhan pengurusan dan perakaunan harta BZW.

6.1.4 Penyata Kewangan Berasingan (MPSAS 34)

Penyata kewangan berasingan perlu diwujudkan bagi setiap kumpulan wang kerana objektif serta pengurusan setiap kumpulan wang adalah berbeza. Ini selari dengan kaedah fiqh ‘*الأمور بمقاصدها*’ (Bermaksud: Sesuatu perkara itu ditentukan oleh niat atau objektif ia dilaksanakan). Penyediaan penyata kewangan berasingan bagi setiap kumpulan wang untuk memenuhi keperluan *dharuriyyah* iaitu sangat penting. Dalam erti kata lain, segala transaksi yang berlaku yang melibatkan harta-harta BZW harus direkod dan didedahkan secara berasingan mengikut kumpulan wang masing-masing. Sekiranya ia dicampuradukkan, ia akan menjejaskan kemaslahatan umum kerana setiap kumpulan wang mempunyai objektifnya tersendiri seperti KW zakat di mana hanya golongan tertentu sahaja yang boleh menerima manfaat daripada zakat. Begitu juga bagi KW wakaf, di mana golongan yang menerima manfaatnya terdiri dari masyarakat umum atau golongan yang sudah ditetapkan oleh pewakaf.

MAIN hendaklah memastikan setiap KW ditadbir dengan betul mengikut objektif dan fungsinya serta segala transaksi direkodkan secara berasingan mengikut KW. Firman Allah dalam Surah al-An’am (ayat 65) bermaksud:

“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat untuk mengujimu tentang apa yang diberikanNya kepadamu”.

6.1.5 Penyata Kewangan Disatukan (MPSAS 35)

Penyatuan penyata kewangan bagi MAIN dan semua kumpulan wang yang ditadbir khususnya KW BZW adalah amat berbeza dengan entiti biasa yang lain di mana penyatuan harus dibuat mengikut kumpulan wang. Sebagai contoh, bagi anak syarikat yang ditubuhkan dengan menggunakan kumpulan wang tertentu, penyata kewangan anak syarikat tersebut perlu digabungkan dengan kumpulan wang berkaitan dalam menyediakan penyata kewangan yang berasingan bagi MAIN. Amalan ini selari dengan konsep perakaunan dana (*fund accounting*) di mana setiap kumpulan wang adalah entiti yang berasingan dan juga bagi menjaga kepentingan (masalah) setiap kumpulan wang tersebut. Ia juga memudahkan pemegang taruh untuk menilai kedudukan kewangan kumpulan wang tersebut dan seterusnya yakin terhadap segala pengurusan harta BZW yang diamanahkan kepada MAIN. Kaedah fiqh yang boleh menjelaskan perkara ini ialah *اليقين لا يزول بالشك* (Bermaksud: Keyakinan tidak dapat digugurkan dengan keraguan). Segala maklumat hendaklah dijelaskan transaksinya berkaitan setiap kumpulan wang BZW. Firman Allah SWT bermaksud:

"Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya apa yang dilakukannya." (Surah al-Israa', Ayat 36).

Kesimpulannya, penyata kewangan disatukan memenuhi tahap *dharuriyah* iaitu ia sangat penting bagi menjaga kemaslahatan masyarakat.

6.1.6 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama (MPSAS 36)

Terdapat beberapa MAIN telah melaburkan sebahagian harta BZW dengan membentuk syarikat bersekutu atau melalui usahasama. Dalam aspek ini, Islam menggalakkan usaha yang proaktif dalam mengembangkan dana supaya keuntungan yang diperolehi dapat membantu masyarakat terutama golongan yang memerlukan. Sebagai institusi Islam, pelaburan MAIN seharusnya mematuhi Syariah di mana tiada unsur-unsur riba, gharar, atau maisir. Dalam Surah Al-Imran ayat 130 bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan. Peliharalah dirimu dari api neraka, yang disediakan untuk orang-orang yang kafir."

Perkara ini dirumuskan oleh Keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berkaitan pelaburan.

- i. MPS telah memutuskan bahawa bagi sekuriti patuh Syariah yang kemudiannya bertukar status kepada sekuriti tidak patuh Syariah pada masa senarai Sekuriti Patuh Syariah dikemaskinikan dan dikuatkuasakan, tempoh untuk melupuskan sekuriti tersebut adalah seperti berikut:
 - a. Sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan, para pelabur yang memegang sekuriti tidak patuh Syariah tersebut mesti melupuskannya. Sebarang dividen yang diterima sehingga tarikh pengumuman dibuat serta keuntungan modal hasil daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah tersebut pada tarikh pengumuman dibuat, boleh disimpan oleh para pelabur. Walau bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal yang diterima hasil daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas hari pengumuman, hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan-badan kebajikan; dan
 - b. Sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut berada di bawah kos pelaburan, para pelabur dibenarkan untuk terus memegang sekuriti tersebut sehingga pelabur mendapat kembali kos pelaburan mereka. Para pelabur juga dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima sepanjang tempoh pegangan sekuriti berkenaan sehingga jumlah dividen yang diterima dan harga pasaran sekuriti tidak patuh Syariah bersamaan dengan kos pelaburan. Pada ketika ini, para pelabur dinasihatkan untuk melupuskan pegangan mereka.
- ii. MPS telah memutuskan bahawa bagi para pelabur yang melabur berdasarkan prinsip Syariah tetapi tersilap melabur dalam sekuriti tidak patuh Syariah, maka langkah-langkah berikut perlu diambil:
 - a. Melupuskan sekuriti tidak patuh Syariah yang dipegang dalam tempoh tidak melebihi satu bulan selepas mengetahui status sekuriti tersebut; dan
 - b. Sekiranya terdapat sebarang keuntungan dalam bentuk keuntungan modal atau dividen yang diterima sebelum atau selepas pelupusan sekuriti tersebut, ia hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan-badan kebajikan. Para pelabur hanya berhak untuk mengambil kos pelaburan sahaja.

MAIN juga boleh merujuk kepada tanda aras penentuan status Syariah sekuriti tersenarai oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang dibuat melalui dua pendekatan; kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif adalah melalui tanda aras aktiviti perniagaan dan tanda nisbah kewangan. Manakala tanda aras kualitatif ialah merujuk kepada persepsi masyarakat umum atau imej syarikat.

6.1.7 Pengaturan Bersama (MPSAS 37)

Sekiranya MAIN terlibat dengan apa-apa bentuk pengaturan atau usahasama dengan pihak ketiga, segala maklumat berkaitan pengaturan bersama atau usahasama perlulah dikemukakan dalam penyata kewangan atau nota menurut masalah. Islam telah menentukan garis panduan untuk melakukan apa sahaja transaksi di mana objektif utama transaksi atau kontrak perlulah jelas, difahami, serta dipersetujui oleh pihak-pihak terlibat. Selain daripada itu, rukun kontrak Islam adalah Ijab dan Qabul, pihak yang berkontrak, objek/perkara yang diinginkan (*subject matter*), serta harga yang jelas. Islam juga telah menggariskan beberapa jenis kontrak yang boleh dilaksanakan seperti kontrak sewa (*Ijarah*), perkongsian (*Mudharabah* dan *Musyarakah*), jual beli (*Bay Murabahah*, *Bay' Musawamah*, dan *Bay' Bithaman Ajil*), kontrak amanah (*Wadiah yad Amanah* dan *Wadiah yad Dhamanah*), kontrak perkhidmatan (*Wakala*), dan pelbagai jenis kontrak lain. Oleh yang demikian, sekiranya MAIN terlibat dengan sebarang usahasama atau pengaturan bersama dengan pihak lain, ia perlulah mengikut kontrak-kontrak Islam yang menepati Syariah supaya tidak wujud sebarang masalah atau penipuan pada masa hadapan yang akan memberi kesan kepada harta BZW. Kaedah Fiqh yang boleh menjelaskan perkara ini ialah; *الأمر بمقاصدها* (Bermaksud: Sesuatu perkara itu ditentukan oleh objektifnya) dan *الأصل في العقود رضا المتعاقدين, وموجبها ما أوجبه على أنفسهما بالتعاقد* (Bermaksud: Secara umumnya, sesuatu kontrak adalah sah sekiranya terdapat persefahaman antara dua (2) pihak termasuk syarat- syarat yang dipersetujui).

6.1.8 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain (MPSAS 38)

Pendedahan kepentingan dalam entiti lain perlu dibuat untuk memenuhi konsep ketelusan (*transparency*). MAIN sebagai institusi yang diamanahkan mengurus harta BZW perlu telus dalam menggunakan harta-harta tersebut sama ada untuk tujuan pelaburan sosial atau pun tujuan yang lain. Yang penting ialah tujuan tersebut haruslah mematuhi Syariah. Pendedahan ini dianggap keperluan hajiyyah dalam mencapai objektif Syariah di mana pendedahan berkaitan kepentingan dalam entiti lain akan lebih bermakna bagi pemegang taruh demi meningkatkan tahap kepercayaan mereka terhadap MAIN. Kaedah Fiqh yang berkaitan ialah *الحكم على الشيء فرع عن تصوره* (Bermaksud: Penilaian adalah berdasarkan pengetahuan dan pemahaman). Pendedahan kepentingan atau usahasama kebajikan dalam penyata kewangan secara jelas (matlamat, kontrak) diharap dapat mengelakkan persepsi negatif masyarakat atau

pemegang taruh terhadap MAIN.

Tujuan utama institusi waqf adalah untuk memberi manfaat yang bersifat kebajikan (*tābi` khayrī*) kepada manusia, sesuai dengan kehendak pewakaf (*al-wāqif*), iaitu mendapatkan pahala dari Allah SWT. Untuk mencapai objektif kebajikan tersebut, institusi wakaf perlu melakukan aktiviti-aktiviti pelaburan bagi mendapatkan keuntungan yang boleh menampung aktiviti dan penyaluran dana kepada penerima wakaf. Oleh itu, di antara tujuan perakaunan dalam wakaf adalah mengukur (menentukan) sumber-sumber dan pendapatan-pendapatan wakaf yang akan diberikan kepada orang-orang yang berhak mendapatkan wakaf (*mustahiqq al-wakaf*) yang kemudiannya menggunakan manfaat tersebut. Oleh itu, objektif dan tema bagi proses pengukuran untuk institusi berasaskan keuntungan dan wakaf adalah berbeza seperti berikut:

i. Tenaga pengurusan

Institusi berasaskan keuntungan melantik wakil seperti ahli Lembaga Pengarah yang kemudiannya melantik pegawai-pegawai berkelayakan dalam menguruskan institusi mereka. Pegawai pengurusan ini pula akan dinilai prestasi mereka menurut tujuan-tujuan yang telah ditetapkan, di mana kebiasaannya menjadikan keuntungan sebagai motivasi utama mereka. Bagaimanapun bagi wakaf, ia ditadbir oleh *nāzir* atau *waliyy al-amr* yang bekerja dengan upah terhad, tanpa mengira apa pun manfaat yang akan diberikan kepada para *mustahiq*, benefisiari. Upah yang diterima dan manfaat disalurkan disesuaikan secara relatifnya dengan pendapatan dari sumber harta wakaf. Dalam keadaan tertentu, *nāzir* juga bertanggungjawab untuk merangsang para pekerja wakaf sesuai dengan peranannya sebagai pengurus.

ii. Penilaian prestasi

Organisasi berasaskan untung membuat perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan, untuk menentukan kadar keuntungan menurut asas akruan (*asās al-istiḥqāq*). Sementara itu, tujuan dilakukan perbandingan bagi wakaf adalah untuk mengetahui lebihan setelah ditolak perbelanjaan. Perbandingan juga memberi indikasi tentang keupayaan *waliyy al-amr*, *nāzir* atau pewakaf (jika mereka masih hidup) untuk

mentadbir wakaf agar wakaf mencapai tujuannya. Pendapatan wakaf dinilai menggunakan asas akruan. Perkara ini akan dijelaskan kemudian.

iii. Pengguna maklumat

Pengguna maklumat perakaunan bagi organisasi berasaskan untung berbeza dengan institusi wakaf. Oleh kerana perbezaan objektif antara kedua-duanya, maka institusi wakaf yang memiliki ciri-ciri tertentu perlu disepadankan cara pelaporan dan pendedahan maklumat-maklumat berkenaan.

Berdasarkan pernyataan di atas, institusi wakaf berkongsi ciri-ciri institusi bukan bermotifkan keuntungan. Dengan membincangkan ciri-ciri institusi bukan bermotifkan keuntungan terlebih dahulu, barulah mudah membincangkan isu-isu perakaunan yang dihadapi oleh institusi wakaf dan cara mengatasinya. Institusi bukan bermotifkan keuntungan memiliki ciri-ciri berikut:

- i. Aktiviti institusi tidak bertujuan mendapatkan untung dan lazimnya tidak cuba menjana pendapatan. Namun, bagi menjaga kelangsungan wakaf, sumber-sumber wakaf perlu dijaga, di samping membuat penambahbaikan. Tujuan institusi ini ialah memberikan perkhidmatan dan manfaat kepada masyarakat;
- ii. Ia tidak memiliki modal dan hak-hak kewangan (*ḥuqūq māliyyah*) dalam bentuk saham, dividen, instrumen boleh niaga di pasaran saham dan lain-lain;
- iii. Aset-aset yang dimilikinya tidak boleh diperdagangkan kerana aset tersebut hanya digunakan untuk memberikan perkhidmatan dan manfaat;
- iv. Ia bergantung kepada subsidi, sumbangan, hibah, sokongan, dan bantuan dari individu, kumpulan, atau kerajaan; dan
- v. Kebiasaannya, ia dikecualikan dari cukai pendapatan.

Institusi wakaf berkongsi ciri-ciri yang disebutkan di atas. Walau bagaimanapun, wakaf juga menjalankan aktiviti yang menjana keuntungan kerana sifatnya yang hanya dibenarkan mengagihkan manfaat (dalam bentuk hasil atau keuntungan) kepada penerima manfaat (benefisiari). Keuntungan yang diraih bertujuan untuk diberikan kepada benefisiari tertentu. Ini kerana objektif institusi wakaf adalah memberikan khidmat kebajikan dan mendukung tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan orang awam. Dari sudut ini, institusi wakaf mengguna pakai amalan sama seperti institusi bermotifkan keuntungan, seperti pelaburan wang dan sewa hartanah. Penglibatan wakaf dalam aktiviti-aktiviti tersebut tidak mengetepikan objektif asal wakaf sebagai institusi bukan berasaskan untung. Oleh yang demikian, asas-asas

perakaunan konvensional boleh diguna pakai oleh wakaf dalam aktiviti menjana keuntungan. Di samping itu, wakaf mengguna asas-asas perakaunan institusi bukan bermotifkan keuntungan dalam aktiviti-aktiviti sosial (kebajikannya).

Khalid Budi (1996) bersetuju bahawa wakaf ialah institusi bukan bermotifkan keuntungan. Sifat wakaf memungkinkan keperluan perakaunan yang berbeza bagi dua aktiviti wakaf yang berbeza: tujuan komersial (keuntungan) dan tujuan sosial (bukan keuntungan).³ Ini menuntut pemisahan antara belanjawan harta yang digunakan untuk tujuan komersial dan harta yang digunakan untuk aktiviti serta projek-projek sosial. Oleh kerana itu aktiviti komersial yang melaburkan harta wakaf harus menyiapkan anggaran belanjawan, menjelaskan keuntungan dan kerugian, serta memantau peruntukan susut nilai sesuai dengan kaedah-kaedah perakaunan konvensional di samping tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah. Hasil dari keuntungan bersih operasi komersial, hendaklah dipindahkan untuk kegunaan dan pelaksanaan aktiviti dan perkhidmatan sosial. Namun begitu, ini tidak bermakna institusi wakaf mewujudkan entiti berasingan bagi kedua-dua aktiviti tersebut. Kedua-dua jenis aktiviti masih perlu dilaporkan secara bersama agar maklumat harta institusi wakaf secara menyeluruh pada setiap hujung tahun dapat diketahui.

6.2 PENTADBIRAN DANA BAITULMAL, ZAKAT, DAN WAKAF DI MAIN

6.2.1 Maqasid Syariah

Imam as-Syatibi, guru pertama ilmu Maqasid Syariah melalui Kitab agungnya *al-Muwafaqat fi Usul as-Syariah* telah mencetuskan ilmu Maqasid Syariah dalam satu kitab, serta menyusunnya dalam satu bentuk yang sistematik beserta perbincangan dan perbahasan yang komprehensif dan panjang lebar. Sebenarnya sebelum Imam as-Syatibi, beberapa orang ulama telah pun membicarakan Maqasid Syariah, antaranya ialah Imam al-Haramain al-Juwaini. Dalam bukunya *Ghiyats al-Umam fi al-Tayyats al-Zhulam* (غياث الأمم في تباث الظلم) (*Grieving Nations in Injustice*), beliau telah menyatakan keprihatinannya terhadap isu kemerosotan peradaban masyarakat Islam, khususnya dari sudut keserjanaan, aspek intelektualisme dan politik Islam. Menurut beliau, satu-satunya cara untuk keluar dari permasalahan ini adalah dengan cara membangunkan Maqasid Syariah yang universal dan mengangkatnya dari status

³ Khālid Būdī, *Nadwah al-Ahkām al-Fiqhiyyah wa al-Usus al-Muḥāsabiyyah li al-Wakaf* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1996).

zhanniy –sebagai salah satu aspek perbahasan usul fiqh- kepada status *qath'iy* sebagai prinsip dan tujuan tertinggi agama Islam itu sendiri.

Selain itu, beliau telah menekankan beberapa kali kepentingan Maqasid Syariah dalam memahami nas-nas *syara'*, antaranya beliau menyebut:

“Dan barangsiapa yang tidak memahami kewujudan maqasid dalam perintah-perintah dan larangan-larangan syara', maka dia tidak memiliki pandangan yang jelas dan benar tentang syariah.” (Al-Burhan fi Usul al-Fiqh, 1/101)

Ilmu Maqasid Syariah telah dikembangkan oleh para ulama selepasnya. Ini diikuti pula oleh anak muridnya Hujjatul Islam al-Imam al-Ghazzaliy yang mula-mula sekali menggunakan istilah *ad-Dharuriyyat al-Khamsah*:

ومقصود الشرع من الخلق خمسة : وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم ومالهم

“Dan tujuan Syariat itu ada lima, iaitu: Untuk memelihara agama, nyawa, 'aql, keturunan dan harta mereka.” (Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul, 1/174)

6.2.1.1 Definisi Maqasid Syariah

Dari sudut bahasa, maqasid adalah kata majmuk kepada “*maqsad*” dan “*maqsid*” (المقصد) yang berasal dari perkataan “*qasada*” (قصد) dalam bahasa Arab. Ianya bermaksud menuju ke suatu arah. Manakala syariat membawa maksud tempat terbit air yang menjadi sumber minuman, jalan, apa yang disyariatkan Allah dari aspek akidah dan hukum, agama dan pandangan mazhab yang jelas dan lurus. Dari sudut istilah *Syara'*, para ulama telah mengemukakan definisi yang pelbagai. 'Allamah Muhammad Thahir ibn 'Asyur telah mendefinisikan Maqasid Syariah sebagai:

“Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak yang tertentu.” (Maqasid as-Syariah al-Islamiyyah, hal. 55)

Syeikh 'Allal al-Fasi pula mentakrifkan Maqasid Syariah sebagai “*Tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsiannya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam.*” (Maqasid as-Syariah wa Makarimuha, hal. 7). Ahmad ar-Raysouni pula berpandangan Maqasid Syariah merupakan “*Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh Syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia*” (Nazhariyyatul Maqasid 'indal Imam as-Syathibi, hal. 7).

Kesimpulannya, berdasarkan ketiga-tiga takrif di atas, Maqasid Syariah ialah tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syariat Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia di sebaliknya dengan tujuan merealisasikan kemaslahatan manusia (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan).

6.2.1.2 Lima Kategori Masalah (Al-Dharuriyyat al-Khams)

Pemeliharaan terhadap masalah manusia terangkum di bawah lima kategori utama yang mesti dipelihara. Imam as-Syatibi berkata:

"فَأَمَّا الضَّرُورِيَّةُ، فَمَعْنَاهَا: أَنَّهَا لَا بُدَّ مِنْهَا فِي قِيَامِ مَصَالِحِ الدِّينِ وَالدُّنْيَا، بِحَيْثُ إِذَا فُتِدَتْ لَمْ تَجْرَ مَصَالِحُ الدُّنْيَا عَلَى اسْتِقَامَةٍ بَلْ عَلَى فِسَادٍ وَتَهَارُجٍ وَفُوتِ حَيَاةٍ، وَفِي الْأُخْرَى فُوتِ النَّجَاةِ وَالنَّعِيمِ، وَالرُّجُوعِ بِالْخُسْرَانِ الْمُبِينِ"

Maksudnya adalah seperti berikut:

"Adapun dharuriyyah, maksudnya ialah sesuatu yang mesti ada dalam membina maslahat agama dan dunia. Tanpa kewujudan kepentingan-kepentingan asas ini, maka urusan kehidupan dunia tidak akan berjalan dengan betul. Tetapi ia akan rosak, kacau bilau serta kehidupan akan musnah. Manakala pada kehidupan akhirat, hilangnya kesejahteraan dan kenikmatan dan kembali dengan kerugian yang nyata." (Al-Muwafaqat, 2/17)

Imam al-Mahalli pula berkata:

وَهُوَ مَا تَصِلُ الْحَاجَةُ إِلَيْهِ حَدَّ الضَّرُورَةِ

Maksudnya adalah seperti berikut:

"(al-Dharuriy) ialah sesuatu yang sangat diperlukan sehingga sampai ke tahap terdesak, terpaksa dan tidak dapat dielakkan." (Syarah Jam' al-Jawami', 2/132)

Menurut Ibn 'Ashur, maqasid peringkat *dharuriyyah* adalah masalah yang sangat penting untuk didapatkan bagi umat secara keseluruhan dan individu, di mana peraturan akan cacat tanpanya. Apabila ia tidak dilaksanakan, maka keadaan umat akan rosak dan kacau bilau (*Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah* oleh Ibn 'Ashur, hal. 219). Wahbah al-Zuhaily pula menyebutnya sebagai:

"Maslahah yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia sama ada keagamaan atau keduniaan. Apabila ia hilang, maka kehidupan dunia akan cacat, kerosakan akan menyebarkan luas dan kebahagiaan abadi (di akhirat) akan hilang. Sebagai gantinya iaitu hukuman di akhirat." (Lihat Usul al-Fiqh al-Islami oleh al-Zuhaily, hal. 1020) (<https://www.muftiwp.gov.my>).

6.2.2 Fungsi MAIN sebagai Pentadbir dan Pemegang Amanah BZW

Menurut The Mejlle (2007, ms 115), amanah ialah ‘satu perkara yang diletakkan kepada seseorang yang dianggap bertanggungjawab terhadapnya’. Ianya boleh terjadi dalam pelbagai situasi seperti amanah yang ditetapkan di dalam kontrak yang memerlukan penyimpanan harta (dinamakan penyimpanan selamat--*wadiah*), amanah dalam kontrak yang memerlukan pampasan bagi kerugian (seperti sesuatu yang diambil sewa), atau sesuatu yang diterima sebagai pinjaman untuk digunakan (sama ada ia dipindahkan sebagai amanah ke tangan seseorang melalui perjanjian tertentu atau tidak).

MAIN adalah badan yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan harta BZW. Secara umumnya di Malaysia, semua akta/enakmen negeri telah memperuntukkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf. Selain daripada itu, MAIN juga menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua nazar am dan semua amanah khairat yang diwujudkan di negeri berkenaan yang bertujuan untuk kemajuan Islam dan umatnya. Rajah 6.1. di bawah memberi gambaran jelas tentang peranan MAIN sebagai pentadbir dan pemegang amanah BZW.

Manusia adalah ciptaan dan milik Allah SWT dan hak yang ditentukan oleh Allah SWT kepada manusia hanyalah hak *khilafah* dan hanya merupakan wakil yang segala tindak-tanduknya tidak boleh terkeluar dari garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Allah SWT mengurniakan limpah rahmatNya kepada umat manusia untuk memakmurkan bumi ini dan memberikan segala kemudahan dan sumber-sumber untuk manusia meneroka dan juga sebagai ujian dariNya. Apabila segala sumber yang dikurnia oleh Allah SWT digunakan dengan sebaik-baiknya dan berhikmah, nescaya alam ini dapat ditadbir dengan jayanya serta memberikan kesenangan hidup kepada segala makhluk yang ada. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya.” (Surah al-Hud: 61).

Antara nas-nas yang berkaitan adalah seperti berikut:

- i. Surah al-Jathiyah (ayat 13)

“Dan ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya”.

ii. Surah al-Mulk (ayat 15)

“Dialah (Allah) yang menjadikan bumi itu kemudahan bagi kamu, maka berjalanlah (berusaha) disegenap penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezekinya dan kepadaNya (kembali setelah) dibangkitkan”

iii. Surah al-Baqarah (ayat 30)

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".


Para fuqaha Islam telah bersepakat bahawa terdapat empat aspek utama yang perlu dilihat dalam usaha menjaga kepentingan manusia dan masyarakat (Laldin et al., 2009) iaitu:

- i. Jalb al-Masalih: mencapai kepentingan di dalam kehidupan,
- ii. Dar al-Mafasid: menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat,
- iii. Sadd al-Dharar: menyekat kepentingan buruk, dan
- iv. Taghayyur al-Zaman: mementingkan faktor peredaran zaman.

Wahbah Zuhaily juga telah mengesyorkan beberapa garis panduan antaranya:

- i. Pengurusan yang menepati maqsad wakaf.
- ii. Sentiasa berhati-hati dan bersikap amanah.
- iii. Sentiasa mendapatkan nasihat dan panduan daripada pakar yang berkenaan.
- iv. Memastikan harta wakaf dilaburkan di dalam pelaburan yang patuh Syariah, dan
- v. Memastikan hasil wakaf disalurkan kepada yang memerlukan berdasarkan keperluan dan prioriti seperti yang digariskan oleh Syarak dan berdasarkan prinsip Maqasid Syariah.

Rajah 6.1: Fungsi dan peranan MAIN terhadap harta BZW



6.2.3 Pentadbiran Wakaf Menurut AAOIFI

Pada akhir tahun 2019, AAOIFI, telah memuktamadkan satu deraf pendedahan piawaian perakaunan kewangan bagi institusi wakaf (*Financial Accounting Standard - Financial Reporting by Waqf institutions*). Deraf piawaian tersebut perlu dibincangkan di sini kerana ia dicadangkan sebagai salah satu rujukan dalam pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam BZW khususnya berkaitan dengan wakaf. Berikut adalah saranan AAOIFI dalam perakaunan wakaf:

- i. Pemilik utama harta wakaf adalah Allah SWT dan tiada keperluan untuk memaksimakan dan mengumpulkan keuntungan bagi harta wakaf untuk pemilik utama. Walau bagaimanapun, tujuan utama wakaf ialah untuk menyediakan keuntungan sama ada dari segi kewangan atau bukan kewangan untuk penerima manfaat atau orang awam yang berlainan dengan entiti perniagaan yang diwujudkan untuk menjual atau memberi perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan;
- ii. Harta wakaf mesti memastikan kemampuannya dengan memperoleh pendapatan atau keuntungan (*ghallah*) dari aset lebih besar daripada perbelanjaan supaya perkhidmatan dan sumbangan wakaf dapat diteruskan dan berkembang. Untuk menjalankan fungsi ini, wakaf juga menjadi institusi pelaburan atau entiti yang mencari keuntungan, yang

- mana prinsip perakaunan menjadi sesuatu kebiasaan dan harus digunakan. Konsep penyelenggaraan modal terpakai di sini adalah berbeza, dan lebih berkesan;
- iii. Sebahagian besar urusanniaga yang terlibat dalam wakaf adalah urusanniaga bukan pertukaran, di mana wakaf adalah satu-satunya pihak yang menerima nilai tanpa memberikan sebarang nilai secara langsung kepada penderma atau *Wakif* (pewakaf);
 - iv. Fungsi pengurusan komersial dan pelaburan wakaf melibatkan pertukaran urusanniaga dan oleh itu, tatacara perakaunan mereka hendaklah mengikut *Financial Accounting Standard* (FAS) AAOIFI yang berkaitan;
 - v. Lembaga Pengarah membuat kesimpulan bahawa untuk tujuan piawaian ini, wakaf adalah termasuk institusi Islam bukan berasaskan untung yang ditubuhkan khas untuk tujuan kebajikan dan mematuhi peraturan Syariah untuk tujuan kebajikan seperti badan amal, persatuan, koperasi amanah atau perbadanan swasta atau awam atau badan yang ditubuhkan oleh kerajaan;
 - vi. Perakaunan wakaf hendaklah dilaksanakan dengan mengguna pakai prinsip perakaunan dana berkaitan dengan kategori dana yang terkandung dalam institusi wakaf, terutamanya sekali jika niat *Wakif* atau penerima manfaat wakaf adalah berbeza. Perhatian sewajarnya juga perlu diberikan kepada perakaunan Zakat dan dana amal yang lain yang terlibat dengan wakaf, dan pelaporan kewangan hendaklah memastikan pendedahan yang wajar sejajar dengan prinsip yang berkaitan dengan pelaburan, penyimpanan dan pembayaran setiap kumpulan wang;
 - vii. Institusi wakaf, yang bersifat entiti pelaburan, tidak perlu menyediakan penyataan penyata kewangan jika mereka memiliki kepentingan utama entiti lain; dan
 - viii. Oleh kerana institusi wakaf ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti bagi kemaslahatan awam dan bukan untuk aktiviti komersial, keberkesanan dan kecekapan aktiviti ini tidak boleh diukur semata-mata melalui laporan kewangan. Oleh itu, laporan prestasi (iaitu penyataan manfaat perkhidmatan) yang terdiri daripada maklumat kewangan, bukan kewangan, maklumat kuantitatif dan kualitatif dalam bentuk naratif perlu disediakan sebagai tambahan kepada penyata kewangan. Pelaporan harus memberi maklumat berkaitan hasil dan keberkesanan aktiviti kepada penerima manfaat di Malaysia berhubung dengan objektif wakaf.

Penyelidik berpendapat kesemua perkara yang dibincangkan di atas kecuali (vii) adalah relevan dalam pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan untuk BZW. Bagi item (vii), penyelidik mencadangkan agar penyata kewangan disatukan dilakukan bagi setiap Kumpulan

Wang Utama (iaitu Zakat, Baitulmal dan Wakaf) sepertimana yang dibincangkan dalam Bab 3 (Sorotan Literatur).

6.3 CADANGAN KERANGKA KERJA KONSEPTUAL FASA 4

Berikut adalah cadangan kerangka konseptual berkaitan MPSAS yang dibincangkan dalam Fasa 4 (sila rujuk Rajah 6.2). Tahap teratas menekankan objektif utama bagi institusi Islam ialah untuk mencapai Tauhid (mengEsakan Allah); iaitu pihak yang mewakili sesebuah institusi itu (MAIN) seharusnya menjaga hubungan dengan Allah (pencipta alam) dan juga hubungan sesama manusia dan alam sekitar dalam menguruskan harta BZW. Konsep tauhid telah dijelaskan dalam Surah al-Kahfi (ayat 110) yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu, oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya”.

Seterusnya Surah Al-Imran (ayat 112) telah menerangkan pentingnya manusia menjaga hubungan dengan Allah (pencipta alam) dan sesama makhluk (manusia dan alam). Maksud ayat tersebut:

“Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah).

Manakala Surah Adz-Dzariyaat (ayat 56) mengingatkan manusia akan tujuan mereka diciptakan iaitu hanya untuk menyembah dan beribadat kepada Allah SWT seperti maksud berikut:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.

Kerangka kerja konseptual ini juga menekankan konsep kebertanggungjawaban (akauntabiliti) MAIN untuk memastikan Maqasid Syariah tercapai dengan mengambil kira tiga peringkat


masalah (*dharuriyyah*, *hajiyyah*, dan *tahsiniyyah*) terutamanya di dalam aspek penjagaan dan pemeliharaan aset MAIN. Surah Al-Baqarah (ayat 30) memberitahu konsep tanggungjawab manusia sebagai seorang pemimpin (*khalifah*) yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti berikut:

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak mencipta seorang khalifah di muka bumi”.

Manakala Surah Hud (ayat 61) telah menjelaskan lagi tugas-tugas manusia di muka bumi ini seperti maksud berikut:

“... Dia-lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya...”.

Rajah 6.2: Kerangka Kerja Konseptual Fasa 4




Tugas dan tanggungjawab manusia dalam memakmur dan juga membangunkan dunia selaras dengan Maqasid Syariaah adalah demi memelihara lima perkara asas dalam kehidupan manusia, iaitu menjaga agama, akal, jiwa, keturunan (*nasab*) dan harta. Melalui ayat 61 ini juga para ulama menerangkan maksud kalimah “*isti’mar*” yakni memakmurkan “perintah” supaya manusia melaksanakan segala tanggungjawab yang Allah berikan kepada manusia.

Tahap kedua kerangka kerja konseptual ialah menekankan peranan MAIN sebagai pemegang amanah harta BZW di mana ia harus menjalankan tanggungjawab sebagai pentadbir harta baitumal, ‘amil zakat dan mutawalli bagi harta Wakaf.

Peringkat ketiga kerangka kerja konseptual lebih menjurus kepada perakaunan Islam bagi MPSAS-MPSAS yang telah dipilih dalam Fasa 4 (sila rujuk Rajah 6.3). Secara keseluruhannya, piawaian ini menghendaki pendedahan maklumat dalam penyata kewangan. Penyelidik mencadangkan agar ciri-ciri kualitatif yang disarankan oleh MPSAS 1, *International Accounting Standards Board* (IASB) dan juga AAOIFI diadaptasi dalam peringkat ini. Objektif Pelaporan Kewangan “adalah untuk memberikan maklumat kewangan yang berguna mengenai entiti pelaporan kepada pelabur, pemberi pinjaman dan pemiutang lain yang sedia ada dan berpotensi untuk membuat keputusan berkaitan bagi menyediakan dana atau sumber kepada entiti” (IASB, 2018, Para 1.2) (sila rujuk Rajah 6.3). Walau bagaimanapun, bagi MAIN, maklumat itu bukan sahaja berguna kepada pembayar zakat dan pewakaf, tetapi ia juga berguna untuk pihak lain yang berkepentingan, seperti penerima dana, kerajaan negeri dan orang awam. Ini adalah selaras dengan “Objektif Perakaunan Kewangan” AAOIFI yang menyatakan bahawa “Laporan kewangan harus menyediakan maklumat yang berguna kepada pengguna untuk membolehkan mereka membuat keputusan dalam urusan mereka dengan institusi-institusi kewangan Islam” (AAOIFI, Para 3.1.4, ms 9). Malah, AAOIFI telah menjelaskan bahawa pengguna penyata kewangan adalah “pengguna luar yang utama” khususnya “penyumbang modal utama untuk membuat keputusan (penyumbangan)” (Para 8.1.2, ms 26). Maka, penyelidik berpendapat objektif pelaporan kewangan oleh AAOIFI adalah sesuai untuk diterima pakai dalam konteks perakaunan dan pelaporan MAIN walaupun MAIN ialah bukan satu institusi kewangan atau institusi komersial.

Rajah 6.3: Ciri-ciri Kualitatif Pelaporan Kewangan



Menurut *Statement Financial Accounting* (SFA) No. 1 (AAOIFI)⁴, institusi Islam harus berusaha untuk mencapai “maklumat pelaporan kewangan berkualiti tinggi” (perenggan 8.1). Untuk memberikan maklumat kewangan yang berkualiti tinggi, AAOIFI mencadangkan tiga kriteria penting iaitu gambaran yang benar dan saksama (*true and fair view*), maklumat yang boleh diguna pakai untuk membuat keputusan (*decision usefulness*) dan ketelusan (*transparency*) (perenggan 8.1). Laporan kewangan bagi institusi berlandaskan Islam perlu melaporkan gambaran yang benar dan adil mengenai realiti ekonomi entiti pelapor seperti prestasi dan kedudukan kewangannya. Pematuhan pensyaratan ini adalah berdasarkan konsep kebertanggungjawaban. Laporan kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama sepatutnya berguna untuk pembuatan keputusan. Sebaliknya laporan kewangan yang tidak benar dan saksama akan menjadi sia-sia kerana akan menyebabkan kekeliruan dan boleh mengakibatkan keputusan yang salah.

“Ketelusan” amat penting kepada entiti Islam yang menyediakan maklumat kewangan. Surah Al-Baqarah (ayat 282) menegaskan kepentingan amalan merekod apa sahaja urusan yang

⁴Statement of Financial Accounting (SFA) No 1 on Conceptual Framework for Financial Reporting by Islamic Financial Institutions is issued by AAOIFI.

dilakukan dengan jujur dan telus di samping “pemahaman” urusanniaga berkaitan seperti maksud berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu...”

Oleh yang demikian, penyampaian maklumat hendaklah ringkas tetapi jelas (AAOIFI, Para 8.2.1, ms 29) sepertimana yang dijelaskan dengan tepat oleh AAOIFI (SFA No. 1):

“... mereka yang menyediakan penyata kewangan perlu sedar bahawa kenyataan itu tidak dikeluarkan untuk kepentingan akauntan lain. Sebaliknya, ia disediakan untuk manfaat pengguna luaran yang mungkin mempunyai pengetahuan yang terhad.”

Cadangan oleh AAOIFI supaya ada keseimbangan dalam pelaporan seperti di atas dapat diterimapakai oleh MAIN. Entiti pelapor yang berteraskan kepada prinsip Islam bertanggungjawab mewujudkan keseimbangan yang optimum iaitu “ketelusan” (*transparency*) dan “kebolehfahaman” (*understandability*). Ini akan memastikan penyata kewangan dapat dibentangkan dalam pelbagai cara dan berguna kepada pengguna atau pemegang taruh dan seterusnya menjalankan tanggungjawab kepada ummah.

Seterusnya, dalam memastikan gambaran yang benar dan adil, pihak pelapor hendaklah memastikan ia mematuhi konsep intipati ekonomi dan bentuk (*substance and form*) di sisi undang-undang. MAIN sebagai sebuah agensi umum perlu mematuhi undang-undang persekutuan/negeri, dan Syariah Islam dalam pelaporan urusanniaganya. Oleh yang demikian, konsep “intipati mengatasi bentuk” (*substance over form*) tidak dikategorikan sebagai ciri kualitatif yang berasingan di bawah “kebolehpercayaan” mengikut SFA No. 1 AAOIFI, malah entiti pelapor hendaklah memastikan bahawa keseluruhan laporan kewangan adalah “benar dan adil” dari segi intipati semua urusanniaga dan undang-undang untuk memastikan bahawa keseluruhan laporan kewangan adalah “benar dan adil”.

Maklumat yang dinyatakan dalam penyata kewangan MAIN mestilah relevan dari segi kematangan (*materiality*) dan ketepatan masa untuk tujuan membuat keputusan. Maklumat adalah relevan jika, secara amnya, penyumbang dana dapat menentukan penggunaan dana yang

diamanahkan kepada MAIN. Ketekalan (*consistency*) atau kebolehbandingan (*comparability*) juga penting di dalam membuat keputusan di mana ia membolehkan pengguna untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara maklumat tersebut dengan maklumat di dalam laporan atau dokumen lain. Perbandingan boleh dibuat melalui dua konteks: (i) perbandingan penyata kewangan bagi entiti yang berbeza; dan (ii) perbandingan penyata kewangan bagi entiti yang sama dalam tempoh tertentu. Pengguna perlu dimaklumkan tentang dasar yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan, perubahan kepada dasar tersebut dan kesan daripada perubahan tersebut.

Kebolehpercayaan (*trustworthiness*) maklumat yang didedahkan MAIN kepada pemegang taruh juga penting untuk memastikan maklumat yang diberi bebas daripada kesilapan material dan berat sebelah, boleh digunakan untuk menggambarkan secara benar sesuatu keadaan atau apa yang dijangka akan digambarkan secara munasabah. Ia boleh dibahagikan kepada gambaran secara jujur dan pasti (berhemah). Gambaran yang jujur pula bersifat ‘lengkap’ (*complete*) dan ‘kekecualian’ (*neutral*). Sekiranya sesuatu maklumat dibentangkan untuk menggambarkan secara benar urusanniaga dan peristiwa lain, maklumat tersebut hendaklah dibentangkan berdasarkan intipati urusanniaga dan peristiwa berkenaan, bukan hanya sekadar bentuknya yang sah di sisi undang-undang. Walaupun ciri ‘kepastian’ (*verifiability*) dan konsep ‘berhemah’ (*prudence*) penting, kedua-dua konsep ini lebih berkaitan dengan membuat anggaran perakaunan dan kurang berkait dengan pendedahan dalam pelaporan kewangan.

Kesimpulannya, usaha untuk mengembangkan dan menguruskan harta hendaklah dibuat sejajar dengan Maqasid Syariah iaitu untuk kemaslahatan bersama dari pelbagai aspek. Antara aspek yang telah ditekankan dalam pencapaian Maqasid Syariah ialah menjaga kemaslahatan agama, jiwa (nyawa), akal, maruah atau keturunan, dan juga keselamatan harta. Maka jelaslah bahawa harta merupakan sebahagian aspek yang penting yang dititik beratkan oleh agama Islam. Dalam Surah al-Hadid (ayat 7) Allah berfirman seperti maksud berikut:

“Berimanlah kepada Allah dan RasulNya dan nafkahkanlah sebahagian daripada hartamu yang Allah telah jadikan kamu menguasainya, maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan menafkahkan (sebahagian) daripada hartanya (nescaya) ia memperoleh pahala yang besar.”

6.4 RUMUSAN

Bab ini mencadangkan kerangka kerja konseptual Islam bagi Fasa 4 berdasarkan MPSAS 14, 20, 22, 24, 34, 35, 36, 37, dan 38. Ia dimulakan dengan perbincangan tentang keperluan Syariah bagi perakaunan perkara-perkara MPSAS dalam Fasa 4. Bab ini seterusnya menjelaskan konsep Maqasid Syariah, diikuti dengan peranan MAIN sebagai pemegang amanah harta BZW, dan pentadbiran dana Wakaf yang diusulkan oleh AAOIFI pada tahun 2019. Pengukuhan kerangka kerja konseptual juga dicadangkan dengan memfokuskan kepada elemen kualitatif pendedahan dan pelaporan maklumat berkaitan peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama BZW.

BAB 7: BATASAN PERUNDANGAN

7.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dapatan kajian Akta-Akta dan Enakmen-enakmen sivil yang membatasi pelaksanaan perakaunan dan pelaporan Islam oleh institusi BZW, Majlis Agama Islam Negeri dan entiti yang diberi kuasa oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia. Perbincangan ini hanya tertumpu kepada Zon 3 yang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Institusi-institusi yang terlibat di empat-empat negeri ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

Bab ini mengandungi dua bahagian utama: analisis hubungan antara Akta/Enakmen dan amalan serta implikasi batasan-batasan khusus perundangan dengan pelaporan kewangan. Subseksyen berikutnya membicarakan perihal perundangan berkaitan dengan undang-undang tubuh negeri, Akta, dan Enakmen yang berkaitan dan membahaskan implikasinya terhadap perakaunan dan pelaporan akibat kewujudan batasan perundangan.

7.1 LATAR BELAKANG ENAKMEN

Judul bagi Akta dan Enakmen keempat-empat negeri bagi Zon 3 kajian mengguna istilah-istilah yang berlainan. Istilah Akta diguna pakai bagi Wilayah Persekutuan kerana hal-ehwal agama berada di peringkat Persekutuan dan di bawah bidang kuasa Yang DiPertuan Agong, manakala istilah Enakmen diguna pakai di peringkat negeri iaitu bagi Kelantan, Terengganu dan Pahang. Istilah Pentadbiran diguna pakai bagi tiga negeri, kecuali Kelantan di mana Enakmennya tidak mengandungi istilah “Pentadbiran”. Wilayah Persekutuan dan Pahang mengguna istilah “Undang-undang”. Kelantan dan Terengganu mengguna istilah “Agama” dalam Enakmen. Kelantan satu-satunya negeri yang mengguna frasa “Adat Istiadat Melayu,” sementara Terengganu pula satu-satunya negeri yang mengguna frasa “Hal Ehwal”.

Bahagian ini melaporkan latar belakang Enakmen bagi setiap negeri (sila lihat Jadual 7.1). Tahun-tahun Enakmen (Pindaan) berkuat kuasa ialah negeri Pahang (1991), diikuti oleh WP (1993), Kelantan (1994) dan diakhiri dengan Terengganu (2001). Enakmen-enakmen bagi

keempat-empat negeri ini digubal antara tahun 1991 hingga 2001, dalam jangka masa sepuluh tahun. Secara keseluruhan, keempat-empat enakmen mengandungi antara sembilan (9) hingga sebelas (11) bahagian, disokong oleh seratus tiga (103) hingga seratus enam puluh empat (164) seksyen. Jarak masa bagi Persetujuan Diraja dan masa mula berkuat kuasa enakmen ialah di antara satu (1) hingga sembilan (9) bulan. Harus diingatkan disini bahawa Enakmen yang paling awal digubal ialah Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1966.

Jadual 7.1: Latar belakang Enakmen Setiap Negeri

No.	Negeri	Enakmen	Tarikh Penting	Bil. Bahagian	Bil. Seksyen
1.	Wilayah Persekutuan (MAIWP)	AKTA 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 <i>-mengandungi pindaan terkini - P.U.(A) 250/2002</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan Diraja: 7 Julai 1993 • Diterbitkan di dalam warta: 15 Julai 1993 • Mula berkuat kuasa: 15 Oktober 1993 	11	103
2.	Pahang (MUIP)	ENAKMEN 3 TAHUN 1991 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 <i>-mengandungi pindaan terkini - Phg. En. 5/01</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan Diraja: 13 Disember 1991 • Diterbitkan di dalam warta: 19 Disember 1991 • Mula berkuat kuasa: 1 Januari 1992 	9	121
3.	Kelantan (MAIK)	ENAKMEN 4 TAHUN 1994 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan Diraja: 31 Mac 1994 • Diterbitkan di dalam warta: 12 Mei 1994 • Mula berkuat kuasa: 1 Ogos 1994 	8	164
4.	Terengganu (MAIDAM)	ENAKMEN 2 TAHUN 2001 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001 <i>-mengandungi pindaan terkini - En. 1/03</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan Diraja: 21 Oktober 2001 • Diterbitkan di dalam warta: 22 November 2001 • Mula berkuat kuasa: 1 Ogos 2002 	10	107

7.2 ANALISIS EMPAT TEMA KEWANGAN DALAM EMPAT ENAKMEN/AKTA

Empat tema yang selari dengan empat bahagian dalam keempat-empat Enakmen/Akta (selepas ini disebut “Enakmen” sahaja untuk memudahkan rujukan) dianalisis untuk mengetahui sama ada tema-tema tersebut wujud di dalam kesemua Enakmen. Tema-tema tersebut dipetik daripada Enakmen masing-masing. Hasil analisis dipamerkan dalam empat jadual di bawah. Jadual 7.2 merujuk kepada **Baitulmal**. Hanya MAIK menunjukkan Enakmen mengandungi kesemua sebelas sub-tajuk, manakala Enakmen ketiga-tiga negeri lain hanya menunjukkan satu hingga dua sub-tajuk sahaja.

Jadual 7.2: Tema “Baitulmal” Dalam Enakmen

Sub-tajuk (11)	MAIWP	MUIP	MAIK	MAIDAM
Kumpulan Wang & Hak Majlis	√	√	√	√
Sumber Baitulmal	X	X	√	X
Syarat Pegawai Baitulmal	X	X	√	X
Tanggungjawab memegang wasiat	X	X	√	X
Permohonan Melepaskan Tanggungan	X	X	√	X
Kuasa Yang Dipertua	X	X	√	X
Hak Wang Baitulmal	X	X	√	X
Tanggungjawab Pegawai Pusaka	X	X	√	X
Perakuan Yang Dipertua	X	X	√	X
Pungutan Khairat	X	√	√	X
Hak/ Kuasa Majlis	X	X	√	X
Jumlah Wujud (√)	1	2	11	1

Nota:

√ - Wujud

X - Tidak wujud

Berhubung dengan tema **Zakat** (lihat Jadual 7.3), MAIK (7), MAIDAM (8) dan MAIWP (5) menunjukkan Enakmen mengandungi beberapa sub-tajuk daripada sejumlah sepuluh (10) sub-tajuk manakala MUIP menunjukkan satu sub-tajuk sahaja.

Jadual 7.3: Tema “Zakat” Dalam Enakmen

Sub-tajuk (10)	MAIWP	MUIP	MAIK	MAIDAM
Kuasa Majlis	X	√	√	√
Penetapan Kadar	X	√	√	√
Peraturan / Kaedah	X	√	X	/
Bantahan Mengenai Kadar / Taksiran	X	√	√	X
Tanggungjawab Zakat	X	X	√	√
Pembayar Zakat / Fitrah	X	X	√	√
Resit dan Kira-kira	X	X	X	√
Pelantikan Pegawai	X	X	√	√
Kuasa Amil	X	X	√	X
Perbezaan Kumpulan Wang	√	√	X	√
Jumlah Wujud (√)	1	5	7	8

Nota:

√ - Wujud

X - Tidak wujud

Berbanding dengan kedua-dua tema sebelum ini (Jadual 7.2 dan Jadual 7.3), keempat-empat Enakmen MAIN mengandungi ketujuh-tujuh sub-tajuk berkaitan dengan **Wakaf dan Nazar** (lihat Jadual 7.4).

Jadual 7.4 Tema “Wakaf dan Nazar” Dalam Enakmen

Sub-tajuk (7)	MAIWP	MUIP	MAIK	MAIDAM
Hak ke atas Wakaf, Nazar & Amanah	√	√	√	√
Peletakan Hak	√	√	√	√
Sekatan Amanah Khairat	√	√	√	√
Penggunaan Harta Wakaf & Nazar	√	√	√	√
Modal Wakaf / Nazar	√	√	√	√
Surat cara	√	√	√	√
Penyiaran Wakaf, Nazar & Amanah	√	√	√	√
Jumlah Wujud (√)	7	7	7	7

Nota:

√ - Wujud

X - Tidak wujud

Mengenai tema Kewangan Majlis, keempat-empat Enakmen mengandungi sub-tajuk berkaitan dengan kewangan (lihat Jadual 7.5). Enakmen-enakmen MUIP dan MAIK mengandungi tujuh (7) daripada lapan (8) sub-tajuk, manakala MAIWP dan MAIDAM mengandungi empat daripada lapan sub-tajuk.

Jadual 7.5 Tema “Kewangan Majlis” Dalam Enakmen

Sub-tajuk (8)	MAIWP	MUIP	MAIK	MAIDAM
Penyata Tahunan	√	√	√	√
Anggaran dan Perbelanjaan Majlis	√	√	√	√
Perbelanjaan Majlis	√	√	√	√
Akaun Bank Majlis	√	√	√	√
Audit	X	√	√	X
Sumbangan Kerajaan	X	√	√	X
Bantuan Pengajian	X	X	√	X
Pembayaran Denda	X	√	X	X
Jumlah Wujud (√)	4	7	7	4

Nota:

√ - Wujud

X - Tidak wujud

Secara keseluruhan, hasil analisa menunjukkan enakmen/akta keempat-empat negeri tidak menunjukkan sub-tajuk yang konsisten.

7.3 SOKONGAN ENAKMEN KE ATAS STRUKTUR MAIN


Penyelarasan antara peruntukan Enakmen dengan amalan amat penting untuk memastikan yang kedua-dua perkara ini selari. Tiga sub-tajuk di bawah membentangkan analisis perbandingan antara peruntukan Enakmen dan amalan MAIN.

7.3.1 Struktur Kumpulan Wang MAIN Mengikut Akta/Enakmen

Istilah-istilah “dana” dan “kumpulan wang” dalam Akta/Enakmen dianggap sinonim, iaitu membawa pengertian yang sama. Akta 505/Enakmen-Enakmen bagi empat MAIN menunjukkan empat struktur yang berlainan, dilabelkan mengikut negeri masing-masing (sila rujuk Rajah-rajah 7.1, 7.2, 7.3 dan 7.4). Rajah 7.1 menunjukkan struktur yang diamalkan oleh MAIWP. Berdasarkan Akta 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1993, semua Kumpulan Wang adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Majlis. Hanya terdapat dua jenis Kumpulan Wang yang disebut di dalam Enakmen ini iaitu Kumpulan Wang Baitulmal dan Kumpulan Wang Wakaf.


Rajah 7.1: Struktur MAIWP



Nota: KW: Kumpulan Wang

Rajah 7.2 pula menunjukkan kumpulan wang-kumpulan wang MUIP terletak di bawah bidang kuasa Majlis secara langsung, selari dengan Enakmen 3 Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, Pahang.


Rajah 7.2: Struktur MUIP



Nota: KW: Kumpulan Wang

Berdasarkan Enakmen 4 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, terdapat empat Kumpulan Wang yang berada di bawah bidang kuasa MAIK di Kelantan sepertimana ditunjukkan di dalam Rajah 7.3 di bawah:


Rajah 7.3: Struktur MAIK



Nota: KW: Kumpulan Wang

Rajah 7.4 di bawah pula menunjukkan struktur pentadbiran kumpulan wang MAIDAM seperti yang terkandung di dalam Enakmen 2 Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001:

Rajah 7.4: Struktur MAIDAM



Nota: KW: Kumpulan Wang

Pembentangan struktur secara grafik bagi keempat-empat MAIN (lihat rajah-rajah 7.1 hingga 7.4) dirakamkan dalam Jadual 7.6 menunjukkan bahawa kesemua MAIN tidak mengguna bilangan dan nama kumpulan wang yang sama. Jadual 7.6 menunjukkan Kumpulan Wang Wakaf diguna pakai oleh keempat-empat MAIN, diikuti oleh Zakat yang diguna pakai oleh tiga (3) MAIN, manakala Baitulmal diguna pakai oleh dua (2) MAIN. KW Khairat Am, KW Majlis dan KW Pentadbiran Am hanya diguna pakai oleh tiga (3) MAIN lain.

Jadual 7.6: Nama Kumpulan Wang bagi Empat MAIN

	MAIWP	MUIP	MAIK	MAIDAM	Jumlah
KW Baitulmal	√		√		2
KW Khairat Am		√			1
KW Majlis				√	1
KW Pentadbiran Am			√		1
KW Wakaf	√	√	√	√	4
KW Zakat		√	√	√	3
Jumlah	2	3	4	3	12

Nota:


KW: Kumpulan Wang

Jadual yang sama boleh juga dilaporkan menurut entiti. MAIWP telah menggunakan dua (2) kumpulan wang iaitu KW Baitulmal dan Wakaf. MUIP telah menggunakan tiga (3) kumpulan wang (KW) iaitu KW Zakat, Wakaf dan Khairat Am. MAIK telah menggunakan empat (4) kumpulan wang iaitu KW Baitulmal, Zakat, Wakaf dan Pentadbiran Am. Manakala MAIDAM telah menggunakan tiga (3) kumpulan wang – iaitu KW Zakat, Wakaf dan Majlis.

7.3.2 Struktur Kumpulan Wang MAIN Secara Praktis (Amalan)

Analisis struktur terdahulu (Rajah-rajah 7.1 hingga 7.4) berdasarkan Enakmen telah menunjukkan corak (pola) struktur yang berlainan. Penelitian terhadap amalan keempat-empat MAIN menunjukkan terdapat dua struktur utama, dilabelkan sebagai Struktur A dan Struktur B (sila rujuk Rajah 7.5 dan Rajah 7.6). Rajah 7.5 (Struktur A) menunjukkan kumpulan wang-kumpulan wang terletak di bawah bidang kuasa Majlis secara langsung, manakala fungsi-fungsi lain (iaitu Baitulmal dan Pentadbiran) diletakkan di bawah kategori *Lain-lain*. Rajah 7.5 juga menunjukkan kategori *Lain-lain* bagi MAIK dan MUIP adalah Baitulmal, manakala bagi MAIDAM, Pentadbiran diletakkan di bawah kategori lain-lain.


Rajah 7.5: Struktur A



Nota: KW: Kumpulan Wang

Rajah 7.6 pula menunjukkan corak struktur yang sedikit berlainan yang diamalkan oleh MAIWP. Struktur B memperlihatkan kedudukan Baitulmal sebagai dominan di mana kesemua KW (KW Zakat, KW Wakaf, dan KW Sumber Am) diletakkan di bawah penyeliaan langsung Baitulmal.

Rajah 7.6 Struktur B



Nota: KW: Kumpulan Wang

Huraian mengenai perbandingan antara peruntukan Enakmen dengan amalan di kalangan MAIN dirumuskan dalam Jadual 7.7. Jadual tersebut menunjukkan struktur kumpulan wang (ruang 1), enakmen (ruang 2 hingga 5) dan amalan Majlis (ruang 6 hingga 9). Setiap baris kumpulan wang menunjukkan kewujudan kumpulan wang menurut ketetapan peruntukan dalam Enakmen dibandingkan dengan amalan.

Jadual 7.7: Perbandingan Pentadbiran KW: Akta/Enakmen dan Amalan

(1)	Akta/Enakmen (Rajah 7.1 – 7.4)				Amalan (Rajah 7.5 – 7.6)			
	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)
Struktur					B	A	A	A
Majlis	MAIWP	MUIP	MAIK	MAIDAM	MAIWP	MUIP	MAIK	MAIDAM
KW Baitulmal	√		√			√	√	
KW Khairat Am		√						
KW Sumber Am					√			
KW Majlis				√				
KW Pentadbiran Am			√					√
KW Wakaf	√	√	√	√	√	√	√	√
KW Zakat		√	√	√	√*	√	√	√
Jumlah	2	3	4	3	3	3	3	3

Nota:

KW - Kumpulan Wang;

√ - Wujud

* - Operasi MAIWP itu sendiri adalah Kumpulan Wang Zakat

Apabila dibandingkan “Akta/Enakmen” dengan “Amalan” terdapat perbezaan dalam kumpulan wang dalam struktur: Penambahan (+) bermaksud mewujudkan KW yang tidak dinyatakan di dalam Akta/enakmen dan pengurangan (-) bermaksud tidak mewujudkan KW yang dinyatakan di dalam Akta/Enakmen. Rumusan bagi perbandingan di atas ialah: MAIWP (+1 [Sumber Am]), MUIP (-1 [Khairat Am]), MAIK (-1 [Pentadbiran Am]) dan MAIDAM (0).

7.3.3 Pelarasan antara Pola Struktur dengan Enakmen dan Amalan

Jadual 7.8 di bawah meregukan sokongan enakmen (Rajah-rajah 7.1, 7.2, 7.3 dan 7.4) dengan struktur keseluruhan MAIN berdasarkan amalan. Ruang dua dalam jadual menunjukkan Struktur A atau Struktur B, manakala ruang tiga menunjukkan peruntukan Enakmen.

Jadual 7.8 Sokongan Enakmen ke atas Struktur Keseluruhan MAIN

NEGERI	PRAKTIS	AKTA/ENAKMEN
<p>Wilayah Persekutuan (MAIWP)</p>	<p>Struktur B</p>	<p>Seksyen 60. Penubuhan Baitulmal. (1) Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang.</p> <p>(2) Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini:</p> <p>Dengan syarat bahawa mana-mana pelaburan aset dan kumpulan-kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan atau dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah.</p> <p>(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, boleh membuat kaedah-kaedah bagi pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Kumpulan Wang.</p> <p>Seksyen 61. Wakaf dan Nazar. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazar 'am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, setakat mana-mana harta yang tersentuh olehnya dan terletak di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan dan, jika pemberi harta itu atau orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazar 'am itu telah berdomisil di Wilayah-Wilayah Persekutuan, setakat semua harta yang tersentuh olehnya di mana-mana jua harta itu terletak.</p> <p>Seksyen 62. Perletakhakan. (1) Semua harta yang tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 61 dan terletak di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, hendaklah, tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan jua pun, dan, dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan yang berhubungan dengan</p>

		tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud-maksud amanah, wakaf atau nazar 'am yang menyentuh harta itu.
Pahang (MUIP)	Struktur A	<p>Seksyen 67. Penubuhan Kumpulan Wang Khairat Am. (3) Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang itu hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut Enakmen ini: Dengan syarat bahawa mana-mana pelaburan aset dan kumpulan wang yang diletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan, digadai atau dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan dari masa ke masa dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuat kuasa bagi pelaburan kumpulan wang amanah atau dalam mana-mana pelaburan yang ditetapkan oleh Majlis di bawah subseksyen (4) seksyen 5.</p> <p>Seksyen 70. Wakaf dan nazar. Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau melibatkan perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazar am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, setakat yang mengenai harta yang terlibat itu dan yang terletak di dalam Negeri Pahang dan, jika pembuat penyelesaian harta itu atau orang-orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazar am itu berdomisil di Negeri Pahang, setakat yang mengenai harta yang terlibat olehnya itu di mana jua harta itu terletak.</p> <p>Seksyen 72. Modal wakaf dan nazar am. (2) Jika disebabkan oleh tamat tempoh atau perubahan hal-keadaan adalah tidak mungkin lagi dikuatkuasakan secara berfaedah wakaf atau nazar am itu, maka Majlis hendaklah menyediakan suatu skim mengenai penggunaan harta dan aset yang terlibat itu mengikut cara yang seberapa hampir yang boleh dengan terma-terma wakaf atau nazar am itu: Dengan syarat bahawa Majlis boleh dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengarahkan supaya harta dan aset itu dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Khairat Am.</p> <p>Seksyen 78. Harta wakaf dan nazar. Dengan seberapa segera yang boleh selepas 31 hari bulan Disember setiap tahun, Majlis hendaklah menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam <i>Warta</i> satu senarai yang telah diaudit semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf atau nazar, dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Khairat Am.</p>

		<p>Seksyen 82. Kuasa Majlis memungut zakat dan fitrah. Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah berkewajipan memungut semua zakat dan fitrah yang kena dibayar dalam Negeri Pahang menurut Hukum Syarak.</p>
Kelantan (MAIK)	Struktur A	<p>Seksyen 41. Penubuhan Baitulmal. (1) Suatu dana yang diberi nama Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan wang itu hendaklah mengandungi semua wang dan harta benda alih atau tak alih yang menurut Hukum Syarak atau peruntukan Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, diperolehi atau disumbangkan oleh mana-mana orang atau pihak kepada kumpulan wang itu.</p> <p>(3) Semua wang dan harta benda Baitulmal hendaklah tertakluk kepada Majlis yang akan mentadbirkan semua wang dan harta benda tersebut menurut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini</p> <p>Seksyen 51. Kuasa mengenai zakat dan fitrah. Majlis hendaklah mempunyai kuasa tunggal dan mempunyai kewajipan memungut semua jenis zakat atau fitrah dalam Negeri ini dan membelanjakan hasil pungutan itu sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan berasaskan kepada Hukum Syarak.</p> <p>Seksyen 61. Wakaf dan nazar. Walau apa pun peruntukan yang berlawanan dengan mana-mana surat cara atau perisytiharan, Majlis hendaklah menjadi pengawal tunggal kepada semua wakaf, sama ada wakaf am atau khas, semua nazar am dan semua amanah khairat untuk kepentingan Agama Islam dan orang-orang Islam, setakat mana harta itu terletak hak kepadanya atau yang terletak di dalam Negeri Kelantan.</p> <p>Seksyen 68. Kumpulan Wang Pentadbiran Am dan Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah.</p> <p>(1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan, bagi maksud-maksud Enakmen ini-</p> <p>(a) Kumpulan Wang Pentadbiran Am; dan (b) Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah.</p> <p>(2) Melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini, semua wang dan harta alih dan tak alih, termasuk Kumpulan Wang Baitulmal yang terserah kepada Majlis dari semasa ke semasa bagi maksud Enakmen ini, hendaklah menjadi dan termasuk dalam Kumpulan Wang Pentadbiran Am Majlis sebagai amanah bagi tujuan kebajikan untuk membantu dan menegakkan Agama Islam di Negeri ini mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.</p> <p>(3) Semua wang atau nilai dari hasil wang zakat dan fitrah hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah dan hendaklah tidak boleh dibelanjakan kecuali bagi golongan yang layak menerima zakat dan fitrah sebagaimana yang telah ditetapkan mengikut Hukum Syarak.</p>

		<p>Seksyen 70. Kuasa-kuasa terhadap hartabenda di bawah kelolaan Majlis.</p> <p>(1) Melainkan diperuntukkan sebaliknya dalam Enakmen ini, Majlis bolehlah, dengan persetujuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menjual, mencagar, memajak, menggadai, membuat pawahan, memindah milik, menukar, menolak atau membuat apa-apa ikatan mana-mana harta tak alih di bawah pengelolaannya bagi maksud Enakmen ini, sama ada ianya menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Pentadbiran Am atau tidak.</p> <p>(3) Majlis hendaklah mempunyai kuasa meminjam wang, sama ada dengan mencagarkan mana-mana aset daripada Kumpulan Wang Pentadbiran Am atau tidak, atau dengan apa cara yang patut, setelah diampuni perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, dan mana-mana wang yang terhutang dengan cara itu adalah menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Pentadbiran Am.</p>
<p>Terengganu (MAIDAM)</p>	<p>Struktur A</p>	<p>Seksyen 58. Penubuhan Kumpulan Wang Majlis.</p> <p>(3) Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang Majlis hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.</p> <p>Seksyen 63. Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan amanah.</p> <p>Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas; (b) semua nazar am; dan (c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, <p>bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazar am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Terengganu.</p> <p>Seksyen 64. Perletakkan harta wakaf, nazar dan amanah pada Majlis.</p> <p>Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 63 hendaklah tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hak milik, dan, dalam hal harta tak alih sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazar am atau amanah yang menyentuh harta itu.</p> <p>Seksyen 70. Kuasa Majlis memungut zakat dan fitrah.</p> <p>Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Terengganu mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.</p>

7.3.4 Kesimpulan

Enakmen-Enakmen (Pindaan) bagi empat (4) negeri bagi Zon 3 telah digubal antara tahun 1991 dan 2001. Empat (4) tema utama merentasi keempat-empat Enakmen terdiri daripada Baitulmal, Zakat, Wakaf dan Nazar dan Majlis. Namun setiap MAIN membentuk strukturnya yang tersendiri.

Perbandingan antara peruntukan Akta/*Enakmen* dengan amalan menunjukkan perbezaan dalam kategori kumpulan wang yang dicerminkan dalam struktur: Penambahan (+) bermaksud mewujudkan KW yang tidak dinyatakan di dalam Akta/*Enakmen* dan pengurangan (-) bermaksud tidak mewujudkan KW yang dinyatakan di dalam Akta/*Enakmen*. Rumusan bagi perbandingan di atas ialah: MAIWP (+1 [Sumber Am]), MUIP (-1 [Khairat Am]), MAIK (-1 [Pentadbiran Am]) dan MAIDAM (0). Perbezaan ini melahirkan dua corak utama struktur: Struktur A menunjukkan Majlis menyelia fungsi-fungsi utama (contoh: Wakaf) secara langsung, manakala Struktur B Majlis menyelia Baitulmal yang seterusnya menyelia fungsi-fungsi utama.

7.4 AKTA-AKTA/ENAKMEN BERKAITAN DENGAN PENTADBIRAN MAIN

Bahagian ini akan membincang dan menilai peruntukan perundangan berdasarkan empat sumber, iaitu, (i) Perlembagaan Persekutuan; (ii) Akta-akta Persekutuan, (iii) Undang-Undang Tubuh Negeri dan (iv) Enakmen-enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Kesemua sumber perundangan dianalisis dari perspektif perakaunan dan pelaporan kewangan MAIN, khususnya berkaitan baitulmal, wakaf, dan zakat.

7.4.1 Pertembungan Bidang Kuasa Persekutuan dan Negeri

Secara umum, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa tersendiri dalam penggubalan undang-undang berkaitan MAIN. Perkara ini telah diperuntukkan di dalam Artikel 74 Perlembagaan Persekutuan, khususnya dalam Jadual Kesembilan. Menurut peruntukan tersebut, Parlimen diberi kuasa menggubal undang-undang mengenai perkara-perkara yang terkandung di dalam Senarai Persekutuan (*Senarai Pertama* Jadual Kesembilan) dan Senarai Bersama (*Senarai Ketiga* Jadual Kesembilan). Perlembagaan telah memberi kuasa kepada Majlis Mesyuarat Negeri mengenai hal ehwal Agama Islam menerusi Senarai Negeri (iaitu

Senarai Kedua Jadual Kesembilan). Artikel 74 (Hal perkara undang-undang persekutuan dan Negeri) Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

“74. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan atau Senarai Bersama (iaitu Senarai Pertama atau Ketiga yang dinyatakan dalam jadual Kesembilan).

(2) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

(3) Kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara ini boleh dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan ini mengenai mana mana perkara tertentu.

(4) jika ungkapan am dan juga ungkapan khusus digunakan pada memperihalkan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai-Senarai yang dinyatakan dalam jadual Kesembilan maka keluasan ungkapan am itu tidak boleh dikira sebagai dihadkan oleh ungkapan khusus itu.”

Jadual Kesembilan (Perkara 7(f) dan (g))-menetapkan perkara-perkara berkaitan kewangan dan audit terletak di bawah *Senarai Pertama* (bidang kuasa Persekutuan) seperti berikut:

(f) tatacara kewangan dan perakaunan, termasuk tatacara bagi pemungutan, penjagaan dan pembayaran wang awam Persekutuan dan wang awam Negeri, dan pembelian, penjagaan dan pelupusan harta awam selain tanah Persekutuan dan tanah Negeri;

(g) audit dan akaun Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa awam yang lain;

Senarai Kedua merujuk kepada bidang kuasa Negeri. Ia menyebut secara khusus bidang kuasa negeri, selain dari negeri-negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawal seliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi

khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; ...”

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan ini menetapkan secara khusus bidang kuasa negeri. Dengan ini, setiap negeri melalui MAIN bertanggungjawab berkenaan hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran Islam termasuklah perakaunan dan pelaporan BZW.

Senarai Ketiga (Senarai Bersama) Jadual Sembilan menyatakan perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Senarai tersebut ialah:

1. *Kebajikan masyarakat; perkhidmatan masyarakat tertakluk kepada Senarai I dan II; perlindungan bagi perempuan, kanak-kanak dan orang muda.*
2. *Biasiswa.*
3. *Pelindungan binatang liar dan burung liar; Taman Negara.*
4. *Penternakan; pencegahan perbuatan menganiaya binatang; perkhidmatan veterinar; kuarantin binatang.*
5. *Perancangan bandar dan desa, kecuali di ibu kota persekutuan.*
6. *Kekuturayauan dan penjaja dari tempat ke tempat.*
7. *Kesihatan awam, kebersihan (tidak termasuk kebersihan di ibu kota persekutuan) dan pencegahan penyakit.*
8. *Saliran dan pengairan.*
9. *Pemulihan tanah lombong dan tanah yang telah mengalami hakisan tanah.*
 - 9a. *Langkah keselamatan kebakaran dan langkah mencegah kebakaran dalam pembinaan dan penyenggaraan bangunan.*
 - 9b. *Kebudayaan dan sukan.*
 - 9c. *Perumahan dan peruntukan bagi kemudahan perumahan; amanah pemajuan.*
 - 9d. *Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air.*
 - 9e. *Pemeliharaan warisan*

Senarai Ketiga di atas tidak relevan dengan perakaunan dan pelaporan MAIN kerana Perlembagaan sendiri telah menentukan skop MAIN, iaitu *Senarai Kedua* Jadual Kesembilan (Senarai Negeri).

7.4.2 Akta-akta Persekutuan

Terdapat empat Akta berkaitan dengan pelaporan kewangan MAIN seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Perlembagaan Persekutuan 1957;
- ii. Akta Acara Kewangan 1957;

- iii. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan 1980; dan
- iv. Akta Syarikat 2016.

Artikel 97 (3) Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

“(3) jika mengikut undang-undang Negeri atau, berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, mengikut undang-undang persekutuan apa-apa Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya diperdapatkan, maka hasil itu hendaklah dibayar ke dalam suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”

Akta Acara Kewangan 1957 menetapkan pengurusan kewangan ‘wang awam’ yang didefinisikan sebagai hasil, pinjaman, amanah dan lain-lain wang awam yang diterima oleh Persekutuan atau Negeri. Walau bagaimanapun definisi ‘wang awam’ tidak merangkumi zakat, fitrah, baitulmal atau lain-lain hasil yang berkaitan dengan agama Islam (*Senarai Kedua* Jadual Kesembilan). Sehubungan itu, didapati enakmen negeri juga tidak menyatakan dengan jelas sebarang penggunaan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957. Oleh yang demikian, wang yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Islam termasuk baitulmal wakaf, dan zakat yang ditadbir oleh MAIN tidak tertakluk secara langsung dengan peruntukan di dalam Akta Acara Kewangan 1957.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] menyatakan bahawa mana-mana badan berkanun dan/atau organisasi hendaklah menyimpan rekod penyata akaun-akaun dengan lengkap dan sempurna mengikut prinsip perakaunan bagi setiap tahun kewangan. Akta tersebut juga menyebut Ketua Audit Negara hendaklah memastikan proses pengauditan akaun dijalankan selepas penyata-penyata kewangan dihantar serah kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh penyata kewangan tahunan tamat. Seksyen 5 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] menyebut:

- 1. Every statutory body shall keep or shall cause to be kept proper accounts and other records in respect of its operations in accordance with generally accepted accounting principles and shall cause to be prepared a statement of its accounts in respect of each financial year and shall, within six months after the end of that financial year or such extension thereof as may be granted under section 9, submit the same to the Auditor General for audit.*
- 2. The Auditor General shall forthwith cause the statement of accounts to be audited.*

Sebagai tambahan, kesemua akta/enakmen pentadbiran Islam MAIN ada menyebutkan dengan jelas pemakaian Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 walaupun Akta ini digubal untuk diguna pakai oleh badan berkanun persekutuan. Misalnya, Seksyen 62 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Terengganu 1991 menyatakan ‘Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah diguna pakai oleh Majlis dan mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini. Enakmen 4 Tahun 1994 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 menyebut dengan jelas penerimaan pakai Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 “Peruntukan-peruntukan Akta Badan berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240], hendaklah terpakai kepada Majlis dan kepada mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini”. Peruntukan-peruntukan ini semestinya juga merangkumi pengauditan akaun-akaun tahunan MAIN berkaitan.

Akta seterusnya ialah Akta Syarikat 2016. Akta ini hanya relevan dengan MAIN sekiranya ia menubuhkan anak-anak syarikat di bawah Akta tersebut, seperti MAIWP dan MUIP yang telah menubuhkan beberapa anak syarikat. Anak-anak syarikat ini beroperasi sebagai entiti yang bertujuan menghasilkan keuntungan dan dengan ini adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dalam penyediaan penyata kewangan tahunan mereka. Jadual 7.9 menunjukkan kaitan antara akta dan enakmen dengan MAIN.

Jadual 7.9: Ringkasan Akta/Enakmen Berkaitan Perakaunan di Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

AKTA/ENAKMEN	MAIWP	MAIK	MAIDAM	MUIP
PERSEKUTUAN	AKTA ACARA KEWANGAN 1957 <ul style="list-style-type: none"> • ‘Wang Awam’...tidak termasuk zakat, fitrah, baitulmal dan lain-lain hasil agama Islam 			
	AKTA BADAN BERKANUN (AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN)1980 <ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan Penyata Kewangan 			
	AKTA SYARIKAT 2016			AKTA SYARIKAT 2016
AKTA/ENAKMEN NEGERI	Akta 505 – Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	Enakmen Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991

Berbanding dengan MAIDAM, MAIK dan MUIP, MAIWP dikategorikan sebagai badan berkanun persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dengan yang demikian MAIWP tertakluk di bawah Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 secara langsung.

7.4.3 Undang-Undang Tubuh Negeri

Meskipun perlembagaan memberi kuasa kepada negeri mengendali perkara berkaitan pentadbiran Islam termasuk zakat, baitulmal dan wakaf, namun Undang-Undang Tubuh Negeri (UTN) tidak mewajibkan pendedahan laporan kewangan berkaitan dengan Anggaran Penerimaan dan Perbelanjaan Negeri (*Estimated Receipt and Expenditure of the State*) zakat, fitrah atau baitulmal. Misalnya, Fasal 42 Undang-Undang Tubuh Pahang sub fasal (3) memperuntukkan seperti berikut:

- i. Subject to Clause (3), the Ruler shall, in respect of every financial year, cause to be laid before the Legislative Assembly a statement of the estimated receipts and expenditure of the State for that year, and, unless the State Legislature in respect of any year otherwise provides, that statement shall be so laid before the commencement of that year.*
- ii.*
- iii. The estimated receipt to be shown on the said statement do not include any sums received by way of Zakat, Fitrah, and Baitulmal or similar Muslim Revenue.*

UTN berhasrat memelihara roh Islam dengan mengasingkan perkara-perkara yang khusus terhadap umat Islam dengan perkara-perkara yang bersifat umum yang merangkumi umat Islam dan bukan Islam. Perlu diambil perhatian bahawa UTN tidak mewajibkan pelaporan Anggaran Penerimaan dan Perbelanjaan. Meskipun demikian, MAIN masih perlu melaporkan hal ehwal kewangan seperti aset, hasil, belanja, liabiliti dan sebarang pegangan kepentingan di dalam entiti lain melalui penyata kewangan.

7.4.4 Keperluan Akaun MAIN Diaudit

Adalah satu kemestian untuk penyata kewangan sektor awam diaudit dan MAIN tidak terkecuali dari tuntutan ini. Perkara ini disebutkan dalam enakmen-enakmen berikut:

- i. Seksyen 62 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 menyatakan seperti berikut:*

Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] hendaklah terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini.

- ii. Seksyen 73 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 menyebut:

Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan hendaklah sebelum dikeluarkan, diaudit dan diperakui sebagai betul oleh Ketua Audit Negara atau oleh mana-mana juruaudit yang diluluskan oleh Majlis dan satu salinan perakuan Pegawai Audit hendaklah dikembarkan kepada semua salinan laporan dan akaun yang dikeluarkan.

- iii. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991 memberikan kuasa kepada Ketua Audit Negara memeriksa dan mengesahkan akaun pendapatan pentadbiran dan kunci kira-kira tahunan:

“Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan tahunan yang tersebut itu hendaklah sebelum dikeluarkan diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara dan suatu salinan sijil audit hendaklah disertakan pada semua salinan penyata dan akaun yang dikeluarkan itu”.

Keperluan audit dengan sendirinya mengisyaratkan bahawa penyediaan akaun dan pelaporan kewangan disediakan menurut undang-undang. Bab ini tidak membincangkan piawaian. Dalam penyediaan akaun dan pelaporan kewangan, MAIN seharusnya mematuhi garis panduan berkaitan dengan arahan kewangan dari pihak Jabatan Akauntan Negara dan piawaian perakaunan yang relevan kerana undang-undang tidak menyebut secara khusus mengenai piawaian.

7.5 RUMUSAN

Walaupun hal-hal berkenaan dengan Wang Zakat, Fitrah dan Baitulmal berada di bawah bidang kuasa negeri seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, Ketua Audit Negara dikehendaki mengaudit hasil, liabiliti, belanja dan ekuiti BZW selari dengan peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen-Enakmen dan juga Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240]. Enakmen-Enakmen tidak menghendaki penyata bajet dilaporkan di dalam Dewan Undangan Negeri. Berdasarkan perbincangan di atas, pihak Kerajaan

Persekutuan melalui Jabatan Audit Negara harus memberikan arahan-arahan dari semasa ke semasa dan mengaudit laporan-laporan kewangan terutamanya tentang urus tadbir kewangan hasil Zakat, Fitrah dan Baitulmal setiap negeri melalui peruntukan undang-undang sedia ada. Pihak juruaudit yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri hendaklah mengambil kira peruntukan-peruntukan perundangan dalam menjalankan tugasnya.

BAB 8: CADANGAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PELAPORAN ISLAM BZW

8.0 PENGENALAN

Secara umumnya, sebahagian besar penyelidikan pada Fasa 4 ini menumpukan perhatian kepada aspek pendedahan seperti peristiwa selepas tarikh pelaporan, transaksi dengan pihak berkaitan, pegangan dalam entiti lain dan penyertaan dalam pengoperasian bersama oleh MAIN dalam menguruskan dana dan harta berkaitan BZW. Sesebuah entiti boleh melakukan pelaburan di dalam pelbagai bentuk sama ada melalui anak syarikat, syarikat bersekutu, dan pengoperasian bersama. Isu berkaitan pelaburan ini dibincangkan dengan mendalam di dalam MPSAS 34, MPSAS 35, MPSAS 36, MPSAS 37 dan MPSAS 38. Ia juga berkait rapat dengan isu pihak berkepentingan di mana anak syarikat, syarikat bersekutu dan pengaturan bersama adalah pihak berkepentingan. Perbincangan mengenai pihak berkepentingan di dalam MPSAS 20 adalah lebih luas di mana ianya mencakupi bukan sahaja syarikat tetapi juga individu seperti pihak pengurusan utama. Di samping itu, Fasa 4 juga membincangkan mengenai peristiwa selepas tarikh pelaporan (MPSAS 14) dan maklumat belanjawan (MPSAS 24). Walaubagaimanapun, penyelidik berpendapat bahawa maklumat kewangan berkaitan sektor kerajaan umum (MPSAS 22) adalah tidak relevan dengan aktiviti MAIN. Di dalam bab ini, penyelidik mencadangkan input yang relevan untuk pembangunan piawaian perakaunan dan pelaporan MAIN dengan mengambil kira sudut pandang Islam dan perbandingan amalan-amalan semasa organisasi-organisasi bukan bermotifkan keuntungan (*non-profit organisation*).

8.1 PEMATUHAN ASPEK SYARIAH

Islam telah menggariskan sebarang aktiviti muamalat (transaksi yang dilakukan sesama manusia) seperti aktiviti pelaburan di dalam entiti lain atau pengendalian aktiviti-aktiviti kebajikan secara usahasama atau operasi bersama hendaklah mematuhi Syariah tanpa pengecualian. Justeru, MAIN sebagai pentadbir baitulmal dan zakat serta pemegang amanah wakaf hendaklah memastikan setiap aktiviti pelaburan atau sebarang usahasama adalah mematuhi asas muamalat yang digariskan oleh Syariah seperti berikut:

- i. Persetujuan bersama dalam kontrak (*al-taradi*);
- ii. Memenuhi keperluan kontrak dan syaratnya (*al-wafa'*);

- iii. Bebas dari unsur *riba*;
- iv. Bebas dari ketidakpastian (*gharar*);
- v. Bebas dari penipuan (*ghish*);
- vi. Tidak terlibat dengan penimbunan [hoarding] (*ihtikar*);
- vii. Bebas dari ketiadaadilan (*zulm*);
- viii. Amalan terbaik (*Ihsan*);
- ix. Perlindungan kekayaan (*hifzul maal*); dan
- x. Pengagihan kekayaan yang adil.

Pematuhan terhadap kesemua ciri-ciri muamalat dalam Islam adalah kemestian bagi tujuan pengiktirafan hasil atau pulangan pelaburan. Sekiranya ia menyimpang dari ciri-ciri asas muamalat dalam Islam, hasil atau pulangan pelaburan berkenaan tidak boleh diiktiraf sebagai milik entiti berkenaan tetapi hendaklah diserahkan kepada masyarakat umum dalam bentuk tunai atau manfaat (*benefits in kind*).

Seterusnya, ketelusan dalam melaporkan maklumat aktiviti-aktiviti berkaitan pelaburan adalah juga dituntut dalam Islam sepertimana yang ditegaskan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran seperti berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas)...” (Surah al-Baqarah:282)

Sepertimana yang dibincangkan di Bab 6 (Keperluan Syariah dan Pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Bagi Pelaporan Kewangan), pelaporan adalah satu aspek yang terpenting (*dharuriyyah*) ke atas MAIN sebagai pentadbir dan pemegang amanah dana BZW. Ini bertujuan meningkatkan tahap kepercayaan pemegang taruh terhadap MAIN, dan perkara ini pula bergantung kepada tahap pemahaman mereka terhadap segala aktiviti yang dilakukan MAIN dalam menguruskan dana BZW. Hal ini dijelaskan oleh kaedah fiqh *الحكم على الشيء فرع عن تصوره* (Bermaksud: Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu perkara).

8.2. PELABURAN SOSIAL

Pelaburan sosial adalah berteraskan kebajikan dan tidak menjadikan pulangan kewangan sebagai matlamat utama pelaburan. Konsep pelaburan ini sangat relevan dalam konteks MAIN yang berfungsi sebagai pentadbir dana BZW sebagai tunjang kepada aktiviti sosio-ekonomi umat Islam. Berdasarkan kepada *Statements of Recommended Practice* (SORPs) Seksyen Pelaburan, pelaburan sosial ini boleh dilaksanakan dalam dua bentuk: (1) Pelaburan berkaitan program kebajikan (*programme related investment [PRI]*) dan (2) Pelaburan secara pendekatan-campuran (*mixed-motive investment [MMI]*). Melalui konsep PRI, entiti kebajikan membuat pelaburan dalam bentuk pembiayaan kepada individu atau organisasi tertentu bagi membolehkan tujuan asal kebajikan dicapai dan pulangan kewangan tidak menjadi objektif utama pelaburan jenis ini. Dalam konteks MAIN, wang zakat yang diberi dalam bentuk manafaah (di mana asnaf diberi aset seperti “food truck” atau mesen jahit) boleh dikategorikan sebagai PRI. Manakala MMI pula mempunyai dua objektif iaitu kebajikan dan penjanaan keuntungan di mana aset yang dipegang oleh entiti kebajikan digunakan untuk memberi pembiayaan kepada individu atau organisasi untuk tujuan kebajikan dan pada masa yang sama pelaburan tersebut bertujuan untuk menjana pulangan kewangan kepada entiti. Bagi MAIN, ada kemungkinan sesuatu bangunan yang dibina akan menggabungkan dana dari kumpulan wang berbeza seperti KW Zakat dan KW Baitulmal. Penggunaan dana zakat lebih kepada memberi manfaat sosial kepada asnaf manakala penggunaan dana baitulmal adalah untuk menjana keuntungan untuk MAIN. Sebagai contoh, jika MAIN membina satu bangunan empat tingkat yang menggunakan 50% dana zakat dan 50% dana baitulmal, dan bangunan itu disewakan, setengah (50%) dari pendapatan yang diperolehi akan dibahagikan kepada Kumpulan Wang Zakat dan 50% lagi akan dibahagikan kepada Kumpulan Wang Baitulmal (MAIN). Tambahan pula, dari nisbah dana yang digunakan, ia boleh diandaikan bahawa dua tingkat bangunan tersebut dimiliki oleh KW Zakat manakala dua tingkat lagi ialah milik MAIN (KW Baitulmal). Kedua-dua pelaburan sosial ini (iaitu PRI dan MMI) boleh dilaksanakan secara tanpa keuntungan atau keuntungan di bawah kadar pasaran (*concessionary financing*).

8.2.1. Perakaunan Pelaburan Sosial

Dari aspek perakaunan, pelaburan sosial ini tidak mengakibatkan pengelasan baru aset pelaburan sosial dalam penyata kedudukan kewangan tetapi aktiviti pelaburan sosial perlu didedahkan dalam laporan pemegang amanah dan nilai aset berkenaan hendaklah didedahkan di nota akaun. Aset MMI perlu dikenal pasti bahagian yang menjana pulangan dan hanya untuk

tujuan kebajikan. Sebagai contoh, pembinaan bangunan penginapan di luar negara seperti di Mesir perlu dikenalpasti bahagian yang disewakan untuk menjana pulangan dan hostel yang diduduki oleh asnaf pelajar tanpa caj sewa haruslah didedahkan dalam nota penyata kewangan sebagai aset MMI yang dikenalpasti bahagian yang menjana pulangan dan kebajikan.

Bagi PRI dan MMI yang dilaksanakan dalam bentuk *concessionary financing*, sekiranya pembiayaan adalah dalam tempoh setahun, tiada sebarang pelarasan perlu dibuat ke atas nilai pembiayaan. Akan tetapi, sekiranya pembiayaan melebihi tempoh setahun, SORPs memberi dua pilihan bagi entiti pembiaya atau penerima pembiayaan untuk mengiktiraf pembiayaan tersebut seperti berikut:

- i. Nilai asal (kos) pembiayaan dan dilaras dengan pembayaran balik atau sebarang keuntungan dan rosot nilai (jika ada); atau
- ii. Nilai saksama pembiayaan dan kemudiannya pada nilai yang dilunaskan berdasarkan kaedah faedah berkesan (*effective interest rate method*).

Untuk tujuan pengakaunan, pilihan (i) dicadangkan untuk diterimapakai bagi PRI dan MMI BZW selaras dengan keperluan kepada pematuhan Syariah. Pilihan (ii) mendedahkan pihak berkaitan kepada gharar dan riba apabila perlu menggunakan *effective interest method* untuk menentukan nilai pembiayaan. Bagi PRI dan MMI yang dilaksanakan dalam bentuk saham biasa atau saham keutamaan, pengukuran pelaburan boleh dilakukan seperti berikut:

- i. Nilai saksama, sekiranya ia dapat dinilai dengan pasti, atau
- ii. Nilai kos tolak rosot nilai.

Sekiranya pelaburan sosial ini dilupuskan, keuntungan pelupusan PRI boleh dikelaskan sebagai 'Pendapatan Lain'. Sebagai contoh, jika hostel asnaf dilupuskan, keuntungan atas pelupusan ini akan dimasukkan dalam 'Pendapatan Lain'. Keuntungan yang diperolehi dari pelupusan pelaburan MMI pula akan dikelaskan mengikut nisbah dana yang telah digunakan untuk membuat pelaburan MMI tersebut. Jika mengambil contoh yang sama yang telah dibincangkan terdahulu (iaitu contoh bangunan yang dibina di mana 50 peratus modalnya adalah diambil daripada KW Zakat dan 50 peratus lagi adalah daripada KW Baitumal) nisbah keuntungan daripada KW Zakat akan direkodkan sebagai "Pendapatan Lain" manakala nisbah keuntungan daripada KW Baitulmal akan direkodkan "Keuntungan dari Pelupusan Pelaburan". Kedua-dua pelupusan tersebut hendaklah mengambilkira sebarang rosot nilai (sekiranya ada).

8.3. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN (MPSAS 14)

Berdasarkan kepada MPSAS 14, terdapat empat perkara berkaitan dengan peristiwa selepas tarikh pelaporan seperti berikut:

- i. Peristiwa perlu pelarasan;
- ii. Peristiwa tidak perlu pelarasan;
- iii. Dividen yang diisytiharkan; dan
- iv. Isu mengenai usaha berterusan (*going concern*).

Oleh kerana isu berkenaan dividen dan usaha berterusan tidak berkaitan dengan MAIN, perenggan-perenggan 14 hingga ke 25 dalam MPSAS 14 dicadangkan dimansuhkan. Walaubagaimanapun, perkara berkaitan peristiwa yang perlu dan tidak perlu pelarasan, besar kemungkinan berlaku di MAIN. Oleh sebab itu, perenggan berkaitan dengan kedua-duanya adalah dicadangkan dikekalkan. Berikut adalah perbincangan mengenai peristiwa perlu pelarasan dan tidak perlu pelarasan.

8.3.1 Peristiwa perlu pelarasan

Terdapat beberapa contoh yang diberi dalam MPSAS 14 mengenai peristiwa-peristiwa selepas tarikh pelaporan yang perlu pelarasan seperti penyelesaian kes mahkamah, penerimaan selepas tarikh pelaporan di mana maklumat menunjukkan bahawa nilai aset terjejas pada tarikh pelaporan (iaitu disebabkan kebangkrutan penghutang atau jualan inventori yang berlaku selepas tarikh pelaporan), penentuan selepas tarikh pelaporan bagi kos aset yang dibeli atau hasil yang diperolehi daripada aset yang dijual sebelum tarikh pelaporan, penentuan selepas tarikh pelaporan bagi amaun hasil yang dipungut semasa tempoh pelaporan yang akan dikongsi dengan kerajaan lain di bawah perjanjian perkongsian hasil yang wujud semasa tempoh pelaporan, penentuan selepas tarikh pelaporan bagi bayaran bonus prestasi yang perlu dibuat kepada kakitangan jika entiti mempunyai kewajipan di sisi undang-undang atau kewajipan konstruktif pada tarikh pelaporan untuk membuat bayaran tersebut disebabkan oleh peristiwa yang berlaku sebelum tarikh itu dan penemuan penipuan atau kesilapan yang menunjukkan bahawa penyata kewangan adalah tidak betul.

Ada kebarangkalian semua contoh yang diberi dalam MPSAS 14 boleh berlaku dalam MAIN. Walaupun berdasarkan Penyata Kewangan 2017, tiada MAIN yang melaporkan peristiwa selepas tarikh pelaporan, besar kemungkinan kes mahkamah boleh terjadi di mana-mana MAIN. Sebagai contoh, sekiranya mahkamah telah membuat keputusan di mana entiti tersebut memperolehi kemenangan selepas tarikh pelaporan dan sebelum penyata kewangan

dikeluarkan, jumlah pampasan yang diterima haruslah diiktiraf dalam penyata kewangan pada tarikh pelaporan. Begitu juga dengan penentuan jumlah harga jualan selepas tarikh pelaporan yang boleh berlaku di MAIN. Pengiktirafan peristiwa tersebut adalah perlu dan pelarasan harus dibuat dalam penyata kewangan tarikh pelaporan.

Seterusnya, contoh peristiwa lain di mana pelarasan perlu dibuat oleh MAIN ialah kutipan wang zakat oleh ejen kutipan. Sebagai contoh, wang zakat yang diterima oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) bagi pihak MAIWP. Jika wang zakat yang diterima oleh PPZ untuk tahun berakhir pada 31 Disember 2017 hanya dihantarkan kepada MAIWP selepas tahun pelaporan dan sebelum penyata kewangan dikeluarkan, jumlah kutipan tersebut haruslah diiktiraf dalam penyata kewangan MAIWP yang berakhir pada 31 Disember 2017. Selain daripada itu, sebarang pengagihan yang dibuat selepas tahun pelaporan dan sebelum penyata kewangan dikeluarkan, haruslah diambil kira dalam tahun pelaporan dan pelarasan perlu dibuat sewajarnya. Bagi pengagihan yang telah dibuat keputusan bagi tahun semasa, ianya hendaklah direkodkan sebagai pengagihan tertunggak.

Dr. Pengagihan

Cr. Pengagihan tertunggak

Namun, menurut pemerhatian, pengagihan tersebut hanya akan diambil kira dalam tahun pengagihan dibuat. Oleh sebab itu, jumlah wang zakat yang diterima dalam tahun pelaporan menunjukkan jumlah baki yang agak tinggi dalam penyata kewangan pada tahun pelaporan. Perkara ini telah menimbulkan kritikan daripada sebahagian pemegang taruh dan juga orang awam di mana MAIN dianggap tidak cekap dalam mengendalikan wang zakat. Ingin ditekankan di sini bahawa, sekiranya pihak MAIN menganggap jumlah wang zakat yang tidak diagihkan pada tahun pelaporan sebagai peristiwa yang tidak perlu pelarasan, perkara ini haruslah dilaporkan dengan terperinci di dalam nota penyata kewangan tahun pelaporan.

Pendedahan maklumat tersebut perlu dibuat mengikut konsep *dharuriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat* yang telah dibincangkan dalam laporan Fasa 1, 2 dan 3 sebelum ini. Pelarasan ke atas terimaan wang zakat boleh dikategorikan sebagai *dharuriyyat* kerana maklumat tersebut adalah penting untuk kelangsungan kehidupan asnaf serta dana zakat yang dikumpul bertujuan untuk kemaslahatan ummah. Sekiranya konsep ini digunakan dalam pengagihan wang zakat selepas tarikh pelaporan, peristiwa tersebut haruslah dianggap sebagai peristiwa perlu pelarasan dan catatan jurnal yang perlu dibuat adalah seperti berikut:

DT Pengagihan kepada Asnaf

KT Tunai

Maklumat tersebut juga boleh meningkatkan tahap kepercayaan pemegang taruh terhadap MAIN sebagai pentadbir zakat dan ini selaras dengan kaedah fiqh yang berkaitan iaitu الحكم على الشيء فرع عن تصوره (Bermaksud: Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu perkara).

8.3.2. Peristiwa tidak perlu pelarasan

MPSAS 14 juga menyatakan bahawa jika sesebuah entiti menerima pakai dasar menilai semula harta secara tetap berasaskan nilai saksama, kejatuhan nilai saksama harta yang berlaku di antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan dan tidak perlu pelarasan. Tetapi, ianya haruslah dilaporkan dalam nota penyata kewangan. Sekiranya sesebuah entiti yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program khidmat komuniti tertentu memutuskan selepas tarikh pelaporan (tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan) untuk mengagihkan manfaat tambahan secara langsung atau tidak langsung kepada peserta dalam program tersebut, entiti tersebut tidak perlu melaraskan perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata kewangannya dalam tempoh pelaporan semasa. Sekiranya keputusan untuk pengagihan dilakukan selepas tahun semasa, pelarasan untuk agihan tahun semasa tidak perlu dilakukan. Walaubagaimanapun, sekiranya agihan tersebut adalah berkaitan kutipan tahun semasa, pendedahan maklumat tersebut di dalam nota perlu dilakukan. Konsep ini adalah berkaitan dengan konsep *hajiyyat* yang bersifat pelengkap, di mana pengabaian boleh membawa kepada kesusahan dalam kehidupan masyarakat walaupun ini tidak akan meruntuhkannya.

Dalam konteks pelaporan zakat, maklumat berkaitan transaksi berkenaan akan memberi maklumat tambahan kepada pemegang taruh untuk menilai kecekapan MAIN dalam pentadbiran zakat. Berbalik kepada contoh pengagihan wang zakat selepas tarikh pelaporan yang dibincangkan di atas, ia dianggap sebagai *hajiyyat* kerana peristiwa tersebut akan dianggap sebagai satu peristiwa yang tidak perlu pelarasan tetapi MAIN harus membuat pendedahan dalam nota penyata kewangan maklumat berkaitan peristiwa tersebut dan anggaran kesan kewangannya. Satu pernyataan harus di buat dalam nota jika anggaran tersebut tidak dapat ditentukan.

Adalah dicadangkan MAIN menyatakan dengan jelas maklumat berkenaan peristiwa yang di bincangkan di atas seperti berikut di nota Penyata Kewangan:

Jumlah baki wang zakat sebanyak RM XX yang diterima dalam tahun pelaporan merupakan wang zakat yang diterima pada akhir bulan Disember 2017. Wang zakat

tersebut akan diagihkan dalam bulan Januari 2018.

8.4. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (MPSAS 20)

Secara umumnya, peruntukan yang terdapat di dalam MPSAS 20 boleh diguna pakai oleh MAIN bagi tujuan pendedahan transaksi pihak berkaitan yang berlaku di MAIN. Sepertimana dijelaskan dalam Bab 5 (Amalan Semasa Perakaunan dan Pelaporan Kewangan), MAIWP, MAIK dan MUIP yang mempunyai anak syarikat telah membuat pendedahan berkaitan dengan pihak berkaitan di dalam Penyata Kewangan 2017. Selain daripada itu, ketiga-tiga MAIN tersebut juga telah mendedahkan transaksi dengan pihak berkaitan, termasuk pinjaman antara MAIN berkenaan dan anak syarikat. Walaupun didapati MAIN berkenaan mendedahkan kewujudan anak syarikat, penjelasan mengenai pinjaman di antara MAIN dan anak syarikatnya perlu ditambahbaik, terutamanya yang melibatkan pinjaman dengan syarat khas.

MPSAS 20 juga mewajibkan transaksi entiti dengan pihak pengurusan tertinggi (PPT), seperti pembayaran gaji dan jumlah pampasan (*remuneration*) kepada PPT didedahkan. Selain daripada itu, pinjaman kepada PPT ini perlu didedahkan jika syarat-syarat pinjaman tersebut hanya syarat-syarat khas untuk PPT. Pada masa yang sama, pinjaman kepada PPT, jika ada, mestilah dibezakan dengan jelas daripada pinjaman kepada kakitangan lain. Walaupun tidak dikehendaki secara khusus oleh MPSAS 20, pihak pengurusan tertinggi MAIN harus mengenal pasti isu tersebut seperti dalam MCCG (*Malaysian Code on Corporate Governance*) untuk memastikan akauntabiliti bagi pihak MAIN.

Sepertimana yang dijelaskan dalam Bab 6 (Keperluan Syariah dan Pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Bagi Pelaporan Kewangan), pendedahan pihak berkaitan adalah bertujuan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan kewangan, atau apa sahaja yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada harta BZW. Konsep yang telah disepakati oleh para cendekiawan Islam adalah seperti Dar al-Mafasid iaitu menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat. Firman Allah s.w.t., maksudnya:

“Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya.” (Surah al-Hud: 61).

8.5. PENDEDAHAN MAKLUMAT KEWANGAN MENGENAI SEKTOR KERAJAAN UMUM (MPSAS 22)

MPSAS 22 bertujuan untuk menetapkan keperluan-keperluan perakaunan dan pelaporan bagi

kerajaan (entiti) yang memilih untuk membentangkan maklumat berkaitan dengan sektor kerajaan dalam Penyata Kewangan Yang Disatukan. Pelaporan yang dimaksudkan adalah pelaporan berasaskan statistik dan sektor kerajaan yang dimaksudkan oleh MPSAS 22 (menerima pakai *System of National Accounts* (SNA) 1993 yang disediakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu) adalah seperti berikut:

- i. Semua entiti di bawah kerajaan (persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan);
- ii. Dana keselamatan sosial pada semua peringkat kerajaan; dan
- iii. Institusi bukan keuntungan bukan pasaran yang dikawal oleh kerajaan.

Tujuan penyata kewangan berasaskan statistik adalah untuk memberi maklumat kepada kerajaan yang akan digunakan untuk tujuan analisis dan penilaian dasar fiskal, prestasi kerajaan dan sektor awam dari pelbagai negara. Memandangkan maklumat yang perlu dibentangkan adalah bersifat makro pada peringkat kerajaan, penyelidikan berpendapat MPSAS 22 tidak relevan untuk diguna pakai oleh MAIN sebagai entiti yang mentadbir baitulmal dan zakat serta pemegang amanah wakaf di peringkat entiti. Perkara ini juga telah dibincangkan dengan pihak IPN semasa “Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan Piawaian Islam,” yang diadakan pada 19 November 2019. Oleh yang demikian, kami mencadangkan agar MPSAS 22 tidak diambil kira dalam pembangunan piawaian PPI bagi BZW.

8.6. MAKLUMAT BERKAITAN BELANJAWAN (MPSAS 24)

Bagi institusi bukan bermotifkan keuntungan, maklumat belanjawan adalah penting untuk kelangsungan pada masa hadapan. Mengambil contoh yang terhampir, kerajaan pada setiap tahun akan membentangkan maklumat belanjawan untuk tahun hadapan kepada umum pada akhir tahun semasa. Ini adalah kerana sumber pendapatan dan perbelanjaan negara adalah berkait rapat dengan masyarakat. Konsep ini juga adalah selari dengan konsep perakaunan dana kerana sumber pendapatan dan perbelanjaan sesuatu dana berkemungkinan berlainan dengan sumber pendapatan dan perbelanjaan sesuatu dana yang lain. Oleh itu, pengasingan kumpulan dana yang berlainan perlu dilakukan di peringkat kerajaan.

Senario yang sama juga boleh dilihat dalam aktiviti MAIN. Terdapat pelbagai sumber dana dalam aktiviti MAIN (BZW) dan perbelanjaan dana tersebut mempunyai objektifnya yang tersendiri. Sebagai contoh, bagi dana zakat, sumber dana zakat adalah pembayaran zakat oleh individu Muslim atau syarikat berkaitan pelbagai jenis zakat seperti zakat pertanian, zakat pendapatan, zakat emas dan perak dan sebagainya. Pengagihan dana zakat perlu diagihkan kepada lapan asnaf yang telah ditetapkan dan pengagihan dana zakat tersebut akan berdasarkan

kepada penilaian MAIN. Asnaf yang pada lazimnya menerima peruntukan terbesar dana zakat adalah asnaf fakir dan miskin. Begitu juga dengan asnaf *fi sabilillah* berdasarkan kepada penilaian semasa. Oleh kerana kutipan zakat dan pengagihannya adalah aktiviti rutin bagi Kumpulan Wang Zakat, MAIN pada dasarnya menyediakan belanjawan tahunan bagi kutipan dan agihan zakat untuk tahun berikutnya setiap tahun. Secara umumnya, maklumat belanjawan tahunan zakat adalah maklumat dalaman yang diguna pakai oleh pihak pengurusan MAIN untuk menguruskan dana zakat. Seperti yang telah penyelidik laporkan di dalam bab amalan semasa, tiada satu pun MAIN yang melaporkan maklumat belanjawan di dalam penyata kewangan tahunan.

Segala unsur ketidakpastian adalah ditegah sama sekali dalam Islam. Seperti perbincangan di dalam Bab 6 (Keperluan Syariah Dan Pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Bagi Pelaporan Kewangan), ketidakpastian telah diungkap dalam Al-Quran Surah an-Nisa (ayat 29) yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta orang lain dengan cara yang dilarang, sebaliknya berdaganglah sesama kamu dengan saling redha meredhai...”

Satu lagi peringatan telah dinyatakan dalam Surah al-Mutaffifin (ayat 1-3) yang bermaksud:

“Celakalah bagi mereka yang terlibat dengan penipuan, mereka yang ingin ketepatan semasa orang lain menimbang bagi mereka, tetapi mengurangkan timbangan apabila mereka menimbang untuk orang lain”.

Dalam konteks persembahan maklumat belanjawan MAIN yang berkaitan harta BZW, anggaran belanjawan dirasakan perlu dibuat tetapi tidak perlu didedahkan kepada masyarakat umum kerana dikhuatiri mengundang pelbagai tanggapan negatif atau kesangsian pihak masyarakat terhadap pengurusan harta-harta BZW oleh MAIN. Penyelidik berpendapat maklumat belanjawan adalah maklumat dalaman yang diguna pakai oleh pihak pengurusan dana zakat. Ia tidak perlu dilaporkan di dalam penyata kewangan tahunan kerana ia bersifat subjektif dan sensitif. Contohnya, dalam membuat unjuran kutipan dana zakat MAIN boleh mengunjurkan berdasarkan jumlah bilangan orang Islam dalam sesuatu kawasan. Walaubagaimanapun, sama ada MAIN dapat mengutip zakat daripada individu adalah bergantung kepada keputusan individu Muslim tersebut. MAIN pada dasarnya mengambil dasar yang lebih ringan berbanding penegasan yang lebih berat dalam membentuk pemahaman umat Islam berkaitan kewajipan berzakat. Contohnya, sekiranya MAIN menganggarkan terdapat 100,000 orang penjawat awam di negeri berkenaan yang wajib membayar zakat dan

secara purata setiap seorang penjawat awam dianggarkan membayar zakat sebanyak RM500, MAIN boleh menganggarkan kutipan zakat daripada penjawat awam sebanyak RM50,000,000. Anggaran ini boleh membantu MAIN di dalam meningkatkan kecekapan mereka di dalam aktiviti kutipan. Walaubagaimanapun, maklumat ini tidak perlu didedahkan secara umum kerana dasar MAIN secara umumnya pada masa sekarang adalah lebih kepada meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang kepentingan zakat di dalam membentuk socio-ekonomi sesebuah masyarakat.

Berdasarkan kepada hujah di atas, penyelidik berpendapat MPSAS 24 adalah tidak relevan buat masa kini untuk institusi BZW. Sekiranya isu ini hendak diambil kira, penyelidik berpendapat ianya hanya tertakluk kepada pendedahan yang digalakkan di dalam nota penyata tahunan. Tambahan pula, keperluan perakaunan di dalam MPSAS 24 perlu diringkaskan. Sebagai contoh, perenggan 14(a) perlu diringkaskan daripada “*The original and final budget amounts*” kepada “*The final budget amounts*”. Di samping itu, keperluan perakaunan di dalam perenggan 21 perlu dipermudah di mana maklumat perbandingan di antara amaun dianggarkan dan amaun sebenar hanya perlu didedahkan dalam nota kepada penyata tahunan. Perenggan 29 perlu digugurkan kerana fokus hanyalah kepada maklumat belanjawan akhir.

8.7. PENYATA KEWANGAN BERASINGAN (MPSAS 34)

Kami berpendapat isu utama adalah definisi penyata kewangan berasingan. Berdasarkan MPSAS 34, definisi penyata kewangan berasingan boleh dirujuk kepada perenggan 7. Dalam perenggan 7, ianya dinyatakan dengan jelas bahawa penyata kewangan berasingan boleh berlaku dalam tiga (3) keadaan:

- i. Penyata kewangan berasingan adalah penyata kewangan tambahan kepada penyata kewangan disatukan, atau
- ii. Penyata kewangan tambahan kepada penyata kewangan entiti yang tidak mempunyai entiti dikawal, tetapi mempunyai entiti bersekutu atau usahasama yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti berdasarkan MPSAS 36, atau
- iii. Sesuatu entiti yang dikecualikan mengikut perenggan 5 di dalam MPSAS 35, daripada menyediakan penyata kewangan yang disatukan, atau perenggan 23 di dalam MPSAS 36, daripada menggunakan kaedah ekuiti, boleh mempersembahkan penyata kewangan berasingan sebagai satu-satunya penyata kewangannya (perenggan 9, MPSAS 34).

Berdasarkan definisi di atas, penyelidik menyimpulkan bahawa berdasarkan kepada amalan

semasa MAIN, MAIN menyediakan penyata kewangan berasingan berdasarkan keadaan (i) di atas. Kesimpulan yang pertama, bagi MAIN yang mempunyai anak syarikat, sekiranya mereka menyediakan penyata kewangan tambahan di samping penyata kewangan yang disatukan, penyata kewangan tambahan itu boleh dianggap sebagai penyata kewangan berasingan. Kesimpulan yang kedua, sekiranya MAIN tersebut tidak mempunyai entiti yang dikawal, atau entiti bersekutu atau usahasama, konsep penyata kewangan berasingan tidak relevan bagi MAIN tersebut. Sebagai contoh MAIDAM yang tidak mempunyai entiti yang dikawal, entiti bersekutu atau usahasama tidak perlu menyediakan penyata kewangan berasingan.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan konsep perakaunan dana, definisi penyata kewangan berasingan adalah sama sekali berbeza daripada definisi di atas berdasarkan MPSAS 34. Pertama, apa yang lebih penting adalah kewujudan kumpulan wang yang berbeza. Konsep entiti dikawal, entiti bersekutu atau usahasama adalah sekunder dan ianya akan tertakluk kepada kumpulan wang. Oleh itu, apa yang lebih penting bagi aktiviti MAIN ialah kewujudan kumpulan wang yang berbeza, tertakluk kepada kajian ini, adalah KW Baitulmal, KW Zakat dan KW Wakaf. Kedua, sama ada MAIN mempunyai anak syarikat, syarikat bersekutu atau usahasama adalah tidak penting. Apa yang lebih penting adalah MAIN mempunyai kumpulan wang yang berbeza dan MAIN dikehendaki menyediakan penyata kewangan yang berasingan bagi setiap KW yang ditadbir. Kesimpulannya, penyata kewangan berasingan adalah penyata kewangan yang lengkap bagi setiap Kumpulan Wang dalam konteks perakaunan dana.

Penyediaan penyata kewangan berasingan adalah selari dengan kaedah fiqh ‘الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر’ (Bermaksud: Sesuatu perkara itu ditentukan oleh niat atau objektif ia dilaksanakan). Bagi mencapai Maqasid Syariah, penyediaan penyata kewangan berasingan bagi setiap kumpulan wang boleh dianggap sebagai keperluan *dharuriyyah* iaitu sangat penting. Walaupun bagaimanapun, kami sebagai penyelidik berpendapat definisi mengenai penyata kewangan berasingan perlu dimuktamadkan terlebih dahulu sebelum perubahan dan pembangunan piawaian perakaunan institusi BZW. Ini adalah penting kerana sekiranya konsep perakaunan dana diamalkan, konsep kumpulan wang akan menjadi konsep utama, manakala konsep penyata kewangan yang disatukan iaitu melibatkan anak syarikat akan menjadi konsep sekunder dan akan tertakluk kepada konsep Kumpulan Wang. Jadual 8.1 berikut merumuskan cadangan ke atas MPSAS 34. Konsep penyediaan penyata kewangan berasingan dan penyata kewangan disatukan yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada Rajah 8.2. Perubahan signifikan yang dimaksudkan adalah terhadap penyata kewangan utama, bukan penyata kewangan tambahan. Oleh itu, berdasarkan Rajah 8.2, lapisan pertama adalah penyata kewangan berasingan. Lapisan kedua adalah penyatuan penyata kewangan berasingan dengan

penyata kewangan anak syarikat di dalam setiap kumpulan wang.

Jadual 8.1: Cadangan ke atas MPSAS 34

PIAWAIAN DAN ISU	AMALAN	CADANGAN PIAWAIAN	KEPERLUAN SYARIAH
<p>1. Fakta yang menyatakan bahawa ia adalah penyata kewangan berasingan (Para. 20(a))</p> <p>2. Penyataan mengenai pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan disatukan (Para. 20(a))</p>	<p>Tidak dinyatakan dengan jelas. Secara tersurat, bagi MAIN yang menyediakan penyata kewangan yang disatukan, penyata kewangan MAIN sendiri adalah penyata kewangan berasingan.</p>	<p>Konsep penyata kewangan berasingan di dalam MAIN adalah agak berbeza kerana ia adalah berdasarkan Kumpulan Wang. Perubahan signifikan perlu dilakukan ke atas MPSAS 34. Contoh: Para. 6 (Definisi) Penyata kewangan berasingan adalah penyata kewangan lengkap bagi setiap kategori Kumpulan Wang seperti Zakat, Wakaf dan Pentadbiran / Sumber Am. Penyelidik mencadangkan agar penyata kewangan berasingan yang lengkap didedahkan di dalam nota. Penyata tersebut boleh digabungkan di dalam muka penyata kewangan.</p>	<p>Oleh kerana setiap kumpulan wang adalah dana yang berbeza dengan objektif yang berbeza, penyata kewangan berasingan adalah keperluan. Oleh itu penyediaan penyata kewangan berasingan bukanlah disebabkan pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan disatukan.</p>

8.8 PENYATA KEWANGAN DISATUKAN (MPSAS 35)

Berdasarkan Penyata Kewangan 2017, kesemua MAIN Zon 3 mempunyai anak syarikat kecuali MAIDAM. Walau bagaimanapun, hanya dua MAIN iaitu MAIWP dan MUIP melakukan pelaburan secara aktif dalam anak syarikat. Kedua-dua MAIWP dan MUIP mempunyai lapan anak syarikat dalam pelbagai industri termasuk pendidikan, perladangan, perhotelan, kesihatan dan sebagainya. Secara keseluruhannya, pemilikan dalam anak syarikat ini adalah 100% melainkan dua anak syarikat di bawah MUIP iaitu Pahang Medical Centre (90%) dan Kampong Aur Oil Palm Company (Sdn) Bhd (KAOP) (59%).

Lanjutan kepada perbincangan mengenai penyata kewangan berasingan di seksyen 8.7 sebelum ini, penyelidik akan membincangkan cadangan mengenai penyata kewangan disatukan. Cadangan ini selari dengan konsep perakaunan dana. Apa yang penting dalam konsep perakaunan dana ialah institusi mempunyai sumber dana yang pelbagai dan menghendaki penyediaan penyata kewangan yang lengkap untuk setiap kumpulan wang. Setiap kumpulan wang adalah entiti yang berbeza dengan fungsi dan objektif yang berbeza tetapi unik. Oleh itu, sekiranya dana satu Kumpulan Wang telah digunakan untuk membentuk satu anak syarikat, maka penyatuan penyata kewangan perlu dilakukan di peringkat Kumpulan Wang yang membuat penajaan.

Terdapat tiga isu penting yang ingin dibincangkan di sini. Pertama ialah isu berkaitan konsep kawalan yang melibatkan entiti pengawal dan entiti dikawal. Berdasarkan kepada perenggan 20, MPSAS 35, terdapat tiga kriteria bagi menentukan sesuatu entiti itu mempunyai kawalan ke atas entiti yang lain. Kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kuasa atas entiti lain (lihat perenggan 23-29)
- ii. Pendedahan atau hak, terhadap faedah berubah dari penglibatannya dengan entiti lain (lihat perenggan 30-34); dan
- iii. Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti lain untuk mempengaruhi sifat atau jumlah faedah daripada penglibatannya dengan entiti lain (lihat perenggan 35-37).

Berdasarkan kepada ilustrasi contoh yang diberi dalam MPSAS 35, terdapat beberapa keadaan yang cuba digambarkan bagi memahami konsep kawalan di dalam aktiviti sesuatu entiti.

Penggunaan perenggan 24 boleh digunapakai di dalam kebanyakan situasi di mana MAIN mempunyai kuasa penuh ke atas anak syarikat (~~iaitu~~ di mana pemilikan adalah 100%). Walau bagaimanapun terdapat juga keadaan di mana MAIN tidak mempunyai pemilikan saham majoriti di dalam anak syarikat, tetapi anak syarikat tersebut dianggap di bawah kawalan MAIN berdasarkan kepada beberapa faktor lain. Keadaan tersebut akan digambarkan di dalam ilustrasi contoh.

Ilustrasi Contoh 1

MAIN XYZ menubuhkan sebuah Syarikat Berhad dengan jaminan, iaitu Yayasan ABC, bagi mewakili MAIN XYZ di dalam aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kebajikan dan sosial kepada

masyarakat di seluruh Malaysia. Dana peruntukan disumbangkan oleh MAIN XYZ. Antara aktiviti-aktiviti Yayasan ABC adalah membantu pesakit kronik di seluruh Malaysia dengan memberikan bantuan kewangan dan alatan perubatan untuk membantu mangsa-mangsa banjir. Yayasan ABC adalah anak syarikat MAIN XYZ kerana MAIN XYZ mempunyai kawalan ke atas Yayasan ABC.

Ilustrasi Contoh 2

MAIN DEF menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu Pusat Zakat ABC. Pusat Zakat ABC diberikan kuasa sepenuhnya di dalam hal-hal yang berkaitan kutipan dan agihan zakat. MAIN cuma memainkan peranan yang minimal di dalam hal-hal yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat. Contohnya, MAIN hanya menguruskan hal yang berkaitan dengan qada' zakat. Di dalam isu ini, walaupun Pusat Zakat ABC diberikan kebebasan dan kuasa sepenuhnya di dalam pengurusan zakat, ini tidak bermakna ia tidak dikawal oleh MAIN DEF. Ilustrasi ini menerangkan tentang perenggan 25, MPSAS 35.


Ilustrasi Contoh 3

Berdasarkan kepada keputusan mahkamah, pemilikan saham oleh MAIN PQR di dalam syarikat bersekutu DEF telah meningkat daripada 40% kepada 60%. Berdasarkan kepada peratusan pemilikan saham, MAIN PQR telah memiliki saham majoriti di dalam syarikat DEF. Walau bagaimanapun, majoriti ahli lembaga pengarah masih dikuasai oleh pemegang saham majoriti sebelumnya iaitu Syarikat ABC. MAIN PQR menganggap Syarikat DEF masih syarikat bersekutu di dalam tahun pelaporan kerana masih belum menguasai kuasa di dalam polisi kewangan dan operasi Syarikat DEF. Ilustrasi ini dapat memberikan penerangan terhadap perenggan 26, MPSAS 35 di mana hak pemilikan semata-mata tidak dapat memberikan kawalan terhadap anak syarikat tersebut.

Ilustrasi Contoh 4

MAIN PQR telah melantik Syarikat ABC untuk menguruskan sebuah bangunan wakaf. Sebagai balasan Syarikat ABC telah memberikan 30% saham miliknya kepada MAIN PQR. Walaubagaimanapun MAIN PQR tidak terlibat di dalam pengurusan bangunan wakaf tersebut. Di dalam keadaan ini, MAIN PQR tidak merekodkan Syarikat ABC sebagai syarikat bersekutu kerana tidak mempunyai pengaruh yang signifikan di dalam syarikat tersebut.

Rajah 8.1: Amalan Semasa Penyatuan Akaun di MAIN




Secara umumnya struktur MAIN berkaitan dengan amalan semasa penyediaan penyata kewangan disatukan adalah seperti Rajah 8.1 di atas. Berikut adalah hasil kajian amalan semasa perakaunan dana di setiap MAIN:

- iv. MAIN mempunyai rekod kewangan yang lengkap berkaitan ketiga-tiga KW BZW;
- v. Walaubagaimanapun, pendedahan penyata kewangan untuk setiap kumpulan wang berkenaan tidak dibuat dengan lengkap dan jelas dalam penyata kewangan;
- vi. Tahap pelaporan penyata kewangan KW BZW adalah tidak seragam dan lengkap; dan
- vii. Rekod perakaunan ketiga-tiga kumpulan wang ini digabungkan menjadi penyata kewangan MAIN.

Apabila maklumat berasingan untuk kumpulan wang tidak dinyatakan dengan jelas dan ianya hanya digabungkan menjadi penyata kewangan MAIN, hubungan maklumat tersebut menjadi kabur. Konsep penggabungan akan menjadikan maklumat lebih ringkas dan memudahkan untuk digunakan dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, ianya bercanggah dengan konsep perakaunan dana yang memerlukan maklumat lebih terperinci untuk setiap kumpulan wang. Ianya bersesuaian dengan konsep pelaporan segmen. Oleh itu penyelidik berpendapat maklumat kumpulan wang adalah yang utama dan perlu jelas di dalam penyata kewangan MAIN. Konsep penyatuan penyata kewangan perlu dilakukan di dalam Kumpulan Wang seperti yang digambarkan di dalam Rajah 8.2.

Rajah 8.2: Penyatuan Akaun MAIN berdasarkan KW



Cadangan di atas adalah selari dengan kaedah fiqh **اليقين ال يزول بالشك** (Maksud: Keyakinan tidak dapat digugurkan dengan keraguan). Segala transaksi bagi setiap kumpulan wang hendaklah didedahkan untuk menjelaskan segala yang berlaku ke atas harta-harta BZW. Pendedahan ini juga memudahkan pemegang taruh menilai kedudukan kewangan kumpulan wang tersebut dan seterusnya yakin terhadap segala pengurusan harta BZW yang diamanahkan kepada MAIN.

Isu kedua adalah berkaitan prosedur penyatuan. Di antara prosedur penting di dalam penyatuan penyata kewangan adalah penghapusan sepenuhnya intra-ekonomi aset entiti, liabiliti, aset bersih / ekuiti, hasil, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan urusan antara entiti entiti ekonomi (economic entities). Terdapat beberapa isu berkaitan dengan penghapusan sepenuhnya di dalam penyatuan penyata kewangan berkaitan dengan aktiviti MAIN.

Pertama, oleh kerana penyediaan penyata kewangan berasingan adalah berdasarkan kumpulan wang dan menjadi lapisan pertama, dan proses penyatuan penyata kewangan adalah lapisan kedua berdasarkan kumpulan wang (sila rujuk Rajah 8.2), transaksi di antara entiti daripada kumpulan wang yang berbeza tidak akan dihapuskan di dalam proses penyatuan penyata kewangan. Sila rujuk contoh di bawah.

Ilustrasi Contoh 5

KW Wakaf ingin membangunkan sebuah bangunan wakaf di atas sebidang tanah wakaf daripada kutipan wakaf tunai. Kos pembinaan bangunan wakaf tersebut adalah sebanyak RM2 juta. Kutipan wakaf tunai adalah sebanyak RM1 juta. Oleh itu, KW Wakaf kekurangan RM1

juta dan meminjam sebanyak RM1 juta daripada KW Zakat. Berdasarkan kepada transaksi tersebut KW Wakaf akan merekodkan “pemiutang” sebanyak RM1 juta dan KW Zakat akan merekodkan “penghutang” sebanyak RM1 juta. Transaksi ini tidak akan dihapuskan kerana ianya berkaitan dua kumpulan dana yang berlainan.

Kedua, sekiranya anak syarikat di bawah KW Baitulmal membayar zakat kepada KW Zakat, transaksi ini juga tidak akan dihapuskan. Walaubagaimanapun, sekiranya anak syarikat daripada KW Zakat membayar zakat kepada KW Zakat, transaksi ini akan dihapuskan sepenuhnya. Sila rujuk contoh berikutnya.

Ilustrasi Contoh 6

Sementara menunggu agihan bagi wang zakat yang telah dikutip, Pusat Kutipan Zakat PQR (anak syarikat MAIN XYZ) telah melaburkan wang tersebut di dalam deposit tetap jangka pendek. Sepanjang tahun kewangan semasa, Pusat Kutipan Zakat PQR telah menerima keuntungan sebanyak RM500,000 hasil daripada pelaburan tersebut. Pusat Kutipan Zakat PQR telah membayar zakat sebanyak RM12,500 kepada MAIN. Transaksi ini perlu dihapuskan sepenuhnya di dalam penyatuan penyata kewangan bagi Kumpulan Wang Zakat.

Isu ketiga berkaitan pendedahan maklumat berkaitan kawalan minoriti. Penyelidik mendapati maklumat berkaitan kawalan minoriti adalah terbatas. Oleh kerana itu, penyelidik mencadangkan agar maklumat berkaitan maklumat minoriti perlu kepada penambahbaikan. Kedua-dua isu tersebut disimpulkan di dalam Jadual 8.2 di bawah.

Jadual 8.2: Cadangan Piawaian Mengatasi Isu Kawalan dan Pendedahan Maklumat

PIAWAIAN DAN ISU	AMALAN	CADANGAN PIAWAIAN	KEPERLUAN SYARIAH
<p>1. Merangkumi entiti mengawal dan entiti-entiti yang dikawal (Para. 14)</p> <p>2. Konsep entiti pengawal dan entiti dikawal adalah berdasarkan konsep kawalan yang dinyatakan di dalam perenggan 18, 19 dan 20.</p>	<p>Tidak dinyatakan dengan jelas. Secara tersurat, bagi MAIN yang menyediakan penyata kewangan yang disatukan, MAIN adalah entiti mengawal manakala syarikat subsidiari adalah entiti yang dikawal.</p>	<p>Konsep penyata kewangan disatukan di dalam MAIN adalah agak berbeza kerana ia adalah berdasarkan Kumpulan Wang. Sedikit perubahan perlu dilakukan ke atas MPSAS 35.</p> <p>Contoh: Para. 14 (Definisi) Definisi entiti ekonomi di dalam Penyata Kewangan Disatukan perlu berdasarkan kepada Kumpulan Wang.</p> <p>Penyelidik mencadangkan agar Penyata Kewangan Disatukan dilakukan pada tahap kumpulan wang iaitu untuk setiap Kumpulan Wang Utama (i.e. Zakat, Wakaf dan Baitulmal).</p>	<p>Sila rujuk Struktur Tadbir Urus Kepentingan MAIN</p> <p>Adakah MAIN entiti mengawal atau KW?</p>
<p>3. Kepentingan minoriti dibentangkan (Para. 47)</p>	<p>Maklumat mengenai kepentingan minoriti dibentangkan.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, maklumat hanya terhad kepada maklumat pegangan saham di dalam entiti yang dikawal.</p>	<p>Penyelidik mencadangkan agar maklumat naratif didedahkan bersama dengan maklumat kuantitatif.</p> <p>Contoh: MUIP mempunyai pegangan 90% di dalam Pahang Medical Centre. Terdapat 10% kepentingan minoriti. Siapakah pemegang saham minoriti ini dan atas dasar apakah mereka memiliki saham tersebut?</p>	<p>Untuk memenuhi kepentingan akauntabiliti, maklumat naratif perlu didedahkan berkaitan kepentingan minoriti.</p>

8.9 PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU DAN USAHASAMA (MPSAS 36)

Berdasarkan Penyata Kewangan 2017 bagi keempat-empat MAIN (MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP), hanya MUIP yang mempunyai pelaburan dalam syarikat bersekutu dan telah dilaporkan di dalam Penyata Kewangan (iaitu Penyata Kedudukan Kewangan) MUIP. MUIP mempunyai dua syarikat bersekutu: (1) Kampong Air Oil Palm Company (Sdn) Berhad (KAOP) dengan 59% pemilikan melalui keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 November 2017, dan (2) MUIP Hotel Sdn Bhd (MHSB). Walaupun pemilikan MUIP melebihi 50% tetapi MUIP telah mengakaunkan KAOP sebagai syarikat bersekutu memandangkan majoriti ahli lembaga pengarahnya adalah terdiri dari pengarah Far Eastern Holdings Berhad (FEHB). Bagi MHSB pula, terdapat perubahan pemilikan dari 40% kepada 100% pada tahun yang sama (iaitu 2017). MUIP telah mengambil alih 60% pemilikan dan ini menjadikan MUIP sebagai pemilik penuh MHSB. Bagi pelaburan usahasama, tiada sebarang pendedahan dibuat di dalam Penyata Kewangan 2017 MAIN yang berkaitan.

Secara umumnya, perenggan-perenggan yang terdapat dalam MPSAS 36 boleh diguna pakai untuk tujuan penetapan asas perakaunan bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama. MPSAS 36 mencadangkan kaedah ekuiti untuk mengiktiraf pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama. Kaedah ekuiti tidak digunakan untuk mengakaunkan pelaburan sekiranya pelaburan tidak lagi berada dalam kategori syarikat bersekutu atau usahasama disebabkan beberapa perkara seperti pertukaran pemilikan kepada entiti yang dikawal, baki pelaburan dikategorikan sebagai instrumen kewangan atau entiti pelabur berhenti menggunakan kaedah ekuiti. Kajian ini mencadangkan tambahan perkara pelupusan pelaburan berkaitan ketidakpatuhan Syariah yang menyebabkan kaedah ekuiti tidak digunakan sepertimana dipamerkan dalam Jadual 8.3 berikut:

Jadual 8.3: Cadangan Pelupusan Pelaburan Berkaitan Ketidakpatuhan Syariah

No	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	MPSAS 36 menetapkan penggunaan kaedah ekuiti untuk mengakaun pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama. Perenggan 26 menyatakan penggunaan kaedah ekuiti boleh tidak diguna pakai atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perkara 26(a) – (c). Tidak dinyatakan di sini sekiranya entiti terpaksa melupuskan pelaburan kerana terdapat aktiviti tidak	Tambahan perenggan bagi menerangkan kesan pelaburan tidak patuh Syariah	Pelaburan dalam Islam patuh Syariah iaitu bebas dari kesemua kategori riba, gharar, <i>ghabn fahish</i> yang berpunca daripada <i>taghrir</i> , <i>ikhtikar</i> dan tidak terlibat dalam aktiviti <i>maysir</i> .

	<p>patuh Syariah oleh syarikat bersekutu atau usahasama dan dengan itu kaedah ekuiti tidak lagi diguna pakai.</p>		<p>Pelaburan yang didapati tidak patuh Syariah hendak dilupuskan dengan segera. Sekiranya terdapat sebarang keuntungan kapital atau pulangan (dividen), ianya tidak boleh diiktiraf sebagai hasil pelaburan entiti pelabur tetapi hendaklah disalurkan ke badan kebajikan. Entiti pelabur hanya boleh mendapatkan semula harga kos pelaburan asal.</p>
--	---	--	--

Sepertimana yang dibincangkan di soroton literatur, konsep pelaburan sosial yang berteraskan kebajikan adalah sangat relevan dengan institusi BZW yang diterajui oleh MAIN. Terdapat dua cadangan penambahan ke atas perenggan sedia ada dalam MPSAS 36 untuk tujuan pelaburan sosial seperti yang dipamerkan dalam Jadual 8.4 berikut:

Jadual 8.4: Cadangan Tambahan Berkaitan Pelaburan Sosial

No	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Perenggan 12 (a) – (e) MPSAS 36 menyatakan indikasi-indikasi pengaruh penting yang merupakan elemen utama bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu. Antara indikasi yang dinyatakan ialah representasi entiti pelabur dalam lembaga pengarah syarikat bersekutu.</p> <p>Bagi pelaburan sosial, representasi di entiti kebajikan, ahli Lembaga pemegang amanah boleh menggantikan representasi kuasa.</p>	<p>Tambahan perkara di perenggan 12 bagi menerangkan representasi di entiti kebajikan.</p>	<p>Pengaruh penting (<i>significant influence</i>) dalam organisasi kebajikan boleh diwakili oleh lantikan lembaga pemegang amanah (SORPs FRS 110; 29.9)</p>
2.	<p>MPSAS 36 tiada sebarang perenggan berkaitan pelaburan sosial. PPI dicadangkan untuk membuat keterangan secara <i>explicit</i> mengenai pelaburan sosial atau sosioekonomi umat Islam.</p>	<p>Tambahan perenggan.</p>	<p>Berdasarkan SORPs FRS 110; 29.11 kepentingan usahasama kebajikan direkod sebagai dana terhad (<i>restricted funds</i>) oleh entiti pelabur.</p>

8.10 PENGATURAN BERSAMA (MPSAS 37)

Pengaturan bersama boleh dikelaskan kepada usahasama dan operasi bersama dengan merujuk kepada aspek ‘kawalan bersama (*joint control*)’ dan ‘perjanjian (*binding arrangement*)’ (perenggan 19). Perenggan 20 menyatakan dalam menentukan sama ada pengoperasian bersama adalah operasi bersama atau usahasama, penilaian ke atas tahap kawalan bersama dan terma perjanjian iaitu hak ke atas asset dan obligasi pelunasan tanggungan hendaklah dibuat dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang bekerjasama. Pengoperasian bersama boleh dijalankan sama ada melalui entiti berasingan (*separate vehicle*) atau sebaliknya (AG12-AG14). Secara asasnya kedua-dua elemen kawalan bersama dan perjanjian dalam pengaturan bersama ini tidak bertentangan dengan konsep perjanjian dalam Islam. Dari sudut pandangan Islam, setiap perjanjian hendaklah memenuhi rukun kontrak Islam iaitu *Ijab* dan *Qabul*, pihak yang berkontrak, objek/perkara yang diingini (*subject matter*), serta harga yang jelas. Dalam sesuatu perjanjian, kaedah Fiqh yang digunapakai ialah; *الأمر بمقاصدها* (Maksud: Sesuatu perkara itu ditentukan oleh objektifnya) dan *الأصل في العقود رضا المتعاقدين, وموجبها ما أوجباه* (Maksud: Secara umumnya, sesuatu kontrak adalah sah sekiranya terdapat persefahaman antara dua (2) pihak termasuk syarat-syarat yang dipersetujui).

Dalam konteks MAIN, kerjasama samada dalam bentuk operasi bersama atau usahasama dengan pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan, sektor swasta, agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri atau sesama MAIN adalah sangat relevan pada masa ini terutamanya dalam melaksanakan tanggungjawab pembangunan sosio-ekonomi. Dalam menjalankan kerjasama tersebut, dua perkara yang perlu diteliti iaitu (i) struktur pengoperasian bersama dan (ii) terma perjanjian. Pertama, walaupun pengoperasian bersama boleh dilaksanakan sama ada dengan menubuhkan entiti berasingan atau sebaliknya, dalam konteks MAIN ianya bergantung kepada peruntukan Enakmen atau Undang-Undang tubuh MAIN berkaitan. Entiti berasingan untuk menjalankan aktiviti hanya boleh ditubuhkan sekiranya diperuntukan dalam Enakmen pentadbiran MAIN berkaitan atau sekiranya tidak ada peruntukan, maka perlu dibuat pindaan kepada Enakmen.

Kedua, terma perjanjian mengenai hak pihak yang bekerjasama ke atas asset dan obligasi pelunasan tanggungan boleh diguna pakai dalam konteks MAIN bergantung kepada struktur pengaturan bersama. Terma-terma hendaklah dinyatakan dengan jelas sepertimana yang ditetapkan oleh Syariah dalam urusan muamalat (rujuk Seksyen 8.1). Sebagai pentadbir BZW yang perlu memastikan muamalat adalah patuh Syariah, MAIN dicadangkan untuk

menggunakan terma perjanjian berdasarkan kontrak sewa (*Ijarah*), perkongsian (*Musyarakah*), pembuatan atau pertanian (*Istisna' /Salam*), kamanah (*Wadiyah yad Amanah, Wadiyah yad Dhamanah*), perkhidmatan (*Wakala*), dan pelbagai jenis kontrak lain. Berikut adalah ilustrasi kontrak berkenaan dalam konteks MAIN:

Ilustrasi 1 (*Ijarah*)

MAIN ABC bercadang mengendalikan projek pertanian secara fertigasi untuk asnaf. Walaubagaimanapun MAIN ABC tidak mempunyai tanah yang sesuai untuk tujuan tersebut. Syarikat A mempunyai sebidang tanah dan bersetuju untuk bekerjasama dengan MAIN ABC dengan menyewakan tanah tersebut kepada MAIN ABC. Sewa yang dibayar kepada Syarikat A dipersetujui bersama digunakan untuk menampung perbelanjaan projek pertanian fertigasi asnaf. Penyewaan tanah ini boleh menggunakan kontrak *ijarah*.

Ilustrasi 2 (*Musyarakah mutanaqisah*)

MAIN PQR boleh bekerjasama dengan Bank XYZ untuk projek pembangunan rumah asnaf. Kedua-dua MAIN PQR dan Bank XYZ boleh melaksanakan projek pembangunan tersebut dengan menubuhkan entiti berasingan (bergantung kepada Enakmen) untuk projek berkenaan. Perjanjian (pembinaan) *Musyarakah mutanaqisyah* memerlukan Bank XYZ dan MAIN PQR membuat perjanjian pemilikan bersama rumah-rumah asnaf yang dipersetujui bersama. MAIN PQR akan membeli pemilikan secara beransur sepanjang tempoh yang dipersetujui oleh kedua pihak dan diakhir tempoh pemilikan dipunyai sepenuhnya oleh MAIN PQR. Rumah-rumah ini bolehlah disewakan atau diserahkan kepada asnaf bergantung kepada tujuan asal projek.

Ilustrasi 3 (*Kontrak Istisna' /Salam*)

MAIN DEF mahu mendapatkan pakaian seragam sekolah untuk projek pakaian seragam anak-anak asnaf. MAIN DEF boleh bekerjasama dengan pembekal pakaian seragam (Pembekal X) bersandarkan kontrak *istisna'* (pembuatan).

Kontrak *istisna'* (pembuatan) adalah lebih sesuai di mana spesifikasi barangan (pakaian) seperti kuantiti, kualiti, harga, dan tarikh serahan perlu jelas dan dipersetujui pada awal perjanjian. Harga akan dibayar setelah barangan selesai diperbuat dan diserahkan oleh Pembekal X kepada MAIN DEF.

Perjanjian Salam pula boleh digunakan sekiranya MAIN DEF ingin membeli beras atau buah-

buah secara langsung daripada petani/pesawah Z untuk dibekalkan kepada golongan asnaf di mana stok beras masih belum ada dan akan diserahkan pada masa hadapan. Dalam hal ini MAIN DEF boleh menandatangani kontrak Salam. Kontrak ini diharuskan bagi barangan yang memerlukan masa untuk dihasilkan seperti makanan atau haiwan (Mazhab *Syafie*). Seperti kontrak Istisna', segala spesifikasi barangan perlu jelas dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Berbeza dengan kontrak Istisna', MAIN DEF perlu membayar harga penuh kepada petani/pesawah Z semasa menandatangani kontrak Salam. Tambahan pula, setiap keputusan yang dibuat haruslah mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak termasuklah keputusan kepada asnaf mana agihan perlu dibuat. Di dalam contoh yang pertama misalnya, Pembekal X juga mempunyai hak di dalam menentukan jenis dan kualiti kain yang akan digunakan di dalam membuat pakaian seragam.

Ilustrasi 4 (Wadiah Yad Amanah)

MAIN JKL menerima sumbangan barangan berharga dan dengan itu memerlukan tempat simpanan yang selamat untuk memastikan barangan berkenaan dalam keadaan selamat. MAIN JKL boleh bekerjasama dengan sektor swasta yang menawarkan khidmat penyimpanan barangan berharga, Company Z, menggunakan kontrak Wadiah Yad Amanah (amanah). MAIN JKL akan membayar fi yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Ilustrasi 5 (Wakalah)

MAIN ABC boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam urusan mengagihkan zakat menggunakan kontrak *wakalah*. Sebagai contoh, MAIN ABC boleh melantik NGO X untuk mengagihkan zakat kepada asnaf muallaf di pedalaman Sabah dan Sarawak. Dalam konteks ini NGO X dilantik sebagai ejen kepada MAIN ABC dalam pengagihan zakat dan akan dibayar fi sepertimana yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Berdasarkan pelaporan Penyata Kewangan 2017, terdapat aktiviti pengaturannya bersama di MAIDAM di antara MAIDAM dan Argon Sdn Bhd bagi tujuan pembinaan hotel di atas tanah wakaf di Kuala Terengganu bermula pada tahun 2010 berasaskan konsep Build Operate Transfer (BOT). Selain MAIDAM, tiada pendedahan mengenai kedua-dua aktiviti usahasama dan operasi bersama di dalam Penyata Kewangan 2017 MAIWP, MAIK dan MUIP.

Walaupun bagaimanapun, temubual dengan pegawai pembangunan MAIK mendapati MAIK bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam melaksanakan projek

pembangunan asnaf yang dikenali sebagai Desa Alam Shah di Kampung Gong Jenerah, Bukit Awang, Pasir Putih sejak tahun 2016. MAIK menyediakan tapak pembangunan dan LZS menyediakan dana pembangunan projek untuk mendirikan 30 rumah peserta projek (i.e. asnaf). Kedua-dua MAIK dan LZS mengawal bersama projek pembangunan berkenaan. Projek ini tidak didedahkan di dalam pelaporan kewangan MAIK.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan perjanjian di antara MAIN dengan pihak-pihak yang berkaitan terutamanya dalam pengaturan bersama perlu dibuat berdasarkan perjanjian patuh Syariah sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 8.5 berikut.

Jadual 8.5: Cadangan Penambahan Perenggan Pengaturan Bersama ke atas MPSAS 37

No	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Sebarang pengaturan usahasama yang dibuat oleh MAIN dicadang berdasarkan perjanjian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Musyarakah;</i> <i>ii. Mudharabah;</i> <i>iii. Bay Istisna'/Salam</i> <i>iv. Wadiah yad Amanah;</i> <i>v. Wakala</i> <i>vi. Ijarah</i> <p>Perjanjian dalam Islam lebih jelas dari aspek pelaburan atau perkongsian modal serta pulangan.</p>	Penambahan perenggan.	Pengiktirafan pengaturan bersama dibuat berdasarkan kepada <i>binding arrangement</i> yang dipersetujui.

Seterusnya, MAIN sebagai pentadbir dana BZW iaitu tunjang kepada aktiviti-aktiviti ekonomi dan kebajikan Islam terlibat dengan aktiviti pelaburan yang bukan semata-mata bertujuan untuk mendapatkan pulangan kewangan tetapi melaksanakan niat rohani atau matlamat penderma, pewakif dan pembayar zakat. Sehubungan dengan itu, konsep pelaburan sosial yang berteraskan kebajikan adalah dicadangkan untuk diperkenalkan dalam pembangunan Piawaian Perakaunan Islam dengan menambah seksyen khas mengenai pelaburan sosial seperti yang dibincangkan di bawah seksyen 8.2 (Pelaburan Sosial).

8.11 PENDEDAHAN KEPENTINGAN DALAM ENTITI LAIN (MPSAS 38)

Pendedahan berkaitan sifat dan risiko pelaburan atau pemilikan dalam entiti lain adalah penting

untuk menilai kesan pelaburan sesuatu entiti ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti pelabur berkenaan. Kaedah fiqh yang berkaitan dengan pendedahan maklumat pelaburan atau sebarang kerjasama dengan entiti lain ialah الحكم على الشيء فرع عن تصوره (maksud: Penilaian terhadap sesuatu perkara adalah berdasarkan pengetahuan dan pemahaman terhadap perkara tersebut). Maka, sekiranya segala kepentingan atau usahasama kebajikan didedahkan dalam penyata kewangan secara jelas (matlamat, sifat kontrak, risiko), segala penilaian negatif oleh masyarakat atau pemegang taruh dapat dielakkan.

Pendedahan maklumat tersebut merupakan salah satu tanggungjawab kepada pemegang taruh entiti pelabur, khususnya dalam konteks MAIN sebagai pentadbir baitulmal dan zakat serta pemegang amanah wakaf. Penderma, pembayar zakat dan pewakaf memberi kepercayaan supaya penggunaan hartanah atau wang tunai memenuhi niat rohani mereka. Pendedahan maklumat seperti yang dinyatakan di dalam MPSAS 38 boleh membantu dalam melaksanakan tanggungjawab MAIN kepada pemegang taruh berkaitan. MPSAS 38 menggariskan keperluan-keperluan pendedahan maklumat berkaitan dengan sifat dan risiko pelaburan atau pemilikan dalam entiti yang dikawal, syarikat bersekutu, pengaturan bersama, dan entiti berstruktur tetapi tidak disatukan.

Secara umumnya, perenggan-perenggan berkaitan dengan pendedahan sifat dan risiko pelaburan dalam entiti yang dikawal atau bersekutu dan penyertaan dalam pengaturan bersama boleh diterima pakai untuk tujuan pembangunan PPI bagi institusi BZW. Perlu ditekankan di sini walaupun pelaporan lengkap dan terperinci disarankan oleh MPSAS 38, kajian ini berpendapat sebarang pendedahan atau pelaporan maklumat hendaklah dibuat tanpa menjejaskan kefahaman maklumat, penyampaian maklumat untuk tujuan masalah pemegang taruh dan bersesuaian dengan kos yang perlu ditanggung untuk melaksanakan pelaporan maklumat. Maklumat-maklumat sepertimana yang dinyatakan di perenggan 36 seperti berikut hendaklah didedahkan di dalam Penyata Kewangan MAIN:

- i. Nama pengoperasian bersama (operasi bersama atau usahasama) atau syarikat bersekutu;
- ii. Sifat hubungan dengan MAIN (juga perlu dinyatakan jenis kontrak sekiranya menggunakan kontrak patuh Syariah);
- iii. Struktur entiti dan tempat di mana ia beroperasi;
- iv. Peratusan kepentingan yang dimiliki atau hak mengundi (jika berkaitan);
- v. Bagi syarikat bersekutu usahasama, pernyataan penggunaan kaedah ekuiti atau nilai saksama (bagi syarikat bersekutu yang menggunakan kaedah ekuiti perlu menyatakan

- nilai saksama pelaburan sekiranya saham diapungkan); dan
- vi. Ringkasan maklumat kewangan syarikat bersekutu atau usahasama seperti dividen, aset, liabiliti, hasil, cukai perlu dibayar, lebihan dan defisit serta untung dan rugi pelupusan; dan
 - vii. Bagi usahasama maklumat tambahan seperti tunai dan setara tunai, aset/liabiliti kewangan semasa, susut nilai/pelunasan, cukai pendapatan dibayar dan faedah (pendapatan dan perbelanjaan) sekiranya item-item ini adalah matan untuk MAIN.

Kesemua maklumat di atas memberi maklumat berkaitan sifat dan risiko pelaburan di dalam syarikat bersekutu dan usahasama. Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu atau sumbangan dalam usahasama sekiranya tidak matan secara individu, maklumat berkaitan dengannya hendaklah didedahkan secara agregat untuk setiap pelaburan. Selaras dengan perakaunan kumpulan wang, pendedahan sebarang maklumat berkaitan dengan pelaburan atau pemilikan dalam entiti yang dikawal, syarikat bersekutu, pengaturan bersama, dan entiti berstruktur tetapi tidak disatukan hendaklah dibuat mengikut kumpulan wang yang membuat pembiayaan pelaburan dan penajaan penyertaan dalam pengoperasian bersama.

Antara contoh pendedahan risiko yang telah dibuat di dalam Penyata Kewangan 2017 ialah oleh MAIWP di dalam Nota akaun iaitu pembiayaan kepada anak syarikat tidak bercagar dan ketiadaan sebarang syarat pembayaran balik yang tetap. Di muka surat 116, MAIWP juga mendedahkan sejumlah RM21,465,173 sebagai deposit bagi pembelian bangunan yang belum selesai status pemilikannya. MUIP juga mendedahkan maklumat kepentingannya di dalam syarikat bersekutu i.e KAOP yang diperolehi melalui keputusan Mahkamah Persekutuan pada 15 November 2017.

Kajian ini walaubagaimanapun mencadangkan sebarang pendedahan maklumat yang berkaitan dibuat secara berhierarki, iaitu mengikut kepentingan dan keperluan berdasarkan kepada tahap keperluan yang dicadangkan oleh Maqasid Syariah: *dharuriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Berikut adalah cadangan penambahan pendedahan berkaitan dengan pendedahan dan pelaporan kumpulan wang seperti di Jadual 8.6 berikut:

**Jadual 8.6: Cadangan Penambahan berkaitan dengan Pendedahan dan Pelaporan
Kumpulan Wang MPSAS 38**

No	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	<p>Selaras dengan perakaunan KW (Fund accounting) peruntukan di dalam piawaian MPSAS 38 perlu diubahsuai seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pendedahan berkaitan kepentingan dalam entiti lain dibuat di dalam penyata kewangan KW yang membuat pembiayaan pelaburan atau penajaan pengaturan bersama. (ii) Penyata Kewangan dari setiap KW digabungkan. (iii) Nota akaun sebagai penjelasan maklumat di dalam Penyata Kewangan digabungkan 	Penambahan perenggan.	Cadangan ini adalah selaras dengan pelaporan berteraskan akauntabiliti.

Berikut pula adalah cadangan penambahan pendedahan berkaitan dengan pelaporan sosial yang ditunjukkan dalam Jadual 8.7 berikut:

Jadual 8.7: Cadangan Penambahan Perenggan Berkaitan Pelaburan Sosial

No	Keterangan	Cadangan	Huraian
1.	Pendedahan berkaitan dengan pelaburan sosial oleh MAIN.	Penambahan perenggan untuk pelaburan sosial	<p>Berdasarkan SORP, kedua-dua PRI dan MRI boleh didedahkan sebagai salah satu item pelaburan secara berasingan (One-line item) di muka penyata kedudukan kewangan atau sebagai satu kelas pelaburan sosial di nota akaun bergantung kepada materialiti transaksi pelaburan berkenaan. Nota akaun berkaitan polisi entiti kebajikan hendaklah mendedahkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Asas pengukuran bagi PRI dan MMI, dan ii. Sebarang polisi atau maklumat berkaitan yang membantu dalam memahami transaksi PRI dan MMI.

8.12 RUMUSAN

Sebagai penutup, penyelidik Zon 3 berpendapat bahawa konsep yang perlu ditekankan dalam mengaplikasi isu-isu berkaitan pendedahan maklumat berkaitan pelaburan MAIN dalam anak syarikat, syarikat bersekutu dan pengaturan bersama hendaklah bertunjangkan perakaunan dana. MAIN mempunyai sumber dana yang pelbagai dengan objektif yang berbeza. Oleh itu, pendedahan maklumat berkaitan dengan pelbagai kumpulan dana perlu dinyatakan dengan jelas dan telus. Berdasarkan konsep perakaunan dana, konsep yang paling utama di dalam Fasa 4 ini adalah penyata kewangan berasingan. Walaupun terdapat pandangan yang berbeza berkaitan penyediaan penyata kewangan berasingan, penyelidik berpendapat MAIN perlu menyediakan penyata kewangan berasingan agar maklumat yang didedahkan lebih relevan dengan pemegang taruh dalam membuat keputusan. Penyatuan maklumat kumpulan wang akan mengurangkan perbezaan unik antara pelbagai kumpulan wang tersebut kepada pemegang taruh. Sebagai satu contoh praktikal, sekiranya terdapat transaksi pinjaman dana daripada satu kumpulan wang (contohnya, Kumpulan Wang Wakaf) kepada satu kumpulan wang yang lain (contohnya, Kumpulan Wang Zakat), penyatuan maklumat kumpulan wang akan menghapuskan maklumat tersebut. Sementara itu, penyediaan penyata kewangan berasingan dapat mengekalkan maklumat tersebut.

Isu berkaitan pendedahan maklumat pelaburan akan menjadi perkara sekunder. Contohnya, sekiranya MAIN mempunyai anak syarikat, penyatuan maklumat kewangan berkaitan anak syarikat perlu dilakukan di bawah Kumpulan Wang berkenaan. Begitu juga dengan syarikat bersekutu dan pengaturan bersama. Oleh itu, MAIN hendaklah mengklasifikasikan pelaburan yang dilakukan mengikut dana, sama ada dana zakat, dana wakaf atau dana baitulmal. Seterusnya, penyediaan penyata kewangan dan pendedahan maklumat hendaklah tertakluk kepada Kumpulan Wang tertentu.

Penyelidik juga membincangkan cadangan pendedahan maklumat pihak berkaitan, pendedahan maklumat belanjawan dan pendedahan maklumat peristiwa selepas tarikh pelaporan. Penyelidik berpendapat pendedahan maklumat pihak berkaitan dan peristiwa selepas tarikh pelaporan adalah relevan dan MPSAS sedia ada boleh diguna pakai dengan sedikit perubahan. Walaupun maklumat belanjawan juga penting, namun penyelidik berpendapat bahawa ianya lebih kepada kegunaan dalaman. Tambahan pula, maklumat berkaitan belanjawan ini agak sensitif dan subjektif.

BAB 9: RUMUSAN, LIMITASI DAN HALATUJU PENYELIDIKAN

9.0 PENGENALAN

Bab akhir ini merumuskan hasil dapatan kajian Fasa 4, membincangkan limitasi dan mencadangkan hala tuju kajian bagi pembangunan piawaian perakaunan patuh Syariah bagi Institusi BZW di Malaysia.

9.1 RUMUSAN

Kajian Fasa 4 dan laporan ini menumpu kepada 9 MPSAS berikut:

- i. MPSAS 14 - Peristiwa Selepas Tarikh Penyata Kewangan
- ii. MPSAS 20 - Pendedahan Pihak Berkaitan
- iii. MPSAS 22 - Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Kerajaan Umum
- iv. MPSAS 24 - Persembahan Maklumat Belanjawan
- v. MPSAS 34 - Penyata Kewangan Berasingan
- vi. MPSAS 35 - Penyata Kewangan Disatukan
- vii. MPSAS 36 - Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Dan Usahasama
- viii. MPSAS 37 - Pengaturan Bersama
- ix. MPSAS 38 - Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

Secara amnya, MPSAS-MPSAS di atas lebih menjurus kepada aspek pendedahan maklumat dan pembentangan penyata kewangan secara telus. Set piawaian tersebut merangkumi transaksi dengan pihak berkaitan dan entiti-entiti lain dalam kumpulan, termasuk anak syarikat, syarikat bersekutu dan usahasama serta pengaturan bersama. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dicadangkan dalam Bab 8, penyelidik berpendapat MPSAS 22 tidak berkaitan dengan MAIN dan institusi BZW. Oleh itu, kumpulan penyelidik mengesyorkan agar MPSAS 22 tidak diambil kira dalam membangunkan piawaian perakaunan bagi BZW. Manakala MPSAS 24 pula lebih bermakna kepada pengguna dalaman, iaitu pihak pengurusan MAIN dan ia tidak patut dilaporkan di dalam penyata kewangan untuk pemegang taruh selain dari MAIN dan bersifat hajiyyah pada pandangan masalah Islam.

Beberapa rumusan boleh dibuat hasil daripada kajian ini seperti di perenggan-perenggan berikut.

Pertama, secara keseluruhannya, dapatan kajian berkaitan amalan perakaunan di Institusi BZW menunjukkan keempat-empat MAIN (MAIWP, MAIK, MUIP dan MAIDAM) telah mengamalkan asas perakaunan Islam iaitu tauhid kepada Allah SWT dan menjaga hubungan sesama manusia. Pada masa yang sama, MAIN telah mendedahkan maklumat perakaunan di dalam penyata kewangan menurut keperluan piawaian yang diguna pakai. Namun demikian, amalan pelaporan yang dipraktikkan adalah berpandukan kepada piawaian perakaunan konvensional yang tidak sepenuhnya memenuhi tuntutan Syariah. Demi meningkatkan penzahiran akauntabiliti, MAIN harus memperbaiki pelaporan penyata kewangan mereka menurut panduan Syariah terutamanya dalam menekankan prinsip “kebolehfahaman” dalam pendedahan dan pembentangan penyata kewangan MAIN kepada pemegang taruh.

Kedua, kajian ini mencadangkan “perakaunan dana” (*fund accounting*) untuk pelaporan institusi BZW. Menurut pemerhatian penyelidik, penggunaan perakaunan dana oleh MAIN adalah sangat terhad. Sebagai contoh, MUIP hanya mendedahkan maklumat pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap kumpulan wang BZW dalam bentuk Nota Akaun.

Ketiga, oleh kerana piawaian perakaunan yang diguna pakai oleh MAIN sekarang berdasarkan piawaian konvensional, maka untuk merangkumi perakaunan dana yang dicadangkan, satu set piawaian perakaunan patuh Syariah yang khusus bagi institusi BZW perlu dibangunkan. Dengan cara ini keperluan khusus Syariah serta keunikan aktiviti institusi BZW dapat dicapai dan digambarkan secara benar dan adil dalam penyata kewangannya. Dalam membangunkan piawaian perakaunan dan pelaporan Islam BZW, piawaian sedia seperti MPSAS, MFRS atau piawaian perakaunan AAOIFI boleh menjadi asas penambahbaikan atau meminda ketetapan perakaunan dan pelaporan supaya mematuhi Syariah dan relevan dengan transaksi BZW. Ketetapan perakaunan dan pelaporan perakaunan konvensional yang tidak relevan atau tidak mematuhi Syariah boleh digugurkan untuk tujuan pembangunan piawaian berkenaan. AAOIFI telah menggunakan pendekatan yang sama dalam membangunkan piawaian perakaunan khas untuk institusi kewangan Islam.

Keempat, selari dengan penggubalan piawaian perakaunan yang khusus untuk institusi BZW, kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan patuh Syariah perlulah dibangunkan terlebih dahulu. Kajian ini mencadangkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan patuh Syariah yang mengambil kira asas utama dalam agama Islam iaitu prinsip Tauhid kepada Allah SWT. Prinsip Tauhid ini menyokong amalan akauntabiliti kepada Allah SWT (*Hablum min Allah*) dan sesama manusia dan juga alam sekitar (*Hablum Min Annas*) yang berlandaskan

kepada Maqasid Syariah. Selain daripada itu, penekanan juga diberi kepada tugas dan tanggungjawab MAIN sebagai pemegang amanah BZW sama ada sebagai pentadbir (harta baitulmal), *'amil* (zakat), dan *mutawalli* (harta wakaf). Kerangka kerja konseptual lebih menjurus kepada perakaunan Islam bagi kesemua MPSAS dalam Fasa 4. Penyelidik mencadangkan agar ciri-ciri kualitatif yang telah disarankan oleh MPSAS 1, IASB, dan juga AAOIFI diadaptasi dalam peringkat ini di mana objektifnya adalah untuk memberikan maklumat kewangan mengenai entiti pelapor (i.e MAIN) yang berguna kepada penyumbang dana, pembayar zakat dan pewakaf sedia ada dan yang berpotensi bagi membolehkan mereka membuat keputusan untuk terus menyumbang dana atau sumber kewangan kepada MAIN.

9.2 LIMITASI KAJIAN

Terdapat beberapa limitasi kajian yang perlu diambil kira dalam meneliti dapatan kajian ini. Pertama, kajian oleh Zon 3 hanya dijalankan ke atas empat MAIN (MAIWP, MAIK, MAIDAM dan MUIP) dan entiti yang diberi kuasa seperti Pusat Kutipan Zakat (PKZ Pahang) dan Pusat Pungutan Zakat WP (PPZ WP). Walaubagaimanapun, perlu diambil maklum terdapat entiti lain yang diberi mandat atau kuasa oleh MAIN sebagai pentadbir (mutawalli) wakaf yang kebanyakannya terdiri daripada universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berkemungkinan keperluan laporan bagi entiti tersebut berbeza dengan MAIN oleh kerana institusi-institusi tersebut dianggap sebagai badan berkanun. Selain daripada itu, pemegang taruh seperti Yayasan Wakaf Malaysia dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi pentadbiran dan perkembangan zakat dan wakaf di Malaysia juga tidak diambil kira. Maka, skop kajian dan dapatan adalah tertakluk kepada institusi BZW seperti yang dinyatakan di atas.

Kedua, kajian ini hanya menggunakan MPSAS sebagai tanda aras (*benchmark*) /rujukan untuk mengenal pasti jurang di antara amalan semasa perakaunan dan pelaporan di MAIN dan bagi Fasa 4 ini perhatian hanya ditumpukan kepada 9 MPSAS yang disenaraikan pada permulaan bab ini. Bagi tujuan mengenal pasti jurang berkenaan, kajian tidak membuat rujukan secara khusus kepada piawaian, garis panduan atau amalan terbaik perakaunan dan pelaporan badan amal yang lain. Ini termasuklah '*Standard of Recommended Practices 2015* (England dan Wales), *Charities Accounting Standard* (Singapore), *Accounting Standards Codification (USA)*' dan '*Accounting Standard for Not-for-Profit Organisations in Canada*'. Penandaarasan

ke atas piawaian dan peraturan tersebut mungkin akan mengisyaratkan cadangan-cadangan yang lebih komprehensif berkaitan item-item yang perlu didedahkan dalam penyata kewangan.

